



WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)  
**MENYEMARAKKAN KEMAKMURAN**  
**MEMPERKASAKAN RAKYAT**

LAPORAN TAHUNAN 2019







## RASIONAL MUKA HADAPAN

Reka bentuk muka hadapan Laporan Tahunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2019 mencerminkan kemajuan yang telah dicapai oleh wilayah ini sejak penubuhannya sehingga kini, khususnya dalam usaha memacu pembangunan sosioekonomi dan merapatkan jurang ketidakseimbangan antara wilayah demi kesejahteraan rakyat.

Pada masa yang sama, ia turut membayangkan potensi meluas yang dimiliki NCER dalam menjalani era digitalisasi dan Industri 4.0 ke arah mencapai wawasan Pertumbuhan Dengan Ekuiti, sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 pihak Kerajaan.

Pencapaian NCER dapat dilihat melalui pertumbuhan dalam sektor-sektor ekonomi utama iaitu Pembuatan, Perniagaan Tani dan Bio-Industri, serta Perkhidmatan yang merangkumi Pelancongan, Kesalinghubungan dan Logistik, serta Ekonomi Digital. Program-program modal insan NCER yang bersifat inklusif turut memainkan peranan dalam meningkatkan kemahiran dan pendapatan rakyat dari segenap lapisan masyarakat.

---

## MENYEMARAKKAN KEMAKMURAN MEMPERKASAKAN RAKYAT



### RASIONAL TEMA LAPORAN TAHUNAN NCER 2019

Tema **"Menyemarakkan Kemakmuran, Memperkasakan Rakyat"** telah dipilih untuk Laporan Tahunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) 2019 sejajar dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan, dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Tema ini juga adalah bertepatan dengan fokus pembangunan di NCER yang memberi penekanan terhadap Pembangunan Wilayah yang Seimbang, Penarikan Pelaburan dan Pemerkasaan Rakyat, demi mencapai pertumbuhan dengan ekuiti sosial untuk segenap lapisan masyarakat.

# ISI KANDUNGAN



- RASIONAL MUKA HADAPAN
- RASIONAL TEMA LAPORAN TAHUNAN NCER 2019
- 06** PERUTUSAN PENERUSI PIHAK BERKUASA  
PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)
- 08** AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR  
UTARA (2020)
- 10** PENGURUSAN NCIA
- 12** LAPORAN KETUA EKSEKUTIF
- 15** MENGENAI NCER DAN NCIA
- 16** RANGKA KERJA STRATEGIK NCER
- 17** SEKTOR-SEKTOR KEUTAMAAN NCER





<b>18</b>	STRUKTUR ORGANISASI NCIA	<b>54</b>	LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER
<b>19</b>	STATISTIK TERKINI NCER	<b>66</b>	PEMBANGUNAN MODAL INSAN
<b>20</b>	PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)	<b>98</b>	LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER
<b>30</b>	30 ZON PEMBANGUNAN UTAMA DI NCER	<b>138</b>	PROJEK-PROJEK NCER MENGIKUT NEGERI
<b>31</b>	SOROTAN PENCAPAIAN NCER 2019	<b>142</b>	WARGA KERJA NCIA
<b>38</b>	PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) 2019	<b>150</b>	PENYATA KEWANGAN
<b>39</b>	PERISTIWA PENTING 2019	<b>184</b>	DIREKTORI
<b>45</b>	KALENDAR AKTIVITI		
<b>51</b>	NCER DI MEDIA		

## PERUTUSAN PENGERUSI PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)



Selaku Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) bagi tahun berakhir 31 Disember, 2019.

Tahun 2019 merupakan tahun yang amat penting buat NCER dengan **penjajaran semula rangka kerja strategik pembangunan** wilayah ini yang bermatlamat **mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan peluang-peluang keusahawanan dan meningkatkan pendapatan rakyat.**

Usaha-usaha ini adalah selaras dengan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** pihak kerajaan dan juga wawasan NCER untuk mencapai **Pertumbuhan Dengan Ekuiti**, demi merapatkan jurang ketidakseimbangan wilayah yang masih wujud di negara ini.

Hasil daripada penjajaran semula rangka kerja strategik tersebut, NCIA berjaya meningkatkan keberkesanan dalam usahanya untuk membawa masuk lebih banyak **pelaburan swasta** dan **melaksanakan projek-projek strategik berimpak tinggi** serta **program-program**

**pembangunan modal insan** di NCER, seperti yang dicerminkan oleh tema "**Menyemarakkan Kemakmuran, Memperkasakan Rakyat**" yang telah dipilih untuk Laporan Tahunan NCER bagi tahun 2019.

Saya berasa amat sukacita kerana NCER telah berjaya menarik pelaburan swasta berjumlah **RM18.42 bilion** pada 2019, iaitu melepasi sasaran asal RM12 bilion, yang telah mewujudkan sebanyak **22,929 peluang pekerjaan baharu** untuk warga tempatan.

Saya juga berbangga dengan pencapaian program **NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)**, salah satu insentif pelaburan di NCER yang turut bermatlamat mengurangkan pengangguran di kalangan graduan tempatan, yang telah berjaya mewujudkan **5,541 peluang pekerjaan baharu** untuk rakyat.



## PERUTUSAN PENERUSI PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)

Dari segi pembangunan modal insan pula, pihak NCIA telah melaksanakan pelbagai program yang berjaya merubah hidup **25,478 rakyat tempatan** dari segenap lapisan masyarakat, tanpa mengira kaum, gender dan lokasi. Program-program tersebut antara lain merangkumi **empowerNCER** untuk para pelajar, belia dan dewasa dari golongan B40 serta **entrepreneurNCER** untuk para usahawan tempatan, yang telah menampakkan impak yang ketara walaupun baru sahaja diperkenalkan pada 2019. Di samping itu, program **Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)** turut dijalankan untuk membantu kaum ibu dan ahli keluarga mereka yang memerlukan.

NCER juga telah mencatatkan perkembangan dari segi pelaksanaan projek-projek strategik, di mana sehingga kini, sebanyak **39 projek strategik dan berimpak tinggi** telah dan sedang dirancang serta dilaksanakan di wilayah ini. Antara projek-projek tersebut ialah **Chuping Valley Industrial Area (CVIA), Kedah Rubber City (KRC), Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM), Collaborative Research In Engineering, Science & Technology (CREST), Silver Valley Technology Park (SVTP), Pulau Bebas Cukai Pangkor dan Northern Corridor Highway (NCH)**.

Kerajaan menyedari bahawa pertumbuhan sosioekonomi di NCER turut terkesan dengan penularan pandemik Covid-19 yang sedang melanda seluruh dunia. Justeru itu, saya berasa gembira kerana pihak NCIA telah pun mengambil langkah dalam menyediakan **pelan tindakan strategik yang khusus** untuk menangani impak wabak tersebut di wilayah ini. Walaupun ia bukan merupakan satu tugas yang mudah, saya yakin, dengan pelan tindakan yang jelas serta komitmen tinggi semua pihak, kita mampu mengatasi segala cabaran tersebut.

Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi tinggi penghargaan kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri NCER, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Ketua Menteri bagi negeri-negeri Perlis, Kedah, Perak dan Pulau Pinang, dan juga semua agensi pelaksana yang terlibat atas segala sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek NCER.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan NCIA yang telah banyak menyumbangkan tenaga dan kepakaran mereka dalam menjayakan agenda pembangunan di wilayah ini.

Kerajaan Persekutuan komited dalam memastikan pertumbuhan mapan yang berterusan di NCER demi memastikan kesejahteraan hidup rakyat. Dengan kesungguhan dan iltizam yang teguh, saya yakin bahawa wawasan NCER untuk menjadi sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang 2025 akan berjaya dicapai.



**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin  
bin Haji Mohammad Yassin**

Perdana Menteri Malaysia

# AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (2020)



**YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMMAD YASSIN**  
Perdana Menteri Malaysia (Pengerusi)



**YAB DATO' SERI AZLAN BIN MAN**  
Menteri Besar Perlis



**YAB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU**  
Menteri Besar Perak



**YB SENATOR TENGGU DATO' SRI  
ZAFROL BIN TENGGU ABDUL AZIZ**  
Menteri Kewangan



**YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)



**YBHG. DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI**  
Ketua Setiausaha Negara



## AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (2020)



**YAB HAJI MUHAMMAD SANUSI BIN MD NOR**  
Menteri Besar Kedah



**YAB TUAN CHOW KON YEOW**  
Ketua Menteri Pulau Pinang



**YBHG. TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN  
BIN ALI**  
Wakil Sektor Swasta



**YM TENGKU MUHAMMAD TAUFIK  
TENGKU KAMADJAJA AZIZ**  
Wakil Sektor Swasta



**YBHG. DATUK SERI JEBASINGAM  
ISSACE JOHN**  
Setiausaha: Ketua Eksekutif NCIA

### JAWATANKUASA AUDIT NCIA

No	Jawatankuasa Audit NCIA	Jawantankuasa
1	(Wakil dari sektor swasta)	Pengerusi
2	Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali (Wakil dari sektor swasta)	Ahli
3	Yang Berbahagia Dato' Ahmad Zamri bin Khairuddin (Wakil dari Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri)	Ahli
4	Encik Farithal bin Sahari (Wakil dari Kementerian Kewangan)	Ahli

# PENGURUSAN NCIA



**YBHG. DATUK SERI  
JEBASINGAM ISSACE JOHN**  
Ketua Eksekutif



**ENCIK HASRI  
BIN A. HASAN**  
Ketua Pegawai Operasi



**ENCIK MOHAMAD HARIS  
BIN KADER SULTAN**  
Ketua Pegawai Kewangan



**ENCIK ZUHAIRI  
BIN MOHMAD**  
Pengarah Kanan, Bahagian  
Perkhidmatan Korporat



**ENCIK FAJAFRI  
BIN MOHD FADZIL**  
Pengarah Kanan, Bahagian  
Pelaburan



**DATIN SHAHDEE  
BINTI DATO' AHMAD**  
Ketua, Sekretariat, Pejabat Ketua Eksekutif  
Dan Ketua, Bahagian Modal Insan



## PENGURUSAN NCIA



**PUAN JARIYAH BINTI HASHIM**  
Ketua, Pejabat Negeri Perak  
Dan Pulau Pinang, Bahagian  
Modal Insan



**ENCIK FAUZAN BIN ISMAIL**  
Ketua, Pejabat Negeri  
Kedah Dan Perlis, Bahagian  
Modal Insan



**YM RAJA DATO' ZAMILIA  
RAJA DATO' SERI MANSUR**  
Ketua, Unit Komunikasi  
Korporat



**ENCIK MUHAMMAD  
FAZLULLAH BIN  
ABDUL AZIZ**  
Ketua, Penyampaian Projek



**ENCIK ARMIY RAIS  
BIN AHMAD  
SHARIFUDDIN**  
Penasihat, Undang-Undang



**ENCIK ZAINAL AZMAN  
BIN ABU KASSIM**  
Ketua, Bahagian  
Perniagaan Tani



**ENCIK KHAIRUL  
ANUAR  
BIN. ABDULLAH**  
Ketua Audit Dalam



**MR. RAMESH KUMAR  
VERMA A/L R SOHAN LAL**  
Ketua, Pengurusan  
Pelaburan



**PUAN SUHAILA  
BINTI MOHD NAZER**  
Pemangku Ketua,  
Jabatan Sumber Manusia

# LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Selaku Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), saya dengan sukacitanya membentangkan laporan pelaksanaan projek dan pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.



Tahun 2019 merupakan tahun yang amat bermakna buat NCER, di mana NCIA telah memperkenalkan satu anjakan dan pendekatan baharu dalam rangka kerja pembangunan wilayah ini bagi mentransformasi kehidupan rakyat dan menghasilkan impak yang ketara terhadap komuniti tempatan. Dengan anjakan tersebut, keseluruhan rangka kerja strategik NCER telah diujarkannya semula dengan memberi penekanan kepada **pelaburan, pembangunan modal insan dan pelaksanaan projek-projek strategik dan berimpak tinggi** bagi mewujudkan pekerjaan, menjana peluang-peluang keusahawanan dan meningkatkan pendapatan rakyat.

Rangka kerja strategik tersebut adalah sejajar dengan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), yang turut mencadangkan agar usaha-usaha dipergiatkan untuk mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi di antara wilayah dan negeri-negeri NCER bagi menggalakkan pertumbuhan yang saksama dan meningkatkan taraf kesejahteraan rakyat. Segala usaha ini juga adalah selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 pihak Kerajaan dan wawasan NCER untuk mencapai Pertumbuhan Dengan Ekuiti.

Pada tahun 2019 juga, NCIA juga telah menyusun semula struktur dalaman organisasi bagi memastikan segala projek dan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan efektif demi manfaat rakyat.



## PELABURAN

NCER kini merupakan sebuah destinasi pelaburan bertaraf dunia yang menawarkan lokasi yang strategik, ekosistem perniagaan yang mampan dan mesra pelabur, serta rangkaian infrastruktur dan sistem pengangkutan yang cekap. Ia juga memiliki tenaga kerja terlatih, kerjasama industri-akademia yang kukuh, pakej insentif pelaburan yang menarik, serta kepelbagaian industri yang mampu memenuhi keperluan pelabur dari segenap sektor.

Untuk tahun 2019, NCER berjaya menarik masuk pelaburan swasta berjumlah **RM18.42 bilion** yang telah mencipta **22,929 peluang pekerjaan** untuk warga tempatan, sekaligus melepasi sasaran asalnya sebanyak RM12 bilion. Daripada keseluruhan jumlah pelaburan yang berjaya ditarik pada tahun tersebut, sektor Pembuatan merupakan penyumbang terbesar dengan jumlah pelaburan sebanyak RM16.66 bilion, diikuti sektor Pelancongan dengan RM1.1 bilion, Perniagaan Tani dan Industri Bio (RM0.32 bilion), dan Ekonomi Digital (RM0.33 bilion).

## PELABURAN SWASTA

**RM18.42**  
bilion (2019)

## PELUANG PEKERJAAN

**22,929**  
(2019)



## LAPORAN KETUA EKSEKUTIF

Antara faktor utama yang telah berjaya menarik jumlah pelaburan yang tinggi ke NCER ialah kewujudan infrastruktur fizikal yang baik, termasuklah taman-taman perindustrian khusus yang berperanan sebagai pengupaya dalam sektor pembuatan. Sehingga penghujung 2019, terdapat beberapa taman industri khusus yang berdaya saing sedang dibangunkan atau dalam perancangan oleh NCIA di Wilayah ini, antaranya Chuping Valley Industrial Area (CVIA), Kedah Rubber City (KRC), Sidam Logistics, Automotive and Manufacturing Hub (SLAM), Silver Valley Technology Park (SVTP), Perlis Inland Port (PIP) dan Kedah Eco-Innovation Park (KEIP).

Dari segi pemerksaan para pelabur Bumiputera, **Dana Usahawan Bumiputera NCER** telah berjaya memberi manfaat kepada **11 syarikat Bumiputera** setakat Januari 2020, dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM189 juta**. Pelaburan-pelaburan tersebut telah mewujudkan 290 peluang pekerjaan, serta kesan limpahan tidak langsung yang telah menjana 358 lagi peluang pekerjaan untuk rakyat. Pelaburan tersebut meliputi sektor pembuatan (39%), sektor pelancongan (32%), Perniagaan Tani dan Industri Bio (26%), serta Logistik (3%).

Program **NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)** yang bermatlamat mengurangkan pengangguran di kalangan graduan tempatan turut ditawarkan sebagai salah satu insentif untuk para pelabur bagi memenuhi keperluan sumber manusia mereka. Sehingga kini, NTEP telah memberi manfaat kepada 910 peserta lepasan ijazah di NCER, yang menerima gaji minimum sebanyak RM2,500 sebulan.



### PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan yang terlatih dan mampu memenuhi keperluan industri adalah amat penting dalam meningkatkan daya saing NCER sebagai sebuah destinasi pelaburan bertaraf dunia. Inisiatif pembangunan modal insan juga memainkan peranan utama dalam membangunkan lebih ramai usahawan tempatan yang berdaya saing dan mampu memainkan peranan aktif dalam pertumbuhan ekonomi wilayah ini. Program-program sebegini juga berupaya memperkasakan rakyat agar mereka mampu meningkatkan taraf hidup masing-masing ke tahap yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, pihak NCIA giat melaksanakan pelbagai program modal insan yang telah berjaya merubah hidup rakyat, antaranya, **Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)**, **empowerNCER** dan **entrepreneurNCER** yang sehingga kini telah memberi manfaat kepada **25,478 rakyat** di NCER.

Program **Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)** lahir atas dasar keprihatinan Kerajaan tentang peranan penting yang dimainkan oleh kaum ibu yang merupakan tunjang utama keluarga. Sukacita dimaklumkan bahawa program ini telah memberi manfaat kepada **4,281 peserta wanita di Kedah serta 15,487 tanggungan mereka** yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah. Mereka kini mampu membeli barangan keperluan asas bernilai sehingga RM250 setiap orang di lebih 60 panel kedai runcit dan 14 panel rantaian pasaraya dengan menggunakan kad pembayaran tanpa tunai, serta layak menerima rawatan kesihatan bernilai sehingga RM500 setahun di 120 buah klinik di serata negeri Kedah.

Tahun 2019 juga menyaksikan **pelancaran dua program modal insan baharu** di NCER, iaitu **empowerNCER** dan **entrepreneurNCER** yang telah pun menunjukkan impak yang ketara terhadap taraf hidup rakyat walaupun baru sahaja dilancarkan secara rasmi pada bulan November 2019. empowerNCER terdiri daripada dua komponen iaitu **Latihan Akademik** untuk para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan awam, serta **Latihan Kemahiran dan Keusahawanan** untuk para belia dan dewasa dari golongan B40. Program entrepreneurNCER pula disasarkan kepada para usahawan tempatan yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Latihan Akademik empowerNCER sehingga kini telah memberi manfaat kepada **2,600 pelajar**, termasuk 300 pelajar Orang Asli, manakala program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empowerNCER telah memberi manfaat kepada **2,200 peserta dari golongan B40**, yang mana ada di kalangan mereka telah berjaya menjana pendapatan tambahan sehingga RM1,500 dalam tempoh dua bulan pertama menyertai program tersebut.

Pada September 2019, NCIA telah memeterai perjanjian dengan **Maybank dan Agrobank** untuk melaksanakan skim pembiayaan mudah di bawah program **entrepreneurNCER**. Setakat Februari 2020, program tersebut telah memberi manfaat kepada **3,519 usahawan** di wilayah ini, di mana sebanyak **RM58 juta pinjaman** telah disalurkan kepada para usahawan terbabit untuk mengembangkan perniagaan mereka. Jumlah tersebut meliputi RM34.5 juta oleh pihak Maybank dan RM23.5 juta oleh pihak Agrobank. Program ini juga telah memberi manfaat lebih 92% usahawan Bumiputera dan 19% usahawan golongan wanita. entrepreneurNCER turut mencerminkan perkongsian bijak di antara pihak kerajaan dan bank dari segi kos, iaitu dengan kadar nisbah 1:14.

## LAPORAN KETUA EKSEKUTIF



### PROJEK-PROJEK STRATEGIK

Setakat ini, sebanyak **39 projek strategik** kini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan di NCER, antaranya, CVIA, Superfruits Valley, KRC, SLAM, Collaborative Research In Engineering, Science & Technology (CREST), SVTP, Pulau Bebas Cukai Pangkor, Pelancongan Warisan Ipoh, Kedah Digital Library (KDL), Northern Corridor Highway (NCH), dan PIP.

Antara projek-projek fizikal yang sedang dijalankan pada 2019 ialah kerja-kerja fizikal di KRC, CVIA, Pelancongan Warisan Ipoh, dan KDL. Di samping itu, NCIA juga sedang menyediakan rangka kerja dan pelan pelaksanaan bagi pelaksanaan projek untuk tahun 2020 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), antaranya, pembangunan di Pulau Bunting, SLAM, SVTP dan Zon Pembangunan Khas di Yan, Sik dan Baling di Kedah, serta Pengkalan Hulu di Perak.



### PROSPEK

Untuk tahun 2020 dan seterusnya, pembangunan mapan di NCER akan memfokuskan kepada sektor-sektor keutamaan dan strategik iaitu pembuatan, yang antara lain meliputi aeroangkasa, elektronik dan elektrik (E&E), serta peranti perubatan; perniagaan tani dan industri bio; petrokimia; ekonomi hijau; perlombongan mapan; dan perkhidmatan yang terdiri daripada pelancongan, logistik dan kesalinghubungan, ekonomi digital, dan pendidikan.

Inisiatif-inisiatif pembangunan modal insan ini disasarkan kepada rakyat dari segenap lapisan masyarakat, termasuklah komuniti Orang Asli. Pendekatan inklusif ini adalah bagi memastikan tiada sesiapa yang tertinggal dalam transformasi sosioekonomi di Wilayah ini, terutamanya golongan B40 di kawasan pedalaman.

Tahun 2020 juga menandakan satu lagi titik bersejarah buat NCIA dengan penyiapan **Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)** yang telah diluluskan oleh kesemua kerajaan negeri NCER dan Majlis NCIA. Namun dengan penularan pandemik COVID-19 yang telah memberi kesan terhadap ekonomi dunia, pihak NCIA telah bertindak pantas dengan mengkaji dan menggariskan semula rangka kerja tersebut dengan menerapkan strategi dan pelan tindakan pasca-pandemik COVID-19 yang perlu diambil bagi menangani kesan wabak tersebut. Ini adalah penting memandangkan sasaran awal pertumbuhan ekonomi yang telah ditetapkan untuk NCER sebelum ini akan memerlukan lebih masa untuk dicapai akibat pandemik yang melanda.

Untuk itu, NCIA akan mengambil pendekatan serampang tiga mata iaitu **mempercepatkan pertumbuhan pelaburan swasta, memberi keutamaan kepada infrastruktur strategik dan memperluaskan program-program modal insan** di NCER, yang dijangka mampu memenuhi keperluan rakyat dan industri untuk bangkit semula bagi memulihkan kembali ekonomi wilayah ini dan juga negara.

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) ini bakal menjadi rujukan bagi agenda pembangunan Wilayah ini untuk tahun-tahun berikutnya. Bertemakan “Kemakmuran Bersama Melalui Pembangunan Wilayah Yang Seimbang”, pelan pembangunan strategik ini bermatlamat untuk mengurangkan jurang antara bandar-luar bandar dengan cara memacu produktiviti dan pertumbuhan ekonomi yang mapan dalam sektor-sektor penting, melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi pemerkesaan rakyat, pengukuhan rangkaian infrastruktur, penyusunan semula jaringan sosial, serta pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di wilayah ini.



### PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pembangunan di NCER atas peranan dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh mereka dalam menjayakan pembangunan sosioekonomi di Wilayah ini, terutamanya kepada YAB Menteri Besar-Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri-negeri NCER atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan agenda pembangunan Kerajaan di wilayah ini.

Ribuan terima kasih juga ingin saya sampaikan kepada semua Kementerian dan agensi yang terlibat, sama ada di peringkat Persekutuan dan peringkat negeri, yang telah banyak membantu dalam memastikan kelancaran projek-projek NCER.

Saya juga ingin menzahirkan penghargaan khas kepada pihak pengurusan dan seluruh warga NCIA atas komitmen dan usaha gigih mereka selama ini dalam merealisasikan pelaksanaan agenda pembangunan NCER.

Pihak kami menyedari bahawa cabaran yang amat besar kini sedang menanti. Namun, dengan komitmen tinggi semua pihak yang terlibat, saya yakin bahawa NCER mampu mencapai sasaran yang telah ditetapkan, selaras dengan iltizam kami untuk “Menyemarakkan Kemakmuran, Memperkasakan Rakyat.”

Terima kasih.

**Datuk Seri Jebasingam Issace John**

Ketua Eksekutif NCIA


# MENGENAI NCER DAN NCIA

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah ditubuhkan dengan matlamat untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah utara Semenanjung Malaysia, yang merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis.

Sejak penubuhannya pada tahun 2007, NCER telah menjalani evolusi yang progresif dan berterusan, selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan yang inklusif dan mapan bagi merapatkan jurang ketidakseimbangan wilayah serta memastikan pertumbuhan ekonomi yang saksama di seluruh tanahair demi manfaat rakyat.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) merupakan badan yang bertanggungjawab menetapkan hala tuju serta merangka dasar-dasar dan strategi berkaitan pembangunan sosioekonomi NCER. Ditubuhkan pada Jun 2008 di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687), NCIA berperanan memacu pertumbuhan ekonomi NCER ke arah menjadi sebuah wilayah ekonomi bertaraf dunia melalui pelaksanaan projek-projek dan program-program pembangunan berimpak tinggi dalam kluster-kluster ekonomi utama yang terdiri daripada Pembuatan, Perkhidmatan, Perniagaan Tani, Petrokimia, Ekonomi Hijau dan Perlombongan Mapan. Perkhidmatan yang merangkumi Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, serta Ekonomi Digital.

## WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA (NCER)



### ▶ OBJEKTIF NCER



Menggalakkan Potensi Ekonomi Melalui Projek-projek Bersifat Pemangkin dan Program-program Berimpak Tinggi



Menangani Ketaksamaan Pembangunan & Ketidakseimbangan Wilayah



Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Yang Saksama



# RANGKA KERJA STRATEGIK NCER

## VISI:

Pertumbuhan Dengan Ekuiti

### HASIL-HASIL UTAMA

#### Pewujudan Pekerjaan

- Pekerjaan kemahiran separa/tinggi untuk rakyat tempatan
- Meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja

#### Mengalakkan Keusahawanan

- Mencipta peluang keusahawanan
- Pentauliahan mikro untuk PKS
- Keusahawanan sosial

#### Pendapatan Tinggi

- Mengurangkan ketaksamaan pendapatan
- Peningkatan pendapatan B40-M40
- Peningkatan pendapatan wanita dan belia dalam tenaga kerja

#### Meningkatkan Pelaburan Swasta

- Mengukuhkan daya saing untuk menarik pelaburan
- Meningkatkan penyertaan sektor swasta

Hasil-hasil utama sebagai penyelesaian kepada isu-isu penting di serata NCER

### PENDORONG STRATEGIK UTAMA

#### Pertumbuhan Ekonomi Mapan

- Memacu pembangunan dalam sektor-sektor utama dan strategik
- Mengurangkan ketaksamaan pembangunan wilayah & ketidakseimbangan bandar-luar bandar
- Memupuk budaya keusahawanan

#### Penyusunan Semula Jaringan Sosial

- Menekankan kepentingan modal sosial
- Meningkatkan tahap sesuai didiami & kualiti hidup
- Memperkasa golongan wanita dan belia
- Menyokong agenda Bumiputera & keterangkuman

#### Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

- Pembangunan mapan dengan teknologi pintar dan bersih
- Pemeliharaan dan pemuliharaan sumber semulajadi
- Pengurusan sumber semulajadi yang mapan
- Fokus terhadap tenaga yang bersih /boleh diperbaharui

Pendorong-pendorong strategik utama adalah sejajar dengan dimensi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Rangka Kerja RMK-12

### KLUSTER EKONOMI UTAMA

#### Pembuatan

- E&E
- Getah
- FMCG
- M&E
- Automotif
- Aeroangkasa
- Peranti Perubatan

#### Perkhidmatan

- Pelancongan
- Pendidikan
- Logistik & Kesalinghubungan
- Ekonomi Digital

#### Perniagaan Tani

- Padi
- Tanaman Kontan
- Perikanan
- Penternakan

#### Petrokimia

#### Ekonomi Hijau

#### Perlombongan Mapan

Projek-projek berimpak tinggi akan dilaksanakan dalam sektor-sektor utama untuk meneraju pembangunan wilayah

### PENGUPAYA UTAMA

#### Infrastruktur

- Menambahbaik infrastruktur logistik, pengangkutan dan utiliti
- Mengukuhkan rantaian bandar-luar bandar
- Mengukuhkan kesalinghubungan & mobiliti

#### Ekosistem

- Menambahbaik infrastruktur logistik, pengangkutan dan utiliti
- Mengukuhkan rantaian bandar-luar bandar

#### Kemahiran dan Bakat

- Melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran berkaitan
- Meningkatkan kebolehpasaran graduan
- Meningkatkan keusahawanan

#### Teknologi Termaju

- Mengamalkan ekonomi digital & IR4.0
- Mengukuhkan infrastruktur digital
- Meningkatkan penyelidikan, pembangunan & pengkomersialan (R&D&C)

Pengupaya-pengupaya utama untuk membolehkan lebih banyak pembangunan berlaku di seluruh NCER

**DASAR WILAYAH: DESENTRALISASI TERTUMPU**

# SEKTOR-SEKTOR KEUTAMAAN NCER

## PEMBUATAN

- FMCG
- Getah
- Aeroangkasa
- E&E
- Automotif
- M&E
- Peranti Perubatan

## PERNIAGAAN TANI

- Padi
- Tanaman Kontan
- Haiwan Ternakan
- Perikanan

## PERKHIDMATAN

- Pendidikan
- Ekonomi Digital
- Pelancongan
- Logistik & Kesalinghubungan
- Geopelancongan
- Arkeo-pelancongan
- Pelancongan Khusus
- Pelancongan Warisan
- Udara
- Darat
- Laut

## EKONOMI HIJAU

- Tenaga Boleh Diperbaharui
- Biodiversiti
- Teknologi Hijau

## PERNIAGAAN TANI

## PERKHIDMATAN

## PETROKIMIA


## EKONOMI HIJAU

## PERLOMBONGAN MAPAN

## PEMBUATAN



# STRUKTUR ORGANISASI NCIA






# STATISTIK TERKINI NCER


## KDNK PER KAPITA, 2018 (RM)

KDNK Per Kapita bagi negeri-negeri NCER (kecuali Pulau Pinang) adalah di bawah **Purata Nasional (RM44,628)**




## PRODUKTIVITI TENAGA KERJA, 2018 (RM)

Kesemua negeri kecuali Pulau Pinang mencatatkan jumlah di bawah **Purata Nasional (RM92,100)**




## ISI RUMAH B40, 2019

**657,900** Jumlah Keseluruhan Isi Rumah B40 di NCER




## PENDAPATAN ISI RUMAH, 2019 (RM)

Kesemua negeri NCER mencatatkan pendapatan isi rumah di bawah **Purata Nasional (RM7,901)**




## MIGRASI BERSIH, 2018

**6,600** penghijrahan keluar kumulatif dari NCER



## GRADUAN MENGGANGGUR, 2019 (%)

**12,699** Graduan Menganggur di NCER



# PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

Dengan bersandarkan kemajuan yang telah dicapai setakat ini, NCER kini bersedia untuk memasuki fasa pembangunan yang seterusnya, di mana usaha-usaha yang lebih berani perlu diambil untuk meneruskan inisiatif-inisiatif berimpak tinggi yang akan menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat, selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Sehubungan itu, pihak NCIA telah merangka Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) yang menggariskan hala tuju dan strategi masa hadapan wilayah ini untuk menyemarakkan lagi pertumbuhan ekonomi dan merapatkan jurang ketidakseimbangan wilayah yang masih wujud pada ketika ini. Berlandaskan tema "Kemakmuran Bersama Melalui Pembangunan Wilayah yang Seimbang", pelan pembangunan strategik ini bermatlamat untuk mengurangkan jurang antara bandar-luar bandar dengan cara memacu produktiviti dan pertumbuhan ekonomi yang mapan dalam sektor-sektor penting, melalui pendekatan menyeluruh yang meliputi pemeraksanaan rakyat, pengukuhan rangkaian infrastruktur, penyusunan semula jaringan sosial, serta pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di wilayah ini.

Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025) telah dihasilkan setelah melalui proses terperinci yang melibatkan kolaborasi dan konsultasi dengan lebih 300 pemegang kepentingan dari pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, institusi-institusi pengajian tinggi, serta pihak swasta. Rangka kerja strategik ini juga telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Negeri yang dipengerusikan oleh para Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri-negeri NCER, sebelum ia diluluskan oleh pihak Majlis NCIA yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Penyediaan pelan strategik ini adalah berpandukan dasar-dasar dan pelan-pelan pembangunan nasional dan peringkat negeri, bagi memastikan ia adalah selaras dengan strategi, inisiatif dan sasaran penghasilan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa di peringkat persekutuan dan negeri. Sehubungan itu, pelan strategik ini akan memainkan peranan penting sebagai rujukan utama bagi pelaksanaan projek-projek dan program-program berimpak tinggi di NCER bagi meningkatkan taraf hidup dan pendapatan rakyat, selaras dengan wawasan Pertumbuhan dengan Ekuiti.

**Pelan Pembangunan Strategik NCER adalah sejajar dengan pelan pembangunan di peringkat nasional dan keempat-empat negeri NCER**



**Rangka Kerja RMK-12**



**Wawasan Kemakmuran Bersama 2030**



**Pelan-Pelan Negeri**



**Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025)**



1

Rangka Kerja Pembangunan Wilayah

2

Sektor-sektor Keutamaan Wilayah

3

Rangka Kerja Pembangunan Negeri

4





Projek & Program untuk Negeri

5

Asas untuk Pelaksanaan RMK-12

## PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)






### SEKILAS PANDANG SOSIOEKONOMI NCER

STATISTIK UTAMA	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK
 <b>6.67 Juta</b> Penduduk (2018)	<b>0.25</b> Juta	<b>2.16</b> Juta	<b>1.76</b> Juta	<b>2.50</b> Juta
 <b>2.97 Juta</b> Pekerjaan (2018)	<b>0.11</b> Juta	<b>0.94</b> Juta	<b>0.85</b> Juta	<b>1.07</b> Juta
 <b>RM215 Bil.</b> KDNK Setakat 2018	<b>5,884</b> RM Juta	<b>44,860</b> RM Juta	<b>91,175</b> RM Juta	<b>72,942</b> RM Juta
 <b>32,335km<sup>2</sup></b> Jumlah kawasan keseluruhan	<b>818</b> Kilometer persegi	<b>9,447</b> Kilometer persegi	<b>1,032</b> Kilometer persegi	<b>21,038</b> Kilometer persegi

### VISI NCER UNTUK MENJADI EKONOMI BERNILAI RM300 BILION

	PURATA PENDAPATAN ISI RUMAH	PEWUJUDAN PEKERJAAN	PELABURAN TEKUMPUL	USAHAWAN	KDNK
	<b>RM10,508</b>	<b>161,197</b>	<b>RM146.5 bil.</b>	<b>42,317</b>	<b>RM300 bil.</b>

### SASARAN SUMBANGAN NEGERI-NEGERI NCER

					
<b>KEDAH</b>	<b>RM10,464</b>	<b>43,204</b>	<b>RM32.7 bil.</b>	<b>9,801</b>	<b>RM62 bil.</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>RM14,391</b>	<b>90,000</b>	<b>RM82.2 bil.</b>	<b>26,718</b>	<b>RM128 bil.</b>
<b>PERAK</b>	<b>RM10,765</b>	<b>22,286</b>	<b>RM28.8 bil.</b>	<b>4,371</b>	<b>RM103 bil.</b>
<b>PERLIS</b>	<b>RM10,662</b>	<b>5,708</b>	<b>RM3.0 bil.</b>	<b>1,427</b>	<b>RM7 bil.</b>



# PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

## RANGKA KERJA PEMBANGUNAN STRATEGIK PERLIS

### 1 ZON SEMPADAN STRATEGIK PERLIS – KEDAH – THAILAND

#### Gerbang Sempadan Padang Besar

- ▶ Logistik
- ▶ Perdagangan Sempadan
- ▶ Pelancongan Sempadan

#### Chuping Agro Valley

- ▶ Perniagaan Tani
  - Perladangan Moden Bersepadu
  - Inisiatif Superfruits
  - Inisiatif Industri Tenusu

#### Kawasan Bersepadu Chuping

- ▶ *Perlis Inland Port*
- ▶ *Chuping Valley Industrial Area (CVIA)*
- ▶ *UniKL Asia Sustainable Transport Insitute*
- ▶ *UniKL Asia Sustainable Transport Institute*

### 2 ZON BIODIVERSITI PERLIS – SATUN – LANGKAWI

#### Taman Negeri Perlis

- ▶ Pemuliharaan Biodiversiti
- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Geopark

#### Gerbang Ekopelancongan Kaki Bukit / Wang Kelian

- ▶ Pelancongan Berasaskan Komuniti
- ▶ Industri Desa

### 3 KORIDOR PERTUMBUHAN KUALA PERLIS – KANGAR – KOTA RAJA

#### Bandar Maritim Kuala Perlis

- ▶ Daerah Penambahbaikan Kawasan Terminal Maritim Kuala Perlis
- ▶ Pelancongan
- ▶ Logistik
- ▶ Perikanan

#### Pusat Bandar Kangar

- ▶ Perbandaran Pentadbiran
- ▶ Pusat Kewangan
- ▶ Komersial (Peruncitan)
- ▶ Pelancongan Warisan

#### Koridor Pembangunan Kota Raja

- ▶ Arau
  - Pelancongan
  - Warisan
  - Pendidikan
- ▶ Bandar Diraja
- ▶ Kawasan-Kawasan Penambahbaikan Daerah Arau
- ▶ Pauh Putra
  - Pendidikan
  - Bio-Industri

### 3 KORIDOR PERTUMBUHAN KUALA PERLIS

#### Simpang Empat

- ▶ Kawasan Jelapang Padi Negara
- ▶ *Estate Management Model 2.0* untuk Padi
- ▶ Pelancongan Berasaskan Komuniti
- ▶ Industri Desa

#### Zon Pembangunan Bersepadu Maritim Sanglang

- ▶ Pelancongan
- ▶ Logistik
- ▶ Perikanan
- ▶ Akuakultur

#### Petunjuk

#### FOKUS PERTUMBUHAN

- ▨ Koridor Pembangunan Utama
- Hutan Semulajadi / Kompleks Hutan / Hutan Paya Bakau
- Kluster Pertanian
- Kawasan Jelapang Padi
- Nod Ekonomi Pemangkin
- Kawasan Pembangunan Luar Bandar
- Daerah Penambahbaikan Kawasan Hab Pengangkutan


#### PENGUPAYA KESALINGHUBUNGAN:

- ▬ Lebuhraya / Jalan Raya
- III Rangkaian Rel
- Rangkaian Maritim
- ✈ Lapangan Terbang
- ⚓ Pelabuhan / Jeti
- 🚉 Stesen Rel

## PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

### AKTIVITI NIC RMK-12 UNTUK NEGERI PERLIS

- Aktiviti Ekonomi Sempadan & Logistik
- Penjana Tenaga Boleh Diperbaharui - Solar
- Pembuatan Hijau & Halal
- Pertanian Bernilai Tinggi Bersepadu
- Pelancongan Sempadan & Eko



# PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

## RANGKA KERJA PEMBANGUNAN STRATEGIK KEDAH






# PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

## AKTIVITI NIC RMK-12 UNTUK NEGERI KEDAH

- Aktiviti Ekonomi Sempadan
- Industri Aeroangkasa
- Industri Biopolimer
- Pertanian Bernilai Tinggi Bersepadu
- Arkeopelancongan & Ekopelancongan



## PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

### RANGKA KERJA PEMBANGUNAN STRATEGIK PULAU PINANG

#### 1 ZON PERINDUSTRIAN BATU KAWAN

##### Batu Kawan – Simpang Ampat

- ▶ Hi-Tech Park
- ▶ Pembuatan
- ▶ Science Park
- ▶ Taman Halal
- ▶ Kedai-kedai Peruncitan Serantau
- ▶ Pelancongan Sukan
- ▶ Daerah Penambahbaikan Kawasan
- ▶ Stesen Simpang Ampat

#### 2 KORIDOR PERTUMBUHAN GREATER BUTTERWORTH – PERMATANG PAUH – BUKIT MERTAJAM

##### Greater Butterworth

- ▶ Penang Sentral (Pembangunan Berteraskan Transit)
- ▶ Hi-Tech Park
- ▶ Pembuatan
- ▶ Hab Logistik
- ▶ Pelabuhan Pulau Pinang
- ▶ Pelabuhan Kapal Tuna
- ▶ Pembangunan Pinggir Air (*Waterfront*)
- ▶ Pembuatan Berkaitan Pelabuhan

##### Permatang Pauh

- ▶ EMM Padi & Tanaman Kontan
- ▶ Agropelancongan

##### Bukit Mertajam

- ▶ Daerah Penambahbaikan Kawasan Stesen Bukit Mertajam

##### Juru

- ▶ Pembuatan Komersial

#### 3 NOD PERTUMBUHAN KEPALA BATAS – TASIK GELUGOR

##### Kepala Batas

- ▶ Pentadbiran
- ▶ Komersial
- ▶ Pembuatan

##### Bandar Bertam

- ▶ Hab Pendidikan
- ▶ Stesen Keretapi Baharu Kubang Menerong

##### Tasek Gelugor

- ▶ Kawasan Penambahbaikan Stesen
- ▶ Pertanian
- ▶ Perkhidmatan Perniagaan
- ▶ Taman Perindustrian PKS

#### 4 ZON AKUAKULTUR SEBERANG PERAI

##### Pulau Jerejak – Pulau Aman – Pulau Gedung

- ▶ Akuakultur (Udang, tiram, abalone)
- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Zon Biodiversiti Pulau Jerejak

#### 5 ZON PEMBANGUNAN GEORGE TOWN

##### George Town

- ▶ Pelancongan Warisan
- ▶ Hab Perniagaan Pinggir Air
- ▶ Logistik
- ▶ Hab Pengangkutan
- ▶ Pelancongan Kapal Persiaran
- ▶ *Penang Transport Master Plan*

##### Ekopelancongan George Town – Batu Ferringhi – Teluk Bahang

- ▶ Ekopelancongan

##### Ekopelancongan George Town – Ayer Itam – Balik Pulau

- ▶ Industri Durian
- ▶ Superfruits
- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Hab Pendidikan
- ▶ Perubatan dan Kesejahteraan
- ▶ Pusat Pertanian Relau
- ▶ Akuakultur

##### Zon George Town – Bayan Baru – Bayan Lepas

- ▶ Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang
- ▶ Perkhidmatan Perniagaan Global
- ▶ Penang South Waterfront
- ▶ Logistik
- ▶ Pembuatan
- ▶ *NCER Technology Innovation Centre (NTIC)*

#### 7 ZON KESELAMATAN MAKANAN NEGARA PENAGA – KEPALA BATAS

- ▶ Kawasan Jelapang Padi Penaga – Kepala Batas
- ▶ EMM Padi & Tanaman Kontan
- ▶ Agropelancongan
- ▶ Arkeo-Pelancongan Guar Kepah

#### 8 ZON BIODIVERSITI BALIK PULAU – TELUK BAHANG

- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Padi Organik & Tanaman Kontan
- ▶ Durian
- ▶ Penternakan Tiram
- ▶ Agropelancongan

#### 9 ZON BIODIVERSITI KUALA MUDA

- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Akuakultur

#### 6 ZON PEMBANGUNAN TRANSKRAN

##### Nibong Tebal

- ▶ Durian
- ▶ Superfruits
- ▶ Ekopelancongan



# PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

## RANGKA KERJA PEMBANGUNAN STRATEGIK PERAK

### 1 ZON BIODIVERSITI ROYAL BELUM

#### Kawasan Biodiversiti Royal Belum

- ▶ Tapak Warisan Dunia UNESCO
- ▶ Ekopelancongan

#### Kawasan Biodiversiti Royal Gerik

- ▶ Bandar Gerbang Ekopelancongan
- ▶ Pusat Khidmat Pelancongan
- ▶ Rehat & Rawat

#### Temengor

- ▶ Perlombongan Mapan

### 2 ZON SEMPADAN BALING – PENGKALAN HULU – BETONG

#### Pengkalan Hulu

- ▶ Perlombongan Mapan
- ▶ Pelancongan Sempadan
- ▶ Pelancongan Arkeo
- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Zon Pembangunan Khas
  - Pelancongan Berasaskan Komuniti
  - Industri Desa

### 3 KORIDOR PERTUMBUHAN GREATER IPOH – TAIPING – PANGKOR

#### Greater Ipoh

- ▶ Ekonomi Digital
- ▶ Pusat Tadbir Kewangan
- ▶ Pelancongan Bandar
- ▶ Pelancongan Warisan
- ▶ Pelancongan Perubatan
- ▶ Pelancongan NicTanjung Tualang (TT5)
- ▶ Pendidikan
- ▶ Revitalisasi Bandar
- ▶ Geopark
- ▶ Daerah Penambahbaikan Kawasan Stesen Ipoh
- ▶ Pembuatan
- ▶ Perlombongan Mapan
- ▶ Penjanaan Tenaga Boleh Diperbaharui
- ▶ Ipoh Airport
- ▶ Silver Valley Technology Park (SVTP)

#### Manjung

- ▶ Pelabuhan Lumut
- ▶ Logistik
- ▶ Perindustrian Berat
- ▶ Industri Maritim
- ▶ Penyu Segari
- ▶ Tanaman Kontan
- ▶ Abalone
- ▶ Tiram
- ▶ Haiwan Ternakan

#### Taiping / Kuala Kangsar

- ▶ Bandar Diraja
- ▶ Pelancongan Warisan

#### Seri Iskandar / Perak Tengah

- ▶ Pendidikan
- ▶ Pelancongan Warisan Pasir Salak
- ▶ Ladang Tenusu
- ▶ EMM
- ▶ Tanaman Kontan & Padi

#### Pulau Pangkor

- ▶ Pangkor Pulau Bebas Cukai
- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Pelancongan Pulau
- ▶ Perikanan & Akuakultur

- ▶ Ekopelancongan Bukit Larut
- ▶ Pembuatan

### 4 ZON BIODIVERSITI SLIM RIVER – SUNGKAI

#### Jalur Pelancongan Banjaran Titiwangsa

- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Konservasi Hutan
- ▶ Program Komuniti & Warisan Orang Asli

#### Nod Pelancongan Slim River – Sungai Bil

- ▶ Industri Desa & Pelancongan Berasaskan Komuniti
- ▶ Industri desa & berasaskan sumber

#### Sumber Semulajadi / Boleh Diperbaharui

- ▶ Perpaipan Air Bawah Tanah
- ▶ Penjanaan Tenaga Boleh Diperbaharui

### 5 HAB AUTOMOTIF TANJONG MALIM

- ▶ Automotif
- ▶ Hab Pendidikan
- ▶ Daerah Penambahbaikan Kawasan Stesen Tanjong Malim
- ▶ Ekopelancongan

### 6 ZON PEMBANGUNAN TRANSKRIAN

#### Kawasan Jelapang Padi Negara Parit Buntar / Bagan Serai

- ▶ Padi dan Estate Management Model 2.0
- ▶ Ekopelancongan Bukit Merah
- ▶ Tanaman Kontan

### 7 ZON KESELAMATAN MAKANAN NEGARA PERAK SELATAN

#### Sg. Manik

- ▶ Kawasan Jelapang Padi Negara
- ▶ Pertanian Moden

#### Bagan Datuk

- ▶ Kelapa
- ▶ Superfruits
- ▶ Akuakultur & Perikanan
- ▶ Jeti Hutan Melintang

#### Teluk Intan

- ▶ Pelancongan Warisan
- ▶ Akuakultur & Perikanan
- ▶ Industri Oleokimia

### 8 ZON BIODIVERSITI LARUT MATANG

- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Konservasi Hutan Paya Bakau
- ▶ Akuakultur & Perikanan

### 9 LENGGONG UNESCO

- ▶ Arkeo-Pelancongan
- ▶ Pertanian Bercampur
- ▶ Perlombongan Mapan

### 10 TAPAH EDUCATION CITY

- ▶ Ekopelancongan
- ▶ Perpaipan Air Bawah Tanah
- ▶ Program Inklusiviti Orang Asli
- ▶ Kossan Glove City



# PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK NCER (2021-2025)

## AKTIVITI NIC RMK-12 UNTUK NEGERI PERAK

- Ekonomi Digital & Industri Kreatif
- Pembuatan Teknologi Tinggi
- Pertanian Bernilai Tinggi Bersepadu
- Perlombongan Mapan dan Aktiviti Hiliran
- Pelancongan Warisan, Geo dan Eko

### Petunjuk

#### FOKUS PERTUMBUHAN


- ▨ Koridor Pembangunan Utama
- Hutan Semulajadi / Kompleks Hutan / Hutan Paya Bakau
- Kluster Pertanian
- Kawasan Jelapang Padi
- Nod Ekonomi Pemangkin
- Nod Peluang Khusus
- Kawasan Pembangunan Luar Bandar
- Daerah Penambahbaikan Kawasan Hab Pengangkutan
- Tapak UNESCO Lenggong
- ≡ Kawasan Perlombongan Berpotensi

#### PENGUPAYA KESALINGHUBUNGAN & INFRASTRUKTUR

- Rangkaian Saluran Paip Gas
- Rangkaian Lebuhraya / Jalan Raya
- Northern Corridor Highway (Cadangan)
- Lebuhraya Pantai Barat
- III Rangkaian Rel
- III Rangkaian Maritim
- ✈ Lapangan Terbang
- ⚓ Pelabuhan / Jeti
- ⚓ Stesen Rel



# 30 ZON PEMBANGUNAN UTAMA DI NCER



- |            |  |            |  |            |   |
|------------|--|------------|--|------------|---|
| <b>Z1</b>  | Zon Sempadan Strategik Perlis - Kedah - Thailand                 | <b>Z12</b> | Zon Sempadan Baling - Pengkalan Hulu - Bentong                           | <b>Z24</b> | Koridor Pertumbuhan Greater Ipoh - Taiping - Pangkor<br>i. Ipoh<br>ii. Taiping<br>iii. Manjung<br>iv. Pangkor |
| <b>Z2</b>  | Zon Biodiversiti Perlis - Langkawi - Satun                       | <b>Z13</b> | Zon Pembangunan Transkrian   | <b>Z25</b> | Zon Biodiversiti Slim River - Sungkai   |
| <b>Z3</b>  | Koridor Pertumbuhan Kuala Perlis - Kangar - Kota Raja            | <b>Z14</b> | Zon Biodiversity Kuala Muda  | <b>Z26</b> | Hab Automotif Tanjung Malim   |
| <b>Z4</b>  | Zon Keselamatan Makanan Negeri Perlis                            | <b>Z15</b> | Zon Perindustrian Batu Kawan   | <b>Z27</b> | Zon Keselamatan Negara Perak Selatan  |
| <b>Z5</b>  | Kedah Rubber City  | <b>Z16</b> | Koridor Pertumbuhan Greater Butterworth - Pematang Pauh - Bukit Mertajam | <b>Z28</b> | Zon Biodiversiti Larut Matang   |
| <b>Z6</b>  | Zon Keselamatan Makanan Negara Kota Setar - Pendang - Pokok Sena | <b>Z17</b> | Nod Pertumbuhan Kepala Batas - Tasik Gelugor                             | <b>Z29</b> | Tapak Warisan Dunia UNESCO Lenggong   |
| <b>Z7</b>  | Alor Setar Bandaraya Warisan                                     | <b>Z18</b> | Zon Akuakultur   | <b>Z30</b> | Tapah Education City  |
| <b>Z8</b>  | Biodiversiti Pedu - Ulu Muda                                     | <b>Z19</b> | Zon Pembangunan George Town  |            |   |
| <b>Z9</b>  | Zon Maritim Kedah  | <b>Z20</b> | Zon Keselamatan Makanan Negara Penaga - Kepala Batas                     |            |   |
| <b>Z10</b> | Zon Pelancongan Eko-Arkeo Gunung Jerai - Lembah Bujang           | <b>Z21</b> | Zon Biodiversiti Balik Pulau - Teluk Bahang                              |            |   |
| <b>Z11</b> | Koridor Pertumbuhan Kulim - Sungai Petani - Gurun                | <b>Z22</b> | Zon Biodiversiti Kota Kuala Muda   |            |   |
|            |  | <b>Z23</b> | Zon Biodiversiti Royal Belum   |            |   |

# SOROTAN PENCAPAIAN NCER 2019

## PELABURAN DI NCER: SEKILAS PANDANG PENCAPAIAN 2019



**RM111.77 Bil.**

Jumlah Pelaburan Direalisasikan  
(2009 - 2019)




**RM18.42 Bil.**

Jumlah Pelaburan Komited (2019)



### PELABURAN MENGIKUT SEKTOR (RM BIL.) 2019



**138,621**


Peluang Pekerjaan (2009 - 2019)




**22,929**

Peluang Pekerjaan (2019)

### PELABURAN MENGIKUT NEGERI



### SUMBER UTAMA NEGERA ASAL FDI (RM BIL.)



## SOROTAN PENCAPAIAN NCER 2019

## PENCAPAIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN 2019

**25,478**

Jumlah keseluruhan penerima manfaat Program-program Pembangunan Modal Insan NCER

**21%**

Peratusan purata peningkatan pendapatan bulanan isi rumah

**95%**

Penyertaan Bumiputera secara aktif dalam Program-program Pembangunan Modal Insan NCER

**95%**

Penyertaan wanita secara aktif dalam Program-program Pembangunan Modal Insan NCER

**95%**

Penyertaan wanita di kalangan peserta aktif dalam Program-program Modal Insan NCIA

**4,281**

Penerima bantuan KIDA

**2,200**

Peserta telah dipilih

**2,600**

Sasaran jumlah pelajar sekolah aliran utama

**1,713**

Permohonan diluluskan

**910**

Pekerjaan Diwujudkan untuk Graduan

**15,487**

Tanggungan

**140**

Peserta program "quick win" dikenal pasti & memulakan latihan

**300**

Sasaran jumlah pelajar Orang Asli

**93%**

Permohonan diterima daripada Perusahaan Mikro

**RM3,200**

Gaji Purata

**Lebih RM5.05 Juta**

Jumlah keseluruhan yang dibelanjakan oleh penerima KIDA di 69 Kedai, 14 Kedai Rantaian & 128 Klinik Panel

**Sehingga RM1,500**

Pencapaian pendapatan peserta dalam tempoh dua bulan

**15 Daerah**

Terlibat dalam program ini bagi kemasukan pelajar tahun 2020

**92%**

Permohonan diterima daripada Bumiputera

**30%**

Peserta Wanita

**80%**

Pekerjaan Teknikal



## SOROTAN PENCAPAIAN NCER 2019

### PROJEK-PROJEK FIZIKAL YANG SEDANG DILAKSANAKAN / DALAM PERANCANGAN

#### Kedah Rubber City (KRC)



- Kontraktor telah dilantik pada November 2019.
- Kerja-kerja fizikal dijangka siap menjelang 2021.
- Pelaburan pertama kepada KRC dijangka dimeterai menjelang Jan 2021.

#### Chuping Valley Industrial Area (CVIA)



- Integrated Business Centre (IBC) telah siap.
- Kontraktor Fasa 1 akan dilantik pada Mei 2020.
- Kerja-kerja fizikal untuk Fasa 1 dijangka siap menjelang 2022.
- Pelaburan pertama di CVIA dijangka dimeterai menjelang Q1 2021.

#### Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Pelancongan Warisan Ipoh

- Pelancongan Warisan Ipoh dibahagikan kepada tiga pakej yang merangkumi komponen persembahan cahaya dan bunyi di Ipoh Padang, naik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Kinta Waterfront dan kerja-kerja pemulihan bangunan Dewan Bandaran Ipoh dan Pejabat Pos Lama Ipoh Pakej 1A dan Pakej 1B.
- Kerja-kerja pembinaan Pakej 1A dan Pakej 1B akan disiapkan menjelang penghujung 2020.
- Diikuti oleh Pakej 2 yang dijangka siap pada Disember 2021.



Bangunan Dewan Bandaran Ipoh yang penuh bersejarah


## SOROTAN PENCAPAIAN NCER 2019

### Kedah Digital Library (KDL)




- Fasa 1 projek pembinaan KDL akan disiapkan menjelang penghujung Ogos 2020.
- Diikuti oleh Fasa 2 yang dijangka siap pada September 2021.

### Northern Corridor Highway (NCH)



- Laluan dan kesalinghubungan telah dimuktamadkan.
- Kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) menjelang suku pertama 2020.
- Kelulusan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) menjelang suku ketiga 2020.
- Proses pengambilan tanah dan rekabentuk bermula pada tahun 2021.

### Perlis Inland Port (PIP)



- Kontraktor untuk pembangunan 3 infrastruktur sokongan, jalan rantai & landasan keretapi akan dilantik pada Februari 2021.
- Perunding Utama telah dilantik pada 16 Mac 2020.



## SOROTAN PENCAPAIAN NCER 2019

### PERNIAGAAN TANI


#### ESTATE MANAGEMENT MODEL (EMM)

##### EMM 1.0

Mengekalkan hasil padi yang tinggi di luar kawasan jelapang melalui pendekatan EMM.

● **≥6 MT**  
per hektar

● **≥7 MT**  
per hektar



#### ABALONE



Kekal sebagai pengeluar benih komersil terbesar di Semenanjung Malaysia.

**2.2**  
juta benih  
dihasilkan

**24**  
pekerjaan  
diwujudkan



## SOROTAN PENCAPAIAN NCER 2019

### SUPERFRUITS

#### Superfruits Valley @ Chuping

Ladang Superfruits terbesar dan mendahului kapasiti pengeluaran di Asia Tenggara (SEA).

1 **20** Hektar

2 **32,467kg**  
Pengeluaran\*  
(\*setakat Jun 2019)

3 **14**  
Pelatih (Graduan Baharu)




### HEMP

Pusat Ladang Bersepadu Bukit Tangga sedang dibangunkan sebagai kawasan percubaan terkawal dan penyelidikan industri hemp pertama di Malaysia.



Rumah Hijau



Jalan utama



Laluan masuk ke tapak



Pusat Ladang Hemp Bersepadu Bukit Tangga menurut gambaran artis

## SOROTAN PENCAPAIAN NCER 2019

### RANGKA KERJA DAN KAJIAN KEBOLEHLAKSANAAN YANG SEDANG DIJALANKAN BAGI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK UNTUK TAHUN 2020 DAN RMK-12

1



#### Pembangunan di Pulau Bunting

Untuk mencadangkan opsyen pembangunan bagi Pulau Bunting

2



#### Kedah Eco Innovation Park

Untuk menghasilkan Pelan Induk bagi Kedah Eco Innovation Park yang akan memfokuskan kepada aktiviti berasaskan pertanian dan bio, selain daripada petrokimia konvensional

5



#### Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing Hub

Untuk membangunkan Pelan Induk bagi Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing Hub (SLAM) sebagai sebuah Zon Perindustrian Bebas

4



#### Silver Valley Technology Park

Untuk membangunkan Pelan Susun Atur Induk bagi pembangunan Silver Valley Technology Park sebagai Hab Ekonomi Digital

3



#### Pulau Bebas Cukai Pangkor

Untuk membangunkan Pelan Pelaksanaan Strategik yang merangkumi projek dan program untuk mentransformasi Pangkor sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan

6



#### Infrastruktur Luaran KXP

Untuk membangunkan Pelan Pelaksanaan Strategik bagi infrastruktur luaran (rel, Lebuhraya PLUS & Northern Corridor Highway (NCH)) untuk KXP

7



#### Zon Pembangunan Khas

Untuk membangunkan Pelan Pelaksanaan Strategik bagi pembangunan Zon Pembangunan Khas untuk setiap daerah terlibat (Yan, Sik, Baling & Hulu Perak)

# PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) NCER BAGI 2019

## 1.0 MENARIK & MEREALISASI PELABURAN SWASTA DI NCER

- 1.1 Pelaburan Komited  
 ▲ **RM 12 Bil**  
 ● **RM 18.42 Bil**
- 1.2 Pelaburan Kumulatif Direalisasikan  
 ▲ **RM 96.1 Bil**  
 ● **RM111.77 Bil**
- 1.3 Jumlah Pekerjaan Kumulatif  
 ▲ **120,600**  
 ● **138,621**

## 2.0 MEMPERKUKUHKAN PELAKSANAAN & PENYAMPAIAN PROJEK

- 2.1 % Kerja Fizikal seperti Perancangan  
 ▲ **100%**  
 ● **Nota 1**
- 2.2 % Penggunaan Bajet DE  
 ▲ **100%**  
 ● **Nota 2**
- 2.3 Bilangan kemalangan maut di tapak projek  
 ▲ **0**  
 ● **0**

## 3.0 MEMBANGUNKAN MODAL INSAN & USAHAWAN

- 3.1 Bilangan peserta aktif dalam program-program  
 ▲ **3,000**  
 ● **4,268**
- 3.2 Purata % kenaikan pendapatan bulanan isi rumah  
 ▲ **10%**  
 ● **21%**
- 3.3 % Peserta Wanita  
 ▲ **50%**  
 ● **99%**

## 4.0 AGENDA PEMERKASAAN BUMIPUTERA & INKLUSIVITI

- 4.1 % Peserta Bumiputera  
 ▲ **70%**  
 ● **95**
- 4.2 % Peserta Wanita Bumiputera  
 ▲ **25%**  
 ● **95%**
- 4.3 % Kontrak NCIA ditawarkan kepada kontraktor Bumiputera  
 ▲ **60%**  
 ● **60%**
- 4.4 Penyertaan Orang Asli dalam program-program NCER  
 ▲ **100**  
 ● **64**

## 5.0 MENAMBAHBAIK KECEKAPAN OPERASI & KESEDIAAN ORGANISASI

- 5.1 Pembangunan KPI Tahunan Organisasi  
 ▲ **15 Dis 2019**  
 ● **30 Sep 2019**
- 5.2 Penggunaan Perbelanjaan Operasi  
 ▲ **100%**  
 ● **100%**
- 5.3 Indeks Akauntabiliti  
 ▲ **85%**  
 ● **N/A**
- 5.4 Penubuhan Unit Integriti dan Tadbir Urus  
 ▲ **Q3 2019**  
 ● **Q1 2019**
- 5.5 Penubuhan Rangka Kerja Kesenambungan Perniagaan  
 ▲ **Okt 2019**  
 ● **Okt 2019**
- 5.6 Pembangunan Bakat Kakitangan  
 ▲ **80%**  
 ● **Nota 3**



SASARAN



SEBENAR

**Nota 1** - Pelantikan kontraktor hanya dimuktamadkan pada akhir Oktober 2019.

**Nota 2** - Pembayaran pendahuluan digunakan pada bulan Disember 2019

**Nota 3** - NCIA telah berubah fokus ke arah mengisi jawatan penting dan penggantian jawatan kritikal untuk menyokong Rangka Strategik baharu NCIA




# PERISTIWA PENTING 2019

18 Mac 2019

PEJABAT PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA 

Mesyuarat Ke-20 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara



20 Mei 2019

SIK, KEDAH 

Majlis Pelancaran Program Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)



31 Mei 2019

IPOH, PERAK 

Majlis Pertukaran MoU antara NCIA, Kerajaan Negeri Perak dan lima syarikat GBS yang berpangkalan di Ipoh





## PERISTIWA PENTING 2019

27 Jun 2019

**PUTRAJAYA** 

Mesyuarat Ke-21 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara



5 Julai 2019

**KEDAH DIGITAL LIBRARY** 

Lawatan Menteri Kewangan ke Kedah Digital Library (KDL)



15 Ogos 2019

**HOTEL EQUATORIAL, PULAU PINANG** 

Perbincangan Kumpulan Fokus RMK12 bagi Pembangunan Wilayah Utara



15 September 2019

**KULIM, KEDAH** 

Perbincangan Kumpulan Fokus bagi Belanjawan 2020



## PERISTIWA PENTING 2019

15 September 2019

KULIM, KEDAH 

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Kedah Bil.3/2019



3 Oktober 2019

PULAU PINANG 

Perbincangan Kumpulan Fokus bagi Pelaksanaan  
Projek Northern Corridor Highway (NCH)



8 Oktober 2019

KOMPLEKS DUN PERLIS 

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Perlis  
Bil.3/2019





## PERISTIWA PENTING 2019

15 Oktober 2019

BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN 

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Perak Bil.3/2019



17 Oktober 2019 **PEJABAT KETUA MENTERI, KOMTAR** 

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Negeri Pulau Pinang Bil.3/2019



17 Oktober 2019

**BAYAN LEPAS, PULAU PINANG** 

7th Asia-Pacific Urban Forum



05 November 2019

**PUTRAJAYA** 

National Planning Congress 2019



## PERISTIWA PENTING 2019

7 November 2019

SUNGAI PETANI, KEDAH



Majlis Pelancaran Program-Program Modal Insan: "Menyemarakkan Kemakmuran, Memperkasakan Rakyat"  
Peringkat Negeri Kedah



12 November 2019

PEJABAT PERDANA MENTERI, PUTRAJAYA



Mesyuarat Ke-22 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara





## PERISTIWA PENTING 2019

14 November 2019

POLITEKNIK SEBERANG JAYA, PULAU PINANG

Majlis Pelancaran Program-Program Modal Insan: “Menyemarakkan Kemakmuran, Memperkasakan Rakyat” Peringkat Negeri Pulau Pinang



28 November 2019

DEWAN 2020, KANGAR

Majlis Pelancaran Program-Program Modal Insan: “Menyemarakkan Kemakmuran, Memperkasakan Rakyat” Peringkat Negeri Perlis



14 Januari 2020

INSTITUT LATIHAN STATISTIK MALAYSIA (ILSM), SUNGKAI, PERAK

Majlis Pelancaran Program-Program Modal Insan: “Menyemarakkan Kemakmuran, Memperkasakan Rakyat” Peringkat Negeri Perak





# KALENDAR AKTIVITI

11 Februari 2019

**MAJLIS PERBANDARAN  
SEBERANG PRAI**



Kunjungan hormat delegasi NCIA ke Majlis Perbandaran Seberang Prai

14 Februari 2019

**IBU PEJABAT NCIA**



Sesi Perkongsian NCIA Bersama Port Klang Free Zone Sdn. Bhd.



23 Februari 2019

**IBU PEJABAT NCIA**



Sesi Townhall 01/19 - Majlis Penghargaan & Minum Petang Bersama Kakitangan

25 Februari 2019

**SILTERRA MALAYSIA SDN. BHD**



Majlis Konvokesyen 'Front End Semiconductor - Technical and Vocational Education and Training (TVET)'

6 Mac 2019

**IBU PEJABAT NCIA**



Sesi Townhall 02/19 - Majlis Alu-aluan Ketua Eksekutif NCIA yang baharu

21 Mei 2019

**BALING, KEDAH**



Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)





## KALENDAR AKTIVITI

23 Mei 2019

**KULIM, KEDAH** 

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)



23 Mei 2019

**BANDAH BAHARU, KEDAH** 

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)



25 Mei 2019

**LANGKAWI, KEDAH** 

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)





## CALENDAR AKTIVITI

26 Mei 2019

KUDAH PASU, KEDAH

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)



28 Mei 2019

KOTA SETAR, KEDAH

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)



28 Mei 2019

PENDANG, KEDAH

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)





## KALENDAR AKTIVITI

29 Mei 2019

**POKOK SENA, KEDAH** 

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)



29 Mei 2019

**PADANG TERAP, KEDAH** 

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)



30 Mei 2019

**KUALA MUDA, KEDAH** 

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)





## CALENDAR AKTIVITI

30 Mei 2019

YAN, KEDAH 

Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)



1 Julai 2019

IBU PEJABAT NCIA 

Sesi Townhall 03/19 - Jamuan Hari Raya Aidil Fitri

23 Ogos 2019

SG. BATU, KEDAH 

Festival Kedah Tua & Jejak Warisan Merdeka 2019





## KALENDAR AKTIVITI

26 Ogos 2019

LANGKAWI, KEDAH 


Lawatan Ketua Eksekutif NCIA ke sekolah-sekolah penerima manfaat bantuan program MyKasih@NCER



20-23 Sept 2019

NANNING, CHINA 

Penyertaan NCIA dalam The 16<sup>th</sup> China-ASEAN Expo









# NCER DI MEDIA

**Buletin Mutiara**  
June 1, 2019

KEDAH will have a digital library built in Alor Setar next year, which modelled after the Penang Digital Library.



BULETINMUTIARA.COM  
**NCIA to set up digital library in Alor Setar next year**  
KEDAH will have a digital library built in Alor Setar next year, which

**FMT news**  
Kuala Lumpur The FMT App Advertise With Us

HOME NEWS BERITA OPINION WORLD  
OHSEMI GALLERY

**Good times ahead for farmers in the north as NCER plans take off**

FMT Reports June 21, 2019 10:41 AM

140 Shares



YouTube Search

Perpustakaan Digital Kedah gabung teknologi dan warisan



Perpustakaan Digital Kedah gabung teknologi dan warisan

Sabtu, 28 March 2020 - 4:32PM

**BH ONLINE**

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HAJUNG MINGGI

BERITA Nasional  
Maka, 17 April 2019 11:05pm



NCIA sedang teliti cadangan KXP

Mohamed Azmin melumuhkan kerajaan metuliskan laluan projek dan program berimpak tinggi di Kedah bermula leleh pembangunan termasuk pembinaan KXP

**NCIA sedang teliti cadangan KXP**

Oleh Siti Sofia Muz Nuzli  
siti.sofia@bh.com.my

GEORGETOWN: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi menerima Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA) kini sedang meneliti dan mempertimbangkan beberapa cadangan pembangunan Lapangan Terbang Kulim (KXP) di Kulim, Kedah.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata KXP yang sebagai lapangan terbang kargo itu adalah keperluan bagi jangka masa panjang member kesan positif kepada negara dan wilayah utara secara keseluruhannya.

"Kita sedang teliti setiap cadangan KXP melalui NCIA, dan selepas itu ia akan kepada kementerian berkaitan untuk dipertimbangkan.

"Sekarang ini banyak kegiatan ekonomi di selatan Thailand adalah melalui Pulau sudah tentu pada masa akan datang kapasitinya meningkat, sekali gus memerlukan dan lapangan terbang dinik taraf," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Kunci Pembeli Projek Perumahan Pengsepuji Casa Anggun oleh pemaui JKP Sdn Bhd.

Mac lalu, Mohamed Azmin mengumumkan kerajaan metuliskan tujuh projek di

BERITA MALAYSIA

**Cadangan KXP sebagai lapangan terbang kargo diteliti**

GEORGE TOWN: Kerajaan sudah menerima beberapa cadangan untuk membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) di Kedah sebagai lapangan terbang kargo.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohd Azmin Ali berkata, ketika ini kerajaan sedang oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara untuk pertimbangan kementerian berkenaan

Sabtu, 28 March 2020 - 4:38PM

**BH ONLINE**

BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HAJUNG MINGGI

BERITA Nasional  
Maka, 17 September 2019 11:05pm



Ladang padi organik jadi pusat pengajian pertanian

Malaysia upbeat on enhancing its global supply chain



By NST Economics - September 17, 2019 @ 5:54pm

KUALA LUMPUR: Malaysia needs to halt the premature deindustrialisation and re-industrialise in an effort to become an industrialised economy and join the ranks of the high-income economy.

Finance Minister Lim Guan Eng said the government clearly has a role to play to boost Malaysia's investment numbers, while enhancing the country's position in the global supply chain.

**The Malaysian Reserve**

Governance, transparency key in infrastructure development

BUDGET 2020



Graphic By TMR

MALAYSIA needs to establish a more robust process in identifying and prioritising infrastructure projects, as well as improving its governance and transparency of infrastructure development, according to Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) research and development director Laurence Todd.

He said the country needs to establish an independent needs assessment for the multiple projects Malaysia currently pursuing as this would improve confidence that the country's needs are being met, while protecting the interests of taxpayers.

"Some countries have established independent infrastructure commissions which assess the country's present non-political recommendations.

"Malaysia needs to improve through tightening public procurement and increasing transparency of our

theSunDaily

Reinventing 'kelulut' honey to help poor communities



NCIA says allocation will spur growth in northern region



#NST2020Budget NCIA will start work on the project in November and expects investment about RM4.5 billion to flood into the state.

#Belanjawan2020 #Bajet2020 #2020Budget #GST



# NCER DI MEDIA

**Berita Harian Online**  
November 12, 2019

#BHBisnes NCER tumpu ekonomi baharu capai sasaran KDNK



BHARUAN.COM.MY  
**NCER tumpu ekonomi baharu capai sasaran KDNK**  
PUTRAJAYA: Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) perlu mencatatkan

23 2 Comments 1 Share

Like Comment Share

**BULETIN MUTIARA**

160 juta biaya empat program sokongan NCER demi dekat pendapatan B40 Pulau Pinang



PUTRAJAYA - Menteri Kanan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Besar Pulau Pinang, Tan Sri G. Nageswaran, Menteri Perdagangan, Industri dan Pelancongan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Annuar Musa dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Ahmad Sabri Hassan, bersama-sama dengan beberapa pemimpin perniagaan dan industri, menghadiri majlis pelancaran empat program sokongan NCER di Pulau Pinang pada Rabu (12/11/2019).

**Dr. Mahathir bin Mohamad**  
November 12, 2019

**Mesyuarat NCER ke-22**  
Mesyuarat ke-22 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCER) yang dipengerusikan o... See More



Like Comment Share

**Dr Wan Azizah Wan Ismail**  
November 12, 2019

Pagi ini saya menghadiri Mesyuarat ke-21 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCER) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tu Dr. Mahathir Mohamad di Putrajaya.

Antara lain, mesyuarat meluluskan Pelan Pelaksanaan Strategik NCER 2021-2025 bertepatan Kemakmuran Bersama Melalui Pembangunan Saranata Yang Seimbang.




**光華**  
kuangwah.com.my

吉打州政府与北马经济走廊特区合作，通过多项培训让低收入群体自立更生，大获与作单位及参与培训的微型企业家等合影。

吉打州大臣拿督斯里慕克里指出，州政府将实行多项计划让低收入群体自立更生，不再再依靠当局的协助。

他说，“达鲁阿曼关怀母亲卡”（KIDA）计划，全州有4511名母亲受惠，州政府如今再扩大范围至受惠母亲的家庭成员，让他们获得更多方面的协助，当中包括学习掌握手艺后自行创业等，不再继续获取当局的援助。

大臣慕于周四上午在亚罗士打商业广场前剪。为北马经济走廊特区举办

**BH ONLINE**  
Abad, 29 March 2020 - 11:18PM

Memorial TAR dinaik taraf sebagai Perpustakaan Digital Kedah

ALOR SETAR: Memorial Tunku Abdul Rahman Putra A-Ha, di sini yang memperingati himpunan sejarah perjuangan Bapa Kemerdekaan itu bakal ditransformasikan sebagai Perpustakaan Digital Kedah (PDK), dengan kerja-kerja memuktamad itu dijangka siap menjelang 2021.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata menggabungkan elemen teknologi, seni dan warisan, ia diyakini menjadi tarikan komuniti setempat dan pelancong asing.

**Caixin**

Malaysia's Northern States Boosted by Infrastructural Aid, U.S.-China Trade War



The Northern Corridor Economic Region covers Perlis, Penang (governor), Kedah and northern Perak. Photo: The Straits Times

(The Straits Times) — Driving in to Malaysia's north-west, one is more likely to

**KULIM HI-TECH PARK**

NEWS AND EVENTS

Belanjawan 2020 Programme By Northern Corridor Economic Region (NCER)



**THE STRAITS TIMES**


Kedah and NCER launch programmes to boost employability, entrepreneurship

**Majlis Pelancaran**  
Program-Program Medal Insan  
Meningkatkan Kemakmuran, Memperkasa Rakyat



The Kedah state government, together with the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA), has launched four human capital and entrepreneurship development programmes. Photo by NCF FARRAN CHE AD





**LAPORAN  
KEMAJUAN  
PELABURAN DI  
NCER**







# LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER



## LATAR BELAKANG

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) merupakan sebuah destinasi pelaburan bertaraf dunia yang menawarkan **ekosistem perniagaan yang mampan** dan **mesra pelabur**, serta **rangkaian infrastruktur dan sistem pengangkutan yang cekap**. NCER juga mempunyai kelebihan dari segi **tenaga kerja terlatih, kerjasama industri-akademi yang kukuh, pakej insentif pelaburan yang menarik, serta kepelbagaian industri** yang mampu memenuhi keperluan pelabur dari segenap sektor. **Lokasinya yang strategik** menghadap Selat Melaka, serta terletak dalam Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT), memudahkan para pelabur untuk menembusi pasaran rentas sempadan di rantau ini dan juga ke seluruh Asia dan serata dunia.

Dalam hal ini, pihak **NCIA** memainkan peranan penting dalam memudah cara urusan para pelabur di NCER, yang mana NCIA akan membantu dan memberi panduan kepada pelabur sebelum, semasa dan setelah mereka melabur di wilayah ini. Melalui rangkaian kerjasamanya yang meluas, NCIA juga berupaya menyediakan khidmat pepadanan perniagaan sesama syarikat, dan juga antara syarikat dengan pihak Kerajaan dan institusi-institusi pengajian

tinggi, sebagai sebahagian daripada pendekatan “**Triple Helix**” dalam usahanya untuk menyediakan sokongan dan rangkaian hubungan niaga untuk para pelabur.

Melalui insentif-insentif yang kompetitif, NCIA berjaya menarik **aktiviti-aktiviti pelaburan bernilai tinggi** ke NCER. Insentif tersebut merangkumi **aspek-aspek percukaian, tenaga kerja dan keusahawanan** yang mempunyai kesan gabungan dalam menarik pelaburan dari dalam dan luar negara, sekaligus mengurangkan pengangguran di kalangan graduan dan menggalakkan budaya keusahawanan di kalangan Bumiputera.

NCIA juga memainkan peranan dalam menyelaraskan sasaran-sasaran pelaburan di peringkat negeri, serta mengukuhkan kerjasama dengan MIDA melalui aktiviti-aktiviti promosi bersama dan perkongsian KPI untuk memastikan kesemua agensi yang terlibat bekerja ke arah mencapai satu matlamat yang sama.

NCIA turut memanfaatkan **pengupaya-pengupaya industri, Pusat-pusat Kecemerlangan (COE) dan pembangunan bakat** di NCER dalam usaha menarik pelaburan ke wilayah ini. COE berperanan sebagai platform bagi membangunkan **penyelidikan dan pembangunan**

## LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

**(R&D) dan inovasi teknologi tinggi.** Program-program pembangunan modal insan di wilayah ini turut direka khas berdasarkan maklum balas dan kerjasama pihak industri dan akademik untuk mewujudkan kumpulan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, serta peluang yang luas untuk latihan dan peningkatan kemahiran.

Kemasukan pelaburan swasta, terutamanya dalam **industri tambah nilai** dan **teknologi tinggi**, memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi NCER, terutamanya dari segi **mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan baharu untuk rakyat**, sekaligus **meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka**. Di samping itu, kemasukan pelaburan ke wilayah ini turut membolehkan **pemindahan ilmu, kepakaran dan teknologi terkini** kepada warga tempatan.

Pelaburan di NCER adalah tertumpu dalam sektor-sektor utama iaitu **Pembuatan, Perniagaan Tani dan Industri Bio**, serta **Perkhidmatan** yang merangkumi **Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, dan Ekonomi Digital**.

### PENCAPAIAN 2019

Pada tahun 2019, NCER berjaya menarik masuk **pelaburan swasta** berjumlah **RM18.42 bilion** pada 2019, sekaligus **melempi sasarannya RM12 bilion** yang ditetapkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan pelaburan yang ditarik masuk ke wilayah ini sejak tahun 2009 sehingga penghujung tahun **2019** mencecah **RM115.09 bilion**, yang telah membuka lebih **143,529** peluang pekerjaan baharu untuk rakyat.

Daripada keseluruhan jumlah pelaburan yang berjaya ditarik pada 2019, penyumbang besar pelaburan adalah dari sektor **Pembuatan** dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM16.66 bilion**, diikuti sektor **Pelancongan dengan RM1.1 bilion**, **Perniagaan Tani dan Industri Bio (RM0.32 bilion)**, dan **Ekonomi Digital (RM0.33 bilion)**.

SEKTOR	DDI (RM)	FDI (RM)	JUMLAH (RM bilion)
Pembuatan	9.18	7.48	16.66
Pelancongan	1.11	-	1.11
Perniagaan Tani & Industri Bio	-	0.32	0.32
Ekonomi Digital	-	0.33	0.33
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>10.61</b>	<b>7.81</b>	<b>18.42</b>

### STATUS PROJEK-PROJEK PELABURAN

Dengan berlandaskan hala tuju baharu yang telah ditetapkan mulai Mac 2019, sebanyak **39 projek strategik dan berimpak tinggi yang dirancang dan dilaksanakan di NCER di bawah RMK-11** telah menunjukkan kemajuan yang ketara, antaranya, **Chuping Valley Industrial Area, Superfruits Valley, Kedah Rubber City, Sidam Logistics, Aerospace and Manufacturing Hub (SLAM), Collaborative Research In Engineering, Science & Technology (CREST), Perak Technology Park, Pangkor Pulau Bebas Cukai**, dan lain-lain lagi.



Terminal Padang Besar di Perlis memainkan peranan penting dalam perdagangan rentas sempadan di utara tanahair



## LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

### PELABURAN DALAM KLUSTER PEMBUATAN NCER (2019)

Pelaburan-pelaburan utama di NCER pada 2019, termasuk pekerjaan yang diwujudkan, adalah seperti berikut:

 <b>KEDAH</b>	<b>JINJING</b> KHTP Pelaburan: <b>RM1B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>878</b>	<b>JCT</b> Kuala Muda Pelaburan: <b>RM0.226B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>420</b>	<b>XSD</b> Padang Meha Pelaburan: <b>RM4B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>2,000</b>	
	 <b>PERAK</b>	<b>PROTON</b> Tg Malim Pelaburan: <b>RM4.540B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>3,677</b>	<b>TELEFLEX</b> Kamunting Pelaburan: <b>RM0.711B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>500</b>	
	 <b>PULAU PINANG</b>	<b>AEMULUS</b> Bayan Lepas Pelaburan: <b>RM0.190B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>108</b>	<b>GREATECH</b> Bayan Lepas Pelaburan: <b>RM0.836B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>107</b>	<b>MICRON</b> Batu Kawan Pelaburan: <b>RM1.5B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>2,687</b>
	<b>PENTAMASTER</b> Bayan Lepas Pelaburan: <b>RM0.601B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>257</b>	<b>VITROX</b> Batu Kawan Pelaburan: <b>RM2.198B</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>935</b>		

Pelaburan berkaitan pembangunan vendor bagi kluster bersepadu di Hab Automotif Tanjung Malim di Perak:

 <b>PERAK</b>	<b>MIYAZU</b> Pelaburan: <b>RM126 Juta</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>47</b>	<b>HICOM TECK SEE</b> Pelaburan: <b>RM95 Juta</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>5,690</b>

Syarikat-syarikat yang melabur dalam Makmal Ujikaji R&D dan Reka Bentuk IC untuk meningkatkan lagi ekosistem industri E&E dan M&E:

 <b>PULAU PINANG</b>	<b>AMCEN LAB</b> Bayan Lepas Pelaburan: <b>RM48 Juta</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>104</b>	<b>FURUTECH</b> Seberang Perai Pelaburan: <b>RM6.6 Juta</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>5</b>	<b>OPPSTAR</b> Bayan Lepas Pelaburan: <b>RM94 Juta</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>320</b>	
	<b>SYNVUE</b> Bayan Lepas Pelaburan: <b>RM10 Juta</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>37</b>	<b>UIS</b> Bayan Lepas Pelaburan: <b>RM81 Juta</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>89</b>	<b>MY CO2</b> Bayan Lepas Pelaburan: <b>RM1.8 Juta</b> Pewujudan Pekerjaan: <b>59</b>	

## LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

### PELABURAN DALAM KLUSTER PERNIAGAAN TANI NCER (2019)

#### PENGELUARAN PRODUK SOYA BERSEPADU DI KULIM HI-TECH PARK, KEDAH

Pelaburan : **RM117 Juta**

Peluang Pekerjaan : **350**



#### SYARIKAT PENGELUAR BIJI BENIH TEMPATAN PERTAMA DI CHUPING, PERLIS

Pelaburan : **RM15 Juta**

Peluang Pekerjaan : **200**



#### SYARIKAT PENGELUAR BARANGAN FMCG DI BERTAM, PULAU PINANG

Pelaburan : **RM36 Juta**

Peluang Pekerjaan : **100**



#### SYARIKAT PENGELUAR BIOJISIM BUMIPUTERA DI ULU BERNAM, PERAK

Pelaburan : **RM10.2 Juta**

Peluang Pekerjaan : **17**





## LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

### PELANCONGAN



**Pembukaan Rasmi Hotel Rivertel,  
Teluk Intan pada 15 Disember 2018**

**Nama Pelabur**

TSH Hotel & Apartment Sdn. Bhd.

**Projek/Aktiviti**

Pembinaan sebuah hotel 3-bintang baharu di Changkak Jong, Teluk Intan, Perak

**Pembukaan rasmi Aloft Langkawi  
Pantai Tengah pada 17 November  
2018**

**Nama Pelabur**

Tengah Resort Sdn. Bhd.

**Projek/Aktiviti**

Pembinaan sebuah hotel mewah anatarabangsa bertaraf 4-bintang di Padang Mat Sirat, Langkawi, Kedah



## LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER



### **Pembukaan Rasmi "Eagle's Nest Skywalk" Menjelang Penghujung 2020**

#### **Nama Pelabur**

MBIAB Venture Sdn. Bhd.

#### **Projek/Aktiviti**

Pembangunan Struktur Peninjau Berplatform Kaca "Eagle Nest Skywalk" di Hutan Simpan Gunung Matchinchang, Langkawi, Kedah

### **Pembangunan Resort Mewah di Langkawi**

#### **Nama Pelabur**

Inspirasi Langkawi Sdn. Bhd.

#### **Projek/Aktiviti**

Pembinaan sebuah hotel mewah antarabangsa bertaraf 4-bintang, "The Nautilus Resort - A Curio Collection By Hilton" di Bandar Padang Mat Sirat, Langkawi, Kedah





## LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER


### PELABURAN DALAM KLUSTER EKONOMI DIGITAL NCER (2019)

#### GBS@Ipoh Sebagai Inisiatif "Quick Win" Untuk SVTP

GBS@Ipoh merupakan sebahagian daripada inisiatif Ekonomi Digital di Perak yang diperkukuhkan lagi oleh projek Silver Valley Technology Park (SVTP).



1. Pemasaran tertumpu mensasarkan penggerak-penggerak pertama BPO, contohnya, Scicom & Concentrix.
2. Usahasama promosi pelaburan antara NCIA, UPEN dan Invest Park.



## LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

### PAKEJ INSENTIF CUKAI NCER

Dalam usaha menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi ke NCER, pihak kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif untuk para pelabur yang merangkumi **insentif fiskal** seperti pelepasan cukai pendapatan dan elaun cukai pelaburan, serta **insentif bukan fiskal** seperti penawaran **Dana Usahawan Bumiputera**, program modal insan iaitu **NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)**, penubuhan **Pusat-pusat Kecemerlangan atau Centres of Excellence (COE)** dan inisiatif **Single Campus Hub**.

**Pakej Insentif Cukai NCER** telah diluluskan pada 13 Ogos 2019 untuk menggalakkan pelaburan baharu dan tambahan bernilai tinggi bagi memacu pembangunan di NCER. Pakej insentif **fiskal yang komprehensif** ini ditawarkan untuk pelaburan dalam aktiviti-aktiviti yang digalakkan di wilayah ini seperti sektor **pembuatan, perniagaan tani, petrokimia, ekonomi hijau**, dan sektor **perkhidmatan** yang merangkumi **pelancongan, logistik,**

**pendidikan** dan **ekonomi digital**. Pada masa hadapan, industri **perlombongan mapan** juga akan menjadi salah satu sektor yang dipromosikan di NCER.

Antara lain, Pakej Insentif Cukai NCER menawarkan galakan **Taraf Perintis ("Pioneer Status")** sehingga 100% untuk tempoh sehingga 15 tahun, ataupun **Elaun Cukai Pelaburan ("Investment Tax Allowance")** yang menawarkan sehingga 100% elaun ke atas perbelanjaan modal yang layak untuk sehingga 10 tahun. Pakej insentif ini juga ditawarkan kepada syarikat-syarikat pembuatan dan pemula yang menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Wilayah ini.

Para pelabur juga berpeluang menikmati insentif-insentif lain seperti pengurangan duti setem dan juga pelepasan duti import ke atas bahan mentah, komponen, jentera, peralatan, alat ganti dan bahan kegunaan yang tidak dihasilkan di dalam negara dan digunakan secara langsung dalam aktiviti pengeluaran.





INSENTIF-INSENTIF FISKAL, KHUSUS DAN BERASAS LUAS YANG DITAWARKAN DI NCER



## LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

		STATUS PERINTIS	ELAUN CUKAI PELABURAN	DUTI IMPORT	PENGURANGAN DUTI SETEM
Pembuatan, Perniagaan Tani & Industri Bio dan Perkhidmatan	<b>N1</b> Kedah Perlis	Pengecualian cukai pendapatan sehingga 100% untuk tempoh sehingga 15 tahun	Elaun sehingga 100% untuk tempoh sehingga 10 tahun	Dikecualikan	Pengurangan 50% ke atas pemindahan atau pajakan tanah
	<b>N2</b> Pulau Pinang Perak	Pengecualian cukai pendapatan 70% untuk tempoh sehingga 10 tahun	Elaun 70% untuk tempoh sehingga 10 tahun		N/A
<b>KAWASAN KHAS YANG DIPROMOSIKAN</b> Seberang Perai Utara, Seberang Prai Selatan, Seberang Prai Tengah dan Barat Daya Pulau Pinang		Pengecualian cukai pendapatan sehingga 100% untuk tempoh sehingga 15 tahun	Elaun sehingga 100% untuk tempoh sehingga 10 tahun	N/A	N/A
Selama, Kerian, Hulu Perak, Perak Tengah, Kuala Kangsar, Bagan Datuk					
<b>Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS)</b>		Diluluskan sebagai skim pra-pakej di bawah peruntukan 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967			


 <p><b>PEMBUATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ <b>Elektrik &amp; Elektronik</b></li> <li>▶ <b>Jentera &amp; Peralatan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Teknologi Hijau (Produk)</li> <li>• Peralatan Perubatan (Produk)</li> <li>• Automotif (Produk)</li> <li>• Pembuatan Aditif (Produk)</li> <li>• Aeroangkasa (Produk)</li> </ul> </li> </ul>
 <p><b>PERNIAGAAN TANI &amp; INDUSTRI BIO</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pertanian Mapan</li> <li>• Pemprosesan Hasil Pertanian</li> <li>• Superfruits/Superfood (Huluan)</li> <li>• Superfruits/Superfood (Hiliran)</li> <li>• Perkhidmatan Teknologi Hijau</li> <li>• Industri Halal</li> </ul>

 <p><b>PETROKIMIA</b></p> <p>Produk-produk dan aktiviti-aktiviti kimia dan petrokimia yang dipromosikan di bawah PIA 1986</p>
 <p><b>PERKHIDMATAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ <b>Pelancongan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelancongan Kesihatan</li> <li>• Perniagaan Hotel</li> <li>• Projek-projek Pelancongan</li> <li>• Pelancongan Perniagaan</li> </ul> </li> <li>▶ <b>Logistik</b> <p>Perkhidmatan Logistik yang Diluluskan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pergudangan</li> <li>• Pemajuan Muatan (Freight Forwarding)</li> <li>• Pengangkutan</li> </ul> </li> <li>▶ <b>Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyumberluaran Proses Perniagaan (BPO)</li> <li>• Penyumberluaran Proses Pengetahuan (KPO)</li> <li>• Penyumberluaran Teknologi Maklumat (ITO)</li> </ul> </li> </ul>

## LAPORAN KEMAJUAN PELABURAN DI NCER

### PENCAPAIAN PAKEJ INSENTIF CUKAI NCER (NTAX) PADA 2019



#### PRESTASI NTAX BAGI TAHUN 2019 (OGOS - DISEMBER)




#### SEKTOR PROJEK

 Pelancongan	4
 Pembuatan	2
 Global Business Services (GBS)	2

#### KELULUSAN MENGIKUT NEGERI







# PEMBANGUNAN MODAL INSAN







## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan memainkan peranan penting dalam memperkasakan rakyat di NCER, terutamanya dari segi **meningkatkan kemahiran** mereka agar berupaya **menjana pendapatan yang lebih tinggi**. Ia juga bertujuan menyediakan tenaga kerja berkualiti yang mampu **memenuhi kehendak dan keperluan para pelabur**, di samping **menyokong usahawan mikro dan PKS** yang merupakan tunjang sektor ekonomi tempatan.



Bagi memastikan pembangunan modal insan di NCER dilaksanakan secara menyeluruh, pihak NCIA turut mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi wilayah ini, antaranya, **pendapatan isi rumah yang rendah, tenaga kerja yang kurang mahir, penyertaan tenaga kerja di bawah paras optimum dan kadar pengangguran graduan yang tinggi**.

Sehubungan itu, inisiatif-inisiatif modal insan di NCER menekankan **pendekatan holistik kerajaan** untuk meningkatkan status sosioekonomi kumpulan sasaran, yang kebanyakannya terdiri daripada **golongan B40**. Program-program tersebut juga bermatlamat mengurangkan kesan kos sara hidup yang tinggi, menyediakan rakyat




dengan peluang untuk memperoleh pendapatan tinggi, mengelakkan kemiskinan pada masa hadapan melalui pendidikan, serta meningkatkan daya saing usahawan mikro dan PKS.

Sehingga kini, program-program modal insan yang dilaksanakan oleh NCIA di NCER termasuklah **empowerNCER, entrepreneurNCER, NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)** dan pembangunan kemahiran melalui inisiatif **Single Campus Hub**. Di samping itu, NCER turut melaksanakan program yang memfokuskan kepada meningkatkan kebajikan komuniti seperti **Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)**.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### PENDEKATAN HOLISTIK UNTUK MENINGKATKAN TARAF SOSIOEKONOMI KUMPULAN SASARAN

#### 1. MENGURANGKAN KESAN KOS SARA HIDUP TINGGI

 <p><b>Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)</b></p>	 <p><b>"Cashless Card"</b> Pembelian barang keperluan asas berjumlah <b>RM250/sebulan</b></p>	 <p><b>Penjagaan Kesihatan</b> Rawatan di Klinik swasta berjumlah <b>RM500/setahun</b></p>
---	--	---

#### 2. PELUANG UNTUK PENINGKATAN PENDAPATAN

 <p>Menghasilkan Aktiviti Ekonomi di Kawasan Kurang Membangun</p>  	<p><b>Pemprofilan</b> Pemilihan peserta</p>	<p><b>Pemantauan Hasil &amp; Kajian Penyurih ("Tracer Study")</b></p>
	<p><b>Latihan Kemahiran Khusus</b> Mampu memenuhi kehendak industri dan mengeluarkan hasil yang boleh dipasarkan</p>	<p><b>Penempatan &amp; Latihan serta Bimbingan</b> Seiring dengan Strategi Perniagaan dan Pemasaran</p>

#### 3. MENGELAKKAN KEMISKINAN MASA HADAPAN MELALUI PENDIDIKAN

<p>a. </p> <p><b>Kelas Tambahan</b> Program Pembangunan Kendiri untuk para pelajar UPSR, PT3, dan SPM yang lemah</p>   	<p>b. </p> <p><b>Program "Cashless Card"</b> RM60/sebulan (rendah) dan RM80/sebulan (menengah)</p> <p><b>Program Celik Komputer</b> Pendidikan Alaf 21 dan interaktif</p> <p><b>Program Robotik STEM</b> Kumpulan Sasaran: B40, Pelajar &amp; Orang Asli</p>
---	--



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### 4. ENTREPRENEUR NCER

Menghasilkan Aktiviti Ekonomi di Kawasan Kurang Membangun

#### Pembiayaan Mudah Maybank & Agrobank

"Top up" 50% ke atas kadar keuntungan bank (tanpa cagaran)



#### Pembangunan Usahawan

Penembusan pasaran tempatan dan luar negara untuk pasaran lebih luas

### 5. PENINGKATAN USAHAWAN DAN SME BUMIPUTERA

#### Peningkatan Usahawan dan PKS Bumiputera



Geran sehingga **15%** dari Kos Projek Yang Layak atau maksimum **RM2 juta** (Mana-mana yang lebih rendah)

### 6. KOLABORASI DENGAN SEKTOR SWASTA UNTUK MENANGANI PENGANGGURAN



Kemahiran Teknikal (OJT) - **80%**  
Kemahiran Insani - **20%**

Pembayaran balik tunai sebanyak **RM1000/ sebulan** termasuk **10%** caruman **KWSP**

Pendapatan minimum sebanyak **RM2,500**



Kerajaan sememangnya mengiktiraf akan kepentingan peranan kaum ibu dalam institusi keluarga secara khususnya, dan komuniti secara amnya. Kaum ibu memainkan peranan utama, bukan sahaja dalam mendidik dan membesarkan anak-anak, bahkan bertanggungjawab dalam menguruskan kewangan keluarga. Sehubungan itu, NCIA telah memperkenalkan Program **Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)** untuk membantu ibu-ibu dari kalangan golongan miskin dan miskin tegar di negeri Kedah.

Objektif utama KIDA ialah untuk menampung kos sara hidup kumpulan sasaran melalui bantuan kewangan untuk **membeli barangan keperluan asas** dan **manfaat penjagaan kesihatan**. Ia juga bertujuan memastikan kemakmuran

negara dapat dirasai oleh semua rakyat. KIDA merupakan salah satu penyelesaian jangka pendek buat penerima untuk mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung, agar mereka dapat keluar dari kancap kemiskinan. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kuasa membeli rakyat serta tahap kesejahteraan dan kualiti hidup mereka. Malah, jumlah peruntukan untuk bantuan KIDA ialah yang tertinggi jika dibandingkan dengan program bantuan kewangan yang lain iaitu sebanyak **RM5.05 juta**.

Sehingga Februari 2020, seramai **4,281** penerima bantuan KIDA telah menerima manfaat dalam bentuk **kad pembayaran tanpa tunai** atau **cashless card** bernilai RM250 secara bulanan untuk pembelian barangan keperluan asas di lebih 69 panel kedai runcit dan 14 panel rantaian pasaraya. Mereka juga layak untuk **menerima rawatan dan perkhidmatan kesihatan** bernilai sehingga RM500 setahun di 128 buah klinik di seluruh negeri Kedah.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### 15 BAHAN KEPERLUAN ASAS (SEPERTI YANG DISYORKAN OLEH KPNDHEPP)



Beras



Gula dan Garam



Sayur-sayuran & Buah-buahan



Mi dan Bihun



Rempah-ratus, Sos, Kicap dsb.




Sabun dan Bahan Pencuci



Roti



Tepung



Lampin Pakai Buang



Biskut




Minyak Masak



Produk Tenusu



Telur



Daging dan Ikan



Peralatan Sekolah



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN



KIDA TELAH MAMBANTU MENGURANGKAN KESAN KENAIKAN KOS SARA HIDUP, MENGGANDAKAN KUASA PEMBELIAN DAN MENINGKATKAN KUALITI HIDUP

## PENERIMA SEMASA

4,281

Penerima  
KIDA

15,487

Anak/  
Tanggungan

34% penerima KIDA telah disenarai pendek untuk program empowerNCER-Latihan Kemahiran & Keusahawanan



34% pelajar dari keluarga KIDA telah disenarai pendek untuk program empowerNCER Akademik

## MENINGKATKAN PERMINTAAN PENGGUNA &amp; MERANGSANG DALAM EKONOMI SETEMPAT

LEBIH  
RM5.05 JUTA  
DIBELANJAKAN  
DALAM  
EKONOMI  
SETEMPAT


- **RM3 juta**  
Jualan 69 pekedai
- **RM1.8 juta**  
Jualan 14 rantaian pasaraya
- **RM0.29 juta**  
Pendapatan 128 klinik panel

LIMA  
PERBELANJAAN  
TERTINGGI



Penerima KIDA kini mempunyai bekalan bulanan yang berterusan untuk keperluan asas keluarga mereka dan akses kepada produk berkualiti

PENGGUNAAN  
MANFAAT  
KESIHATAN



Perkhidmatan kesihatan memberi manfaat kepada seluruh keluarga. Anak-anak dan ahli keluarga penerima KIDA boleh mendapat rawatan di klinik swasta selepas waktu pejabat.




Program **empowerNCER** direka khas untuk **meningkatkan kemahiran penduduk tempatan** bagi membolehkan mereka bersaing dan merebut peluang-peluang ekonomi yang dijana di NCER. Program ini turut mengetengahkan **keperluan sosioekonomi** di wilayah ini berdasarkan **kehendak industri**. Objektif ini dapat direalisasikan dengan **penyediaan kursus dan latihan** dalam aspek **kemahiran dan keusahawanan** kepada kumpulan sasaran yang kebanyakannya terdiri daripada **wanita, belia, manggurr, golongan B40**, dan juga **Orang Asli** di NCER.



Komponen akademik **empowerNCER** direka untuk meningkatkan pencapaian pelajar dari segi **akademik** dan **kemahiran sendiri**, khususnya pelajar dari keluarga KIDA, B40 dan Orang Asli. Program **empowerNCER-Akademik** ini akan memfokuskan kepada peningkatan prestasi pelajar dalam peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM, serta pembangunan sahsiah diri. Kaedah yang sama akan diterapkan dalam program yang melibatkan pelajar-pelajar Orang Asli yang terpilih dari Tahun 5 dan 6 untuk meningkatkan tahap kebolehan membaca, menulis dan mengira (3M) mereka.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Tempoh pelaksanaan program adalah selama 18 bulan dan telah pun bermula sejak Disember 2019, di mana penyedia perkhidmatan yang dilantik kini telah pun menyempurnakan Langkah 1 iaitu proses pemprofilan atau pemilihan sekolah dan pelajar. Fasa 1 Program empowerNCER-Akademik ini akan dilaksanakan pada tahun 2020 di **15 buah daerah** di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak dan akan melibatkan sejumlah **2,900 orang pelajar**, termasuk 300 pelajar Orang Asli. Untuk Fasa 2, sejumlah **3,600 orang pelajar** akan dipilih untuk menyertai program ini.



### KOMPONEN PROGRAM

**Kelas Tuisyen dan Peningkatan Kendiri**  
untuk pelajar UPSR, PT3 dan SPM yang kurang  
cemerlang dari kalangan B40

**Program Direka Khusus** untuk pelajar dari  
kalangan Orang Asli yang memfokuskan kepada  
kemahiran 3M (Membaca, Menulis & Mengira)

### KOLABORASI DENGAN SEKTOR SWASTA (YAYASAN PETRONAS)




Yayasan PETRONAS merupakan Badan Tanggungjawab Korporat dan Sosial PETRONAS dengan misi untuk menyumbang **kepada kesejahteraan sosial, memacu kelestarian, meningkatkan kualiti hidup dan impak sosioekonomi** untuk masyarakat di seluruh negara.

NCIA berkerjasama dengan Yayasan PETRONAS untuk pelaksanaan Program empowerNCER sebagai salah satu tanggungjawab korporat dan sosial agensi ini yang melibatkan 1,000 peserta empowerNCER-Latihan Kemahiran & Keusahawanan dan 1,000 pelajar bagi empowerNCER-Akademik.



# PEMBANGUNAN MODAL INSAN



## KPI PROGRAM

<p><b>UPSR</b></p> <p>70% peserta "Mencapai Tahap Minimum"</p> <hr/> <p>Sekurang-kurangnya 10% peserta mendapat minimum <b>5A</b></p>	<p><b>PT3</b></p> <p>70% peserta lulus kelima-lima subjek teras</p> <hr/> <p>60% peserta menyiapkan projek berkaitan <b>STEM</b></p>	<p><b>SPM</b></p> <p>90% kadar kelulusan keseluruhan</p> <hr/> <p>55% peningkatan dalam "Gred Purata Murid"</p> <hr/> <p>10% mendapat <b>5A &amp; ke atas</b></p>	<p><b>Orang Asli</b></p> <p>20% menguasai 3M</p> <hr/> <p>30% menguasai 2M</p> <hr/> <p>50% menguasai 1M</p>
---	--	---	--

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Program empowerNCER-MyKasih merupakan **kolaborasi awam-swasta** di antara NCIA dan Yayasan MyKasih yang memberikan akses kepada para pelajar di kawasan pedalaman kepada kemudahan dan fasiliti terkini, termasuk bantuan makanan. Dengan peruntukan sepenuhnya oleh sektor swasta, program ini mempunyai tiga komponen utama iaitu **pemberian bantuan makanan** tanpa melibatkan penggunaan wang tunai kepada pelajar (*cashless food aid*),

**Pembelajaran Abad Ke-21** (21<sup>st</sup> Century Classroom) dan **program pembelajaran Robotic Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)** yang telah berjaya dilaksanakan di **10 buah sekolah di NCER** pada tahun 2019.

Program empowerNCER-MyKasih telah menunjukkan impak positif dari segi peningkatan kadar kehadiran pelajar terlibat dan peningkatan minat mereka terhadap STEM. Sehubungan itu, komponen program ini akan direplikasikan dalam Program empowerNCER – Akademik. Program ini akan turut dilaksanakan di sekolah-sekolah lain di keempat-empat negeri di NCER.

Komponen Semasa Yang Dilaksanakan Di Bawah Program empowerNCER - MyKasih	6 Komponen Program Baharu Akan Dirintis di Langkawi dan Seterusnya Akan Dilancarkan di Lain-lain Sekolah pada 2020		
 <b>Kad Tanpa Tunai</b>	 <b>Sistem Pengurusan Sekolah (SMS)</b> Aplikasi tunggal untuk para guru, pelajar dan ibu-bapa untuk memantau kemajuan murid dan lain-lain laporan	 <b>Pembangunan Sukan (Contoh: Bolasepak &amp; Bola Jaring)</b> Membangunkan pemain akar umbi dan memecahkan rutin. Meningkatkan Kecerdasan Emosi (EI), kemahiran insaniah dan integriti, serta mengasah bakat masa hadapan	 <b>Recycle for Life (RFL)</b> Meningkatkan kesedaran mengenai kitar semula melalui kad pintar yang boleh digunakan untuk membeli barang keperluan dari kantin dan peniaga yang mengambil bahagian
 <b>Pembelajaran Abad ke-21</b>	 <b>Projek Taman Sayur-sayuran (Akuaponik)</b> Merevolusi perladangan melalui pertanian hijau tanpa toksik, mesra alam dan bebas pencemaran	 <b>Kem Pembelajaran &amp; Pulang ke Sekolah</b> Kem pembelajaran sebelum peperiksaan utama dan penyerahan barang persekolahan	 <b>Saringan Kesihatan</b> Saringan kesihatan mata dan kaca mata percuma untuk para pelajar B40 yang terpilih
 <b>Pembelajaran Robotik STEM</b>			

### IMPAK PROGRAM EMPOWERNCER - MYKASIH SEHINGGA JANUARI 2020

 <b>6 sekolah</b> di Langkawi terlibat dalam Projek Perintis sejak Julai 2019	 <b>120 pelajar</b> menikmati bantuan makanan dan keperluan melalui kad tanpa tunai	<b>6</b> bilik darjah Pembelajaran <b>Abad Ke-21</b> telah disediakan dan set-set robotik telah diedarkan untuk STEM Gunaan
 Kadar kedatangan telah meningkat sehingga <b>95%</b>	 Para guru lebih bermotivasi untuk mengajar melalui pelbagai aplikasi dalam <b>17 peranti pembelajaran</b> di bilik darjah	



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Komponen kemahiran dan keusahawanan **empowerNCER** telah direka untuk menyediakan **latihan kemahiran dan keusahawanan asas** kepada para peserta untuk membolehkan mereka **meningkatkan pendapatan isi rumah** di samping **menyokong industri tempatan** di NCER. Melalui program ini, **peserta akan dilatih untuk menjadi usahawan** atau untuk **mendapatkan pekerjaan dalam industri tempatan**. Kumpulan sasaran untuk program ini adalah terdiri daripada **penerima skim bantuan KIDA, wanita, belia, graduan menganggur, golongan B40 dan Orang Asli**.

Program ini melibatkan kolaborasi dengan pelbagai agensi dan jabatan bagi menyediakan latihan dan persijilan khusus kepada para peserta. Kerjasama dengan industri pula turut dijalankan bagi memastikan peluang penempatan pekerjaan kepada peserta terlibat. Langkah ini juga akan memastikan komponen pembelian semula (*buyback*) bagi produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh peserta.

Beberapa program **Quick Win** telah dilaksanakan semenjak September 2019, di mana sejumlah **52 peserta** telah menjalani latihan dalam beberapa kursus iaitu **Kursus**

**Pendawaian Elektrik Domestik & Industri, Kursus Spa & Penjagaan Wanita dan Kursus Program Khusus**. Majoriti peserta-peserta *Quick Win* ini telah berjaya memperoleh **peningkatan pendapatan sehingga melebihi 100%** berbanding pendapatan sebelum memasuki program **empowerNCER**.

### LANGKAH 1 (3 BULAN)

Kerja-kerja Lapangan: Pemilihan dan Pemprofilan Peserta

### LANGKAH 2 (6-12 BULAN)

Latihan, *Handholding*, Penempatan dan Pemantauan

### LANGKAH 3 (3 BULAN)

Semakan Hasil Pencapaian

### LANGKAH 4 (12 BULAN)

Laporan Kajian Penyuruhan & Kemaskini Pangkalan Data Peserta

## KOMPONEN PROGRAM

**PESERTA: KUMPULAN B40, WANITA, BELIA, GRADUAN MENGANGGUR, IBU TUNGGAL DAN ORANG ASLI**

## KPI PROGRAM

### LATIHAN KEMAHIRAN

**90%** peserta dijangka dapat menghabiskan latihan dan memperoleh sijil

### PENEMPATAN PEKERJAAN / PENDAFTARAN PERNIAGAAN

**80%** peserta dijangka memperoleh pekerjaan atau mendaftarkan perniagaan

### PENINGKATAN PENDAPATAN

Peningkatan pendapatan sehingga **RM1,000** (untuk pendapatan <RM500)

**80%** Peningkatan pendapatan (untuk pendapatan <RM500 sebelum menyertai program)

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### HASIL PENCAPAIAN PROGRAM "QUICK WIN" DI SEBERANG PERAI TENGAH



**Kesemua 20 peserta** "Quick Win" telah mencatatkan peningkatan pendapatan



**11 peserta** program "Quick Win" telah mencapai peningkatan pendapatan **sebanyak 100% atau lebih**

### HASIL PENCAPAIAN PROGRAM "QUICK WIN" DI LARUT MATANG & SELAMA



**17 peserta** "Quick Win" telah mencatatkan peningkatan pendapatan



**13 peserta** program "Quick Win" telah mencapai peningkatan pendapatan **sebanyak 100% atau lebih**

### HASIL PENCAPAIAN PROGRAM "QUICK WIN" DI PERLIS & KEDAH



**Kesemua 12 peserta** program "Quick Win" telah mencapai peningkatan pendapatan **sebanyak 100% atau lebih**

**5 peserta** program "Quick Win" telah mencapai peningkatan pendapatan **sebanyak lebih 500%**




Mencatatkan Peningkatan Pendapatan



Mencapai Peningkatan Pendapatan Sebanyak 100% atau lebih



# PEMBANGUNAN MODAL INSAN



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### KISAH KEJAYAAN PESERTA empowerNCER

#### PERKHIDMATAN PENDAWAIAN ELEKTRIK & PENYENGGARAAN SECARA BEBAS ("FREELANCE")



#### KHAIRUL HAMIMI BIN ISHAK

#### Pendapatan Bulanan Sebelum Menyertai empowerNCER

RM2,259 sebulan (Polis Bantuan)

#### Pendapatan Bulanan Selepas Menyertai empowerNCER

Berjaya mencecah RM4,559 sebulan (Jualan purata  
mingguan sebanyak RM500 - RM700)

#### Pencapaian

1. Peningkatan pendapatan sebanyak 102%
2. Memberikan khidmat lengkap pemasangan pendawaian elektrik dan pemasangan & penyenggaraan penghawa dingin di sekitar Pulau Pinang
3. Berjaya membeli rumah sendiri dan menampung perbelanjaan keluarga

#### PAKAR PENYELENGGARAAN PENGHAWA DINGIN SECARA BEBAS ("FREELANCE")



#### VICKNESWARAN A/L GUNASEGARAN

#### Pendapatan Bulanan Sebelum Menyertai empowerNCER

RM2,574 sebulan (Penyelenggaraan Kilang)

#### Pendapatan Bulanan Selepas Menyertai empowerNCER

Berjaya mencecah RM4,200 sebulan (Purata jualan  
mingguan RM200 - RM500)

#### Pencapaian

1. Peningkatan pendapatan sebanyak 63%
2. Turut menawarkan khidmat lengkap pemasangan pendawaian elektrik dan pemasangan penyenggaraan penghawa dingin di sekitar Pulau Pinang
3. Berjaya menampung perbelanjaan keluarga, terutama setelah isteri beliau teribat dalam kemalangan



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### PERKHIDMATAN SPA BERGERAK ("MOBILE SPA")



#### NUR IZZATI BINTI AZAHAR

#### Pendapatan Bulanan Sebelum Menyertai empowerNCER

RM950.00 sebulan (Spa Bergerak)

#### Pendapatan Bulanan Selepas Menyertai empowerNCER

Berjaya mencecah RM2,500 sebulan (Purata jualan mingguan RM300 - RM550)

#### Pencapaian

1. Peningkatan pendapatan sebanyak 163%
2. Ibu tunggal dengan kisah hidup yang penuh inspirasi untuk keluar dari kepompong B40
3. Menawarkan pelbagai jenis perkhidmatan seperti urut tradisional dan urut selepas bersalin, serta penjagaan ibu yang berpantang dan rawatan muka

### PERKHIDMATAN SPA BERGERAK ("MOBILE SPA")



#### NORSUHAINI BINTI TALIB

#### Pendapatan Bulanan Sebelum Menyertai empowerNCER

Tiada Pendapatan (Surirumah)

#### Pendapatan Bulanan Selepas Menyertai empowerNCER

Berjaya mencecah RM2,000 sebulan (Purata pendapatan mingguan RM400 - RM500)

#### Pencapaian

1. Peningkatan pendapatan sebanyak 2000%
2. Berbekalkan semangat yang kuat, beliau menawarkan khidmat spa bergerak dari rumah ke rumah demi menyara keluarga, termasuklah anak OKU
3. Perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi urutan tradisional, rawatan muka, urutan selepas bersalin, penjagaan selepas bersalin dan mencuci rambut

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### REFLEKSOLOGI DI DESA



**GAYAH BINTI HASAN & MOHD AZMAN BIN MD (PENERIMA BANTUAN KIDA)**

**Pendapatan Bulanan Sebelum Menyertai empowerNCER**

RM300.00 sebulan (Perkhidmatan Refleksologi)

**Pendapatan Bulanan Selepas Menyertai empowerNCER**

Berjaya mencecah lebih RM1,300 sebulan (Purata jualan mingguan RM30 - RM60)

#### **Pencapaian**

1. Peningkatan pendapatan 333% dan berjaya menjana pendapatan stabil
2. Penambahan pelanggan baharu & peningkatan peralatan (kerusi urutan baharu)
3. Contoh peserta OKU yang berjaya meningkatkan diri dan semangat keusahawaan

### PENJUALAN BURGER



**UBAL BIN KULIM (ORANG ASLI)**

**Pendapatan Bulanan Sebelum Menyertai empowerNCER**

RM300.00 sebulan (Menjual nuget)

**Pendapatan Bulanan Selepas Menyertai empowerNCER**

Berjaya mencecah RM780.00 sebulan (Purata jualan harian RM50 - RM70)

#### **Pencapaian**

1. Peningkatan pendapatan sebanyak 160%
2. Kini mempunyai ilmu keusahawanan yang lebih mendalam, dan mempunyai semangat dan motivasi yang tinggi untuk menjalankan perniagaan
3. Mampu memberi wang kepada ayahnya, serta membantu masyarakat Orang Asli setempat dengan memberi derma apabila mencatatkan jualan yang tinggi
4. Selain burger, beliau turut menjual somtam dan minuman. Encik Ubal kini turut menjadi contoh tauladan di kalangan Orang Asli setempat



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### ENTREPRENEUR NCER

Program entrepreneurNCER diperkenalkan dengan matlamat untuk **membangun dan mengembangkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sedia ada** di wilayah ini bagi menyokong rantai penawaran industri di seluruh NCER. Di bawah program ini, **usahawan mikro dan PKS** di NCER akan dibantu dari segi **pembiayaan kewangan dan khidmat bimbingan bagi mereka** yang berhasrat untuk mengembangkan dan meluaskan pasaran perniagaan mereka. Program ini juga merupakan satu pengiktirafan kepada **perusahaan mikro dan PKS** yang berperanan sebagai **pemacu utama bagi ekonomi tempatan**.

Kewujudan program ini dapat membantu meningkatkan prestasi usahawan tempatan, serta menangani masalah







mereka yang menghadapi kesukaran mendapatkan pembiayaan kewangan. Ia juga secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan pelaburan langsung domestik, terutamanya di kalangan usahawan mikro dan PKS, dan seterusnya turut memainkan peranan penting dalam merangsang pertumbuhan ekonomi NCER.

Bagi program entrepreneurNCER, NCIA telah menjalin kerjasama dengan **Maybank** dan **Agrobank** untuk menyediakan bantuan **pembiayaan mudah (soft loan)**, di mana **NCIA** menggunakan kaedah menokok atau *topping up* 50% ke atas kadar keuntungan yang dikenakan oleh pihak bank. Selain daripada bantuan pinjaman mudah untuk usahawan yang ingin mengembangkan perniagaan mereka, program ini turut membantu dari segi **pembangunan produk dan penjenamaan, promosi dan pemasaran, dan penerapan teknologi**.

**entrepreneurNCER BERMATLAMAT UNTUK MENGURANGKAN KOS PERKEMBANGAN PERNIAGAAN BAGI PKS DAN USAHAWAN MIKRO**

Bantuan Kewangan		Meningkatkan Pertumbuhan dan Daya Saing Perniagaan PKS		
Pembiayaan NCIA	Pinjaman Bank			
1	:			
		12		
 <ul style="list-style-type: none"> <li>"Top-up" 50% ke atas kadar faedah</li> <li>Pembiayaan sehingga RM500,000</li> </ul>	 <ul style="list-style-type: none"> <li>"Top-up" 50% ke atas kadar faedah</li> <li>Pembiayaan sehingga RM100,000</li> </ul>	<p>Pembangunan &amp; Pembungkusan Produk</p>	<p>Promosi &amp; Pemasaran</p>	<p>Penerapan Teknologi</p>
		<p>Kerjasama dengan lain-lain rakan kongsi strategik berpotensi untuk memperluaskan peluang-peluang perniagaan inovatif</p>		

**SELARAS DENGAN DASAR KEUSAHAWANAN KEBANGSAAN 2035**

 <p>Menyemai budaya keusahawanan di setiap peringkat masyarakat</p>	 <p>Mengoptimalkan sistem kawal selia dan akses kepada pembiayaan</p>	 <p>Merangsang pembangunan keusahawanan secara bersepadu &amp; holistik</p>
 <p>Mencetuskan pertumbuhan ekonomi melalui perusahaan-perusahaan berasaskan inovasi</p>	 <p>Merangsang keupayaan dan prestasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana</p>	 <p>Mengantarabangsakan perusahaan yang berkembang pesat</p>

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pada 17 September 2019, NCIA telah memeterai perjanjian dengan Maybank untuk melaksanakan Skim Usahawan NCIA-Maybank. Sehingga 29 Februari 2020, sebanyak **301 permohonan usahawan telah diluluskan** di bawah skim ini dengan jumlah pembiayaan bank sebanyak **RM34.5 juta**.






Pada 19 September 2019, NCIA telah memeterai perjanjian dengan Agrobank bagi pelaksanaan Skim Usahawan NCIA-Agrobank. Sehingga 29 Februari 2020, sebanyak **3,218 permohonan usahawan telah diluluskan** di bawah skim ini dengan jumlah pembiayaan bank sebanyak **RM23.5 juta**.

Setakat Februari 2020, sebanyak **3,519** usahawan tempatan telah mendapat manfaat dalam bentuk bantuan pembiayaan mudah dengan kadar keuntungan yang rendah. Program ini juga telah memberi manfaat lebih **92% usahawan Bumiputera dan 19% usahawan golongan wanita**. entrepreneurNCER turut mencerminkan perkongsian bijak di antara pihak kerajaan (NCIA) dan bank dari segi kos, iaitu dengan kadar nisbah 1:14.

### PENCAPAIAN entrepreneurNCER PADA 2019



### IMPAK PROGRAM entrepreneurNCER MENGIKUT NEGERI SEHINGGA JANUARI 2020

	PERLIS	KEDAH	PULAU PINANG	PERAK
 <b>JUMLAH PERMOHONAN DILULUSKAN</b>	396	1,144	244	192
 <b>PKS</b>	2%	2%	27%	54%
 <b>MIKRO</b>	98%	98%	73%	46%
 <b>BUMIPUTERA</b>	96%	96%	74%	45%
 <b>WANITA</b>	24%	20%	8%	15%





## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### KISAH KEJAYAAN PESERTA entrepreneurNCER



#### PENGELUAR REMPAH NASI KANDAR YANG BERJAYA

“

En. Mohamed Asraff, pengasas syarikat “Rempah Buhari” merupakan salah seorang peserta program entrepreneurNCER sejak Oktober 2019. Melalui Skim Usahawan NCIA-MAYBANK entrepreneurNCER, beliau berjaya mendapatkan pensijilan Halal dan MESTI yang telah membuka pelbagai peluang untuk syarikatnya menjalankan pengeluaran kontrak, serta sebagai vendor pembekal kepada restoran-restoran nasi kandar. Syarikat beliau menjangka akan meningkatkan pengeluaran kepada 50 tan sebulan, berbanding 10 tan sebelum ini. ”



#### DARI PENIAGA GERAI KE PEMILIK RESTORAN TERKENAL

“

Bermula sebagai seorang peniaga warung makanan di Ipoh, Puan Fareen Safinaz Mohamad, kini merupakan pemilik restoran Nasi Bamboo Sungai Klah yang amat terkenal. Daripada sebuah restoran di Sungkai, Perak, peserta entrepreneurNCER ini bercadang membuka cawangan kedua restoran tersebut di Behrang. Pertambahan cawangan restoran tersebut dijangka akan menjana 55 peluang pekerjaan baharu untuk warga tempatan. ”


### TESTIMONI PESERTA entrepreneurNCER



#### EN. ALIF ZULHAIRIE *Karim Arif & Sons*

“

Alhamdulillah, dengan pembiayaan ini saya dapat membeli stok tambahan bagi memenuhi permintaan pengguna yang tinggi, di samping membeli secara pukal pada kos yang lebih murah daripada pembekal. ”



#### PN. AZRINA ABDULAH *Pengusaha Restoran Azrina Gulai Panas*

“

Pembiayaan melalui skim ini telah membolehkan saya membeli 2 unit pendingin (chiller) bagi tujuan penyimpanan bahan mentah untuk memasak, serta pengubahsuaian ringkas bagi restoran sedia ada. ”



#### PN. ADILAH MOHAMAD *Pengusaha Tadika Ikhtiar Pintar*

“

Pembiayaan melalui skim ini telah membolehkan saya menambah baik bilik pembelajaran melalui dekorasi, di samping memasang peralatan tambahan yang lain seperti penghawa dingin untuk memastikan keselesaan di tadika. ”



#### PN. NORAZILA MAHMOOD *Bronis Sdn Bhd*

“

Sejujurnya, Ekspo China-Asean (CAEXPO) merupakan ekspo terbesar yang pernah kami sertai. Pihak kami juga telah banyak dibantu oleh pihak NCIA, bermula daripada urusan di lapangan terbang sehinggalah ke sesi padanan perniagaan. Memang banyak pendedahan yang kami terima. ”

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### NCER TALENT ENHANCEMENT PROGRAMME (NTEP)

NCER Talent Enhancement Programme (NTEP) merupakan sebuah program modal insan yang bertujuan memastikan bekalan tenaga kerja mahir yang mencukupi dan memenuhi keperluan industri di NCER. NTEP direka khas untuk **meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan** dan memberi mereka peluang pekerjaan dan kualiti kehidupan yang lebih baik. Para peserta akan diberikan penempatan pekerjaan tetap dan akan menerima latihan kemahiran kerja yang berkualiti tinggi, diikuti dengan latihan kemahiran insani (*soft skills*) untuk meningkatkan daya saing mereka.

Program ini dilihat amat penting untuk **menangani isu pengangguran di kalangan graduan di NCER**, yang mana wilayah ini mencatatkan sejumlah 12,699 graduan menganggur pada tahun 2018, dengan Perak dan Kedah mencatatkan kadar peratusan tertinggi. NTEP juga berperanan sebagai **salah satu insentif menarik kepada syarikat-syarikat pelabur** yang beroperasi di NCER.

### NTEP DIREKA UNTUK MEMASTIKAN KECUKUPAN TENAGA KERJA MAHIR YANG BERPADANAN DENGAN KEHENDAK INDUSTRI DI NCER

Kemahiran Teknikal (LTK)  
**80% +** Kemahiran  
Insani **20%**

Tempoh Perjanjian:  
**24 bulan**

Pembayaran balik sehingga  
**RM1,000** setiap bulan  
untuk 12 bulan

#### Kumpulan Sasaran:

Syarikat-syarikat yang melabur atau berkembang di NCER, khususnya dalam sektor-sektor keutamaan  
Syarikat-syarikat yang pernah menyertai NTEP dan mempunyai prestasi yang baik

Graduan yang menganggur sehingga 3 tahun, pekerja sambilan atau kontrak,  
pelatih pengurusan, pelatih siswazah dan pelatih amali



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

NTEP terbuka kepada **semua syarikat tempatan dan asing yang melabur di NCER**, di mana NCIA akan membiayai sebahagian daripada kos gaji graduan dalam bentuk geran secara kaedah pembayaran semula (*reimbursement*) kepada syarikat-syarikat terlibat. Syarikat-syarikat berkenaan akan diberi subsidi RM1,000 bagi setiap siswazah untuk tempoh 12 bulan, atau RM12,000 secara keseluruhannya bagi setiap siswazah untuk tempoh 12 bulan.

Sumbangan NTEP bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat untuk mengambil graduan baharu dan memberi latihan yang mencukupi, sebagai ganti pengambilan pekerja asing yang berpengalaman. Graduan yang terlibat mestilah warganegara Malaysia dan akan melalui proses pemilihan dan pengambilan sepenuhnya oleh syarikat.

Program NTEP mempunyai beberapa kelebihan dari segi:

- Mewujudkan peluang pekerjaan untuk para graduan yang menganggur
- Meningkatkan taraf hidup graduan serta memberi impak positif kepada landskap sosioekonomi NCER
- Mengurangkan kos operasi syarikat dan industri dari segi kos gaji dan latihan.

Sehingga 29 Februari 2020, sebanyak **43 syarikat** dengan pelaburan berjumlah **RM19.9 bilion** telah mengambil bahagian dalam NTEP, antaranya, Micron Memory Malaysia Sdn Bhd, ViTrox Corporation Berhad, Opstar Technology, dan Green World Technology Sdn Bhd.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut, 21 syarikat beroperasi di Pulau Pinang, 11 syarikat di Kedah, 10 syarikat di Perak dan 1 syarikat di Perlis. Sejumlah 32 syarikat adalah syarikat tempatan, termasuk tiga syarikat Bumiputera, manakala 11 lagi adalah syarikat dari negara asing. Lebih membanggakan, sebanyak 31 syarikat adalah dari kawasan kurang membangun atau *Less Developed Areas* (LDA).

Seramai **217 orang graduan** telah terpilih dan mendapat pekerjaan tetap di bawah program NTEP, dengan pendapatan purata sebanyak **RM3,200 sebulan**. Jumlah graduan yang terpilih adalah agak rendah disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang telah mengakibatkan ketidakpastian ekonomi dan memaksa banyak syarikat untuk membekukan pengambilan pekerja. Daripada jumlah graduan tersebut, seramai 80% berjaya mendapat pekerjaan jenis teknikal, manakala selebihnya berjaya mendapat pekerjaan bukan teknikal atau R&D. Sejumlah 30% daripada peserta terpilih merupakan peserta wanita.



Antara peserta NTEP yang telah berjaya mendapat penempatan pekerjaan melalui program tersebut

NCIA menasarkankan sebanyak **1,030 peluang pekerjaan** telah ditawarkan untuk graduan menerusi NTEP, dengan jumlah peruntukan komited sebanyak **RM12.36 juta**. Adalah dijangkakan bahawa program NTEP akan menjana sebanyak **25,970 peluang pekerjaan** dalam tempoh tiga hingga 10 tahun.



### SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENYERTA NTEP TERDIRI DARIPADA:

# 33

Syarikat dari kluster Pembuatan

# 4

Syarikat dari kluster Ekonomi Digital

# 3

Syarikat dari kluster Perniagaan Tani & Industri Bio

# 2

Syarikat dari kluster Pelancongan


# 1

Syarikat dari kluster Logistik



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### IMPAK NTEP@NCER SETAKAT FEBRUARI 2020



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### HALA TUJU MASA HADAPAN (2021-2025)

#### SASARAN NTEP MENGIKUT NEGERI

**PERAK** (2,250 peserta)

**KEDAH** (1,750 peserta)

**PERLIS** (2,000 peserta)

**PULAU PINANG** (200 peserta)

▶ <b>6,250</b> Peluang Pekerjaan	▶ <b>30%</b> Peserta Wanita
▶ <b>80%</b> Pekerjaan Teknikal	▶ <b>RM3,200</b> Gaji Purata

#### TENAGA KERJA MAHIR – KUMPULAN BAKAT YANG TERLATIH UNTUK INDUSTRI & PENINGKATAN KEMAHIRAN MELALUI COE BAGI MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI

Fasiliti Ujian KTE	AMBIENCE @ UniMAP	CEDEC @ USM Reka Bentuk IC
CREST Ekosistem R, D & C	Pusat Pensijilan QAV Ujian & Pensijilan LED SSL	KISMEC Pembangunan Kemahiran & Bakat
Pembangunan Ujian COE @ Tessolve Pembangunan Ujian Kejuruteraan	Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang Pembangunan Kemahiran & Bakat	Fabrikasi Wafer Berasaskan Sistem Mikroelektromekanikal (MEMS)

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### TESTIMONI PESERTA NTEP: PARA GRADUAN



**SITI NUR AISYAH BINTI AHMAD**  
*Jurutera, JCT Industries Group  
Sdn Bhd*

“

Saya berasa amat gembira dan berterima kasih kerana diberi peluang menyertai NTEP, kerana ia membolehkan graduan muda seperti saya menimba pengalaman dalam industri sebenar dan membina kerjaya pertama saya sebagai seorang jurutera. ”



**LIM EWE JUN**  
*Pembantu Sumber Manusia dan  
Pentadbiran, XSD International  
Paper Sdn Bhd*

“

Secara keseluruhannya, program NTEP telah memberi manfaat kepada saya dengan menyediakan pelbagai peluang serta latihan yang diatur oleh pihak NCIA dan XSD bagi mensiapsiagakan diri saya untuk masa hadapan. ”



**MOHAMMAD SOFWAN  
BIN ABDUL HAMID**  
*Ahli Agronomi, Green World  
Genetics Sdn Bhd (Wilayah Utara)*

“

Saya amat berterima kasih kepada pihak NCIA dan Green World Genetics (GWG) kerana telah memberikan saya peluang kerjaya yang amat berharga di bawah program NTEP. Sebagai seorang lepasan siswazah baharu, saya berasa amat berbesar hati dan bangga kerana menjadi salah seorang kakitangan di syarikat pengeluar biji benih hibrid tropika yang terkemuka ini. GWG telah memberikan saya wacana untuk menambah ilmu dan kemahiran dalam pengeluaran biji benih hibrid. Persekitaran kerja yang positif juga telah membantu saya untuk meningkatkan keyakinan diri serta pembangunan sendiri. ”



**DHILLAN KUMAR  
A/L MARIMUTHU**  
*Jurutera Aplikasi, Sistem Visi,  
Synvue Sdn Bhd*

“

Peluang yang diberikan telah memberikan saya pemahaman yang lebih mendalam tentang skop kerja dan perniagaan dalam sektor perindustrian. Program NTEP ini pastinya telah menghasilkan perbezaan yang ketara dan peluang ini harus diberikan kepada semua siswazah yang baru sahaja menamatkan pengajian dan mula mengorak langkah ke alam pekerjaan. ”



**TAN CHONG GEE**  
*Jurutera R&D ViTrox  
Corporation Berhad*

“

Inisiatif NTEP ini telah memberikan platform untuk saya untuk meningkatkan diri dari segi profesional dan peribadi. Setelah menyertai ViTrox, saya berpeluang mengambil bahagian dalam latihan-latihan kemahiran insani dan teknikal seperti pengurusan projek, pengurusan diri, Google Suite dan banyak lagi. Terima kasih kepada program ini, produktiviti saya di tempat kerja juga meningkat dengan ketara setelah mempelajari cara terbaik menguruskan masa dan mengautomasi aplikasi-aplikasi Google seperti Gmail dan Spreadsheet. ”



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### TESTIMONI PESERTA NTEP: SYARIKAT PELABUR



**YEOH SIEW ENG**

*Pengurus, Jabatan Pengurusan Kakitangan, ViTrox Technologies Sdn Bhd*

“

Program NTEP telah memberikan kami sokongan dari segi pengambilan pekerja dan mengurangkan kos tenaga kerja melalui pembayaran semula pengajian. Pada masa yang sama, kami dapat memastikan agar lepasan siswazah baharu adalah kompeten dari segi kemahiran teknikal dan kemahiran insani. Kami berharap agar program ini akan diteruskan supaya lebih banyak syarikat di wilayah utara seperti ViTrox dapat bersama-sama berkembang maju dengan bantuan NCIA. ”



**LEE CHONG YONG**

*Timbalan Pengurus Besar, JCT Industries Group Sdn Bhd*

“

NTEP merupakan sebuah program yang hebat, di mana ia direka untuk menggalakkan para majikan mengambil lebih ramai lepasan siswazah untuk bekerja, terutamanya dalam industri pertengahan. Program ini juga amat membantu syarikat-syarikat yang mempunyai bajet terhad bagi mengambil siswazah baharu.

Pihak NCIA sentiasa memantau kemajuan program ini bagi memastikan pihak majikan memberikan latihan yang berkesan untuk para graduan meningkatkan kemahiran mereka. Kami amat berterima kasih kepada NCIA kerana menawarkan program ini kepada syarikat kami dan berharap agar ia akan diteruskan supaya lebih ramai lepasan siswazah berjaya mendapat pekerjaan. ”



**LOW WEI HAN**

*Ketua Wilayah Utara, Green World Genetics Sdn Bhd*

“

Green World Genetics (GWG) berhasrat menjadi pengeluar biji benih hibrid tropika terulung dunia. Sehubungan itu, kami memberi tumpuan utama kepada pembangunan modal insan untuk menyumbang ilmu dan kepakaran dalam industri biji benih hibrid yang sedang pesat berkembang. Kerjasama erat antara GWG dan NCIA melalui program NTEP ini akan membolehkan kami melahirkan lebih ramai pakar tempatan untuk menyokong industri pengeluaran biji benih negara. ”



**RICHARD A/L CLARENCE JOSEPH**

*Ketua Pegawai Eksekutif, Synvue Sdn Bhd*

“

Program NTEP ini amat bermanfaat dan merupakan satu wacana yang bagus untuk lepasan siswazah dan juga syarikat-syarikat pemula dan kecil. Program ini telah memberikan impak positif kepada syarikat kami dan kami pastinya mengesyorkan program ini kepada mereka yang memerlukan program sebegini. ”



**LEOW KHANG HENG**

*Ketua Pegawai Eksekutif, Macro Dimension Concrete Sdn Bhd*

“

Saya amat kagum dengan sikap peserta di tempat kerja. Mereka sangat teratur, boleh dipercayai dan boleh bekerja di bawah tekanan. ”



**KHOO CHEE LING**

*Penolong Pengurus Sumber Manusia, XSD International Paper Sdn Bhd*

“

Kami amat menghargai sokongan yang diberikan melalui program NTEP dari segi pengurangan kos pengambilan pekerja dengan cara memberikan insentif bulanan kepada pihak majikan untuk mengambil lepasan siswazah bekerja. Program ini juga turut memberikan peluang kepada para graduan untuk menimba ilmu dan pengalaman berharga yang berdasarkan fokus kerjaya mereka. ”

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### DANA USAHAWAN BUMIPUTERA (DUB@NCER)

Dana Usahawan Bumiputera (DUB@NCER) bertindak sebagai 'tipping point' kepada inisiatif pelaburan swasta Bumiputera di NCER. DUB@NCER memberi sokongan kepada syarikat-syarikat Bumiputera dalam bentuk bantuan kewangan kepada pelaksanaan projek-projek yang berkelebihan. Ia juga melengkapkan jurang daya maju pelaburan sektor swasta dalam melaksanakan projek-projek Bumiputera yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi dan komuniti di NCER. Melalui program DUB@NCER, NCIA menawarkan geran sehingga 15% kos projek yang layak atau maksimum RM2,000,000 (yang mana lebih rendah) kepada pemohon-pemohon dari sektor teras NCER.

### KISAH KEJAYAAN DANA USAHAWAN BUMIPUTERA DI NCER

#### KILANG PEMROSESAN AYAM DI ALOR STAR, KEDAH



Ayam Bismi Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat peneraju di dalam bidang penternakan dan pemprosesan ayam mentah di NCER, dengan kapasiti pemprosesan semasa sehingga **15,000 ekor ayam mentah** sehari. Menerusi DUB@NCER, syarikat telah memohon untuk meningkatkan kapasiti pemprosesan ayam melalui pembinaan fasiliti pemprosesan ayam baharu, yang dilengkapi dengan mesin pemprosesan ayam dan pembelian beberapa unit kenderaan komersial.

Melalui projek ini, Ayam Bismi dijangka akan meningkatkan kapasiti pengeluaran kepada **30,000 ekor ayam** diproses sehari bagi memenuhi permintaan pelanggan di Kedah dan Perlis. Projek ini melibatkan pelaburan bernilai **RM8.2 juta** dan dijangka akan mewujudkan sejumlah **60 peluang pekerjaan** kepada penduduk setempat apabila siap pada tahun 2020. Selain itu, syarikat ini juga dijangka akan mewujudkan peluang keusahawanan kepada mereka yang berminat untuk membuka outlet Ayam Bismi melalui program *Business Transformation Programme* kelolaannya.

#### KILANG PEMROSESAN PALET BIOJISIM EMPTY FRUIT BUNCH (EFB)



Usaha Strategik Sdn Bhd yang beroperasi di Behrang, Perak merupakan sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan perdagangan dan pemprosesan tandan kosong kelapa sawit atau *Empty Fruit Bunch (EFB)* kepada palet biojisim (*biomass pallet*). Pada tahun 2016, syarikat ini telah memeterai dokumen persefahaman bersama dua syarikat di Jepun iaitu Nissin Shoji Co Ltd dan Japan Bioenergy Co. Ltd bagi membekalkan palet biojisim EFB.

Untuk memenuhi permintaan daripada kedua-dua syarikat Jepun tersebut, Usaha Strategik Sdn Bhd telah mengambil langkah proaktif dengan merancang untuk membina Kilang Pemprosesan palet biojisim EFB. Syarikat tersebut telah menggunakan peluang yang ditawarkan melalui program DUB@NCER untuk membeli dua unit mesin pemprosesan palet tersebut. Projek ini melibatkan pelaburan bernilai **RM7.5 juta** dan dijangka akan mewujudkan sejumlah **20 peluang pekerjaan** kepada penduduk setempat.

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### KILANG PEMROSESAN BIHUN DI KANGAR, PERLIS



Kilang pemprosesan bihun milik Dibuk Synergy Sdn Bhd yang memanfaatkan DUB@NCER

**Dibuk Synergy Sdn Bhd** merupakan sebuah syarikat Bumiputera yang menghasilkan **produk bihun** yang berasaskan beras. Pemilik Dibuk Synergy Sdn Bhd turut mempunyai tiga buah kilang pemprosesan beras yang menghasilkan beras hancur sebanyak kira-kira 21,000 tan setahun. Pemilik syarikat telah mengambil langkah proaktif dengan **menambah nilai beras hancur** tersebut melalui pembuatan produk hiliran iaitu bihun. Lambakan sekam padi dari hasil pemprosesan beras juga telah digunakan sebagai **bahan bakar** dalam proses penghasilan produk bihun milik syarikat, sekaligus membantu mengurangkan aktiviti pembakaran sekam padi secara terbuka di negeri Perlis.

Projek ini melibatkan nilai pelaburan keseluruhan berjumlah **RM29.8 juta** selain menghasilkan **30 peluang pekerjaan** bagi penduduk setempat. Projek ini dijangka akan turut mewujudkan **50 peluang keusahawanan** dalam tempoh lima tahun melalui pengenalan model keusahawanan yang berkonsepkan sistem ejen. Sistem ejen ini menggunakan sistem pengedaran produk ais kiub di negara ini yang menggunakan trak sejuk beku dan berasaskan komisen. Sasaran peserta adalah dari kalangan golongan siswazah, belia, golongan B40 dan penganggur.

### PROSPEK

NCIA akan terus menggiatkan usaha untuk merapatkan jurang kemahiran yang wujud dalam pasaran kerja melalui

pelbagai inisiatif, yang merangkumi penambahbaikan dari segi kecekapan dan produktiviti tenaga kerja, memberi keutamaan kepada pewujudan pekerjaan berkemahiran, meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti, menyediakan latihan, serta mengukuhkan kerjasama dengan industri dan akademia. NCIA juga akan terus menggalakkan pembangunan keusahawanan sebagai enjin pertumbuhan di kawasan-kawasan luar bandar, bagi meningkatkan lagi pendapatan rakyat di NCER.

Sehubungan itu, program-program seperti empowerNCER and entrepreneurNCER akan diperluaskan lagi ke lebih banyak lokasi, dalam usaha menyemarakkan lagi kemakmuran di wilayah ini dan memperkasakan rakyat. Bagi program entrepreneurNCER, NCER juga akan memanfaatkan momentum yang didorong oleh inovasi dan digitalisasi, termasuklah **adaptasi IR4.0**, dengan penggunaan teknologi tinggi yang akan meningkatkan lagi produktiviti usahawan tempatan.

Bagi program **NTEP**, NCIA menasarkannya sebanyak **6,250 peluang pekerjaan** untuk graduan tempatan akan diwujudkan pada tahun 2021-2025, dengan gaji purata bulanan sebanyak RM3,000. Untuk memperluaskan pengaruh dan keberkesanan NTEP, NCIA akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat pelabur dan institusi pengajian tinggi bagi menaik taraf kemahiran graduan menerusi **Pusat-pusat Kecemerlangan (Centres of Excellence)** yang sedia ada di NCER.



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### PELABURAN BUMIPUTERA

Selaras dengan Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera Kerajaan, **Dana Usahawan Bumiputera (DUB@NCER)** bertindak sebagai 'tipping point' kepada inisiatif pelaburan swasta Bumiputera di wilayah ini. DUB@NCER memberi sokongan kepada syarikat-syarikat Bumiputera dalam bentuk **bantuan kewangan** bagi pelaksanaan projek-projek yang layak. Ia juga berperanan **melengkapkan jurang daya maju pelaburan sektor swasta** dalam melaksanakan projek-projek Bumiputera yang memberi impak kepada pembangunan ekonomi dan komuniti di NCER.

DUB@NCER menyasarkan beberapa hasil pencapaian utama iaitu **pewujudan peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan**, serta **peningkatan pendapatan dan pelaburan** yang akan dijadikan dasar utama dalam menilai permohonan oleh syarikat-syarikat terlibat. Keutamaan akan diberi kepada sektor-sektor teras NCER bagi menggalakkan projek-projek berimpak tinggi yang dapat membawa kesan limpahan dan pertumbuhan ekonomi yang seimbang di NCER.

### OBJEKTIF:



Pemangkin kepada pelaksanaan projek-projek sedia ada atau baharu bagi meneruskan ekosistem syarikat PKS Bumiputera.



Membantu meneruskan rantai nilai dan ekosistem perniagaan PKS Bumiputera yang memberi kesan ketara kepada pembangunan ekonomi dan komuniti di NCER.



Projek perlu memberi impak strategik atau sunbangan yang signifikan kepada ekonomi di NCER termasuk projek-projek di dalam sektor teras NCIA dan projek yang memberi impak kepada industri dan komuniti.

Melalui program DUB@NCER, NCIA menawarkan geran sehingga 15% daripada kos projek yang layak atau maksimum RM2,000,000 (yang mana lebih rendah). Sehingga Januari 2020, sebanyak 11 syarikat Bumiputera di NCER telah menerima manfaat daripada inisiatif dana mudahcara ini.

### GERAN YANG DITAWARKAN DI BAWAH DUB@NCER

Gerab sehingga

**15%** daripada nilai kos layak projek (QPC) atau nilai maksimum **RM2,000,000** (yang mana lebih rendah)

#### Syarikat Kecil dan Sederhana

yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1995

Modal berbayar syarikat sekurang-kurangnya

**RM100,000**

Syarikat berpegangan saham efektif

**Bumiputera** sekurang-kurangnya **51%**

Geran akan disalurkan secara:

- **Pembangunan Infrastruktur** - Pendahuluan **10%** dan status kemajuan projek 50% dan 100%
- **Mesin/Kelengkapan** - Pendahuluan **10%** dan status kemajuan projek 50% dan 100%

Pembangunan Infrastruktur

**RM1,500,000**

**Tidak mengambil kira kos tanah, belanja operasi termasuk modal kerja, kos perkhidmatan dan aset tak ketara**

Mesin & Kelengkapan

**RM250,000**

Bagi pembangunan infrastruktur, had maksimum status kemajuan projek yang boleh dipohon adalah

**50%** (disahkan oleh Perunding Bebas)

### IMPAK DAN KEMAJUAN SEMASA PROGRAM DUB@NCER

Sektor Pembuatan serta Perniagaan Tani dan Industri Bio masing-masing menyumbang sebanyak 35% bagi pelaburan Bumiputera di NCER, diikuti oleh sektor Pelancongan dan Logistik. Industri perabot, pemprosesan bahan buangan tayar dan pemprosesan biojisim merupakan antara industri di bawah sektor Pembuatan, yang telah menyumbang sebanyak RM74 juta pelaburan dan akan mencipta 57 peluang pekerjaan untuk rakyat. Bagi sektor Perniagaan Tani dan Industri Bio pula, sebanyak empat (4) syarikat Bumiputera dari industri *fast-moving consumer goods (FMCG)* telah menyumbang sejumlah RM58 juta pelaburan di NCER dan akan mencipta 142 peluang pekerjaan.


## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Industri pelancongan di Langkawi masih menjadi tumpuan pembangunan, dengan penglibatan dua (2) syarikat Bumiputera iaitu pengusaha hotel di Pantai Chenang dan pusat pelancongan baharu di Gunung Mat Chincang yang akan dibuka pada tahun 2021, serta sebuah homestay berkonsep agro-pelancongan yang akan ditambah baik dari segi fasilitinya. Kegiatan ekonomi ini akan melibatkan pelaburan berjumlah RM54 juta dan mewujudkan 83 peluang pekerjaan baru untuk warga setempat, terutamanya para penduduk kampung berhampiran yang akan turut menikmati kesan limpahan ekonomi.

Sektor Logistik pula membabitkan sebuah syarikat gudang berdaftar di Kulim, Kedah yang telah menyumbang kepada pewujudan sembilan (9) peluang pekerjaan baharu dengan kos menaiktaraf gudang berjumlah RM2.8 juta.

Bagi impak mengikut negeri pula, Kedah mencatatkan pelaburan Bumiputera berjumlah RM78 juta dari enam (6) buah syarikat, Perak RM74 juta dari tiga (3) buah syarikat dan Pulau Pinang sebanyak RM37 juta dari dua (2) buah syarikat.

## IMPAK & KEMAJUAN SEMASA PROGRAM DANA USAHAWAN BUMIPUTERA



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### SASARAN PENCAPAIAN DUB@NCER

DANA USAHAWAN BUMIPUTERA DIWUJUDKAN SEBAGAI TIPPING POINT KEPADA INISIATIF PELABURAN SWASTA BUMIPUTERA DI NCER					
<b>HASIL PENCAPAIAN UTAMA</b>	Peluang Pekerjaan	Peluang Keusahawanan	Peningkatan Pendapatan	Pelaburan	<b>SASARAN UTAMA BAGI</b> Meningkatkan Tahap Sosioekonomi Penduduk NCER
<b>SEKTOR TERAS NCIA</b>	<b>PERKHIDMATAN</b>	<b>PEMBUATAN</b>		<b>PERNIAGAAN TANI</b>	Menggalakkan projek-projek berimpak tinggi yang membawa impahan ekonomi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelancongan</li> <li>Pendidikan</li> <li>Ekonomi Digital</li> <li>Logistik &amp; Kesalinghubungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>E&amp;E</li> <li>M&amp;E</li> <li>Getah</li> <li>FMCG</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peranti Perubatan</li> <li>Automotif</li> <li>Aeroangkasa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Padi</li> <li>Tanaman Kontan</li> <li>Haiwan Ternakan</li> <li>Perikanan</li> </ul>	
	<b>PERLOMBONGAN MAPAN</b>	<b>EKONOMI HIJAU</b>		<b>PETROKIMIA</b>	
<b>KESAN LIMPAHAN EKONOMI / SOSIAL</b>	<b>Peluang Sosioekonomi</b> Meningkatkan Peluang Ekonomi dan Sosial	<b>Revolusi Industri</b> Teknologi Baharu dan Pemindahan Teknologi	<b>Kerjasama Strategik</b> Kerjasama dengan Pihak Berkepentingan (stakeholder)	<b>Pembangunan SME (Mentor)</b> Meningkatkan Rantaian Nilai Ekonomi	Memastikan kesan limpahan dan manfaat ekonomi (nilai tambah) membantu dalam mencapai hasil utama
	<b>Pembangunan Kemahiran</b> Mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi	<b>R&amp;D&amp;C</b> Idea-idea baharu bagi tujuan R&D dan seterusnya dikomersilkan	<b>Kawasan Utama</b> LDA, Brown field, Green Field & SDZ	<b>Perniagaan Global</b> Peluang Menembusi Antarabangsa	

Bagi memastikan geran DUB@NCER yang disalurkan dapat memberi impak dan kesan limpahan ekonomi maksimum kepada NCER, beberapa siri penambahbaikan program telah dilaksanakan sepanjang tempoh 2019, bukan sahaja dari segi peluang pertumbuhan ekonomi, namun turut menitikberatkan penambahbaikan ekosistem.

Selain daripada menyasarkan hasil pencapaian utama iaitu peluang pekerjaan, peluang keusahawanan, serta peningkatan pendapatan dan pelaburan, DUB@NCER juga melihat secara menyeluruh bagaimana program ini dapat memastikan **kesan limpahan dan manfaat ekonomi dalam aspek nilai tambah** bagi mencapai sasaran hasil utama program tersebut.

Sehubungan itu, DUB@NCER telah menggariskan beberapa potensi kesan limpahan ekonomi dan sosial yang perlu dilaksanakan oleh syarikat-syarikat Bumiputera terbabit bagi manfaat penduduk NCER, antaranya, **peluang sosioekonomi, revolusi industri, kerjasama strategik, pembangunan PKS, pembangunan kemahiran, program Penyelidikan, Pembangunan & Pengkomersialan (Research, Development & Commercialisation), pembangunan kawasan-kawasan utama (promoted areas) dan perniagaan global.**

Dengan fokus yang jelas, program DUB@NCER ini diharap akan dapat membantu syarikat-syarikat PKS Bumiputera untuk terus maju dan berkembang pesat, serta pada dan masa yang sama, dapat membantu meningkatkan ekosistem komuniti di NCER dengan membawa limpahan ekonomi secara langsung dan tidak langsung untuk semua rakyat.



## PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOMUNITI

#### SPECIAL DEVELOPMENT ZONE (SDZ)

Special Development Zone (SDZ) atau Zon Pembangunan Khas merupakan satu pendekatan baharu untuk merapatkan jurang ketaksamaan yang wujud antara rakyat yang hidup di kawasan pedalaman dan bandar dengan menyerlahkan potensi Tanah Rizab Melayu (MRL) dan kawasan-kawasan kurang membangun (LDA). Pendekatan ini adalah selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 pihak Kerajaan yang menekankan pembangunan lestari dan pengagihan kemakmuran yang saksama untuk seluruh rakyat Malaysia.

Empat daerah telah dikenal pasti untuk projek perintis SDZ, iaitu Pengkalan Hulu di Perak, serta Baling, Sik dan Yan di Kedah. SDZ akan memacu ekonomi kawasan luar bandar, yang seterusnya mampu menjana peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan baharu untuk rakyat. Ini sekaligus akan meningkatkan pendapatan mereka di samping mengurangkan masalah migrasi luar warga tempatan ke wilayah-wilayah lain.

Komponen utama SDZ yang telah dicadangkan ialah penyediaan infrastruktur dan kemudahan di lokasi-lokasi yang terpilih. Di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), aktiviti-aktiviti ekonomi di SDZ terbabit dan kawasan berhampiran akan ditentukan berdasarkan potensi kawasan tersebut dan akan dilaksanakan melalui pembangunan komponen-komponen berikut:

1. Kompleks Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
2. Pasar Runcit dan Makanan & Minuman/ Pasar Borong
3. Pusat Pengumpulan dan Pemprosesan
4. Hab Budaya, Rekreasi dan Pelancongan
5. Galeri Promosi dan Jualan
6. E-dagang
7. Ruang Kerja Berkongsi (Co-working Space), Kemudahan Bersama dan Pusat Latihan (empowerNCER, entrepreneurNCER, dan lain-lain)



Pembangunan SDZ akan merancakkan lagi aktiviti ekonomi di kawasan-kawasan terbabit

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Kilang pemprosesan Ayam Bismi Sdn Bhd, salah satu penerima DUB@NCER, yang dilengkapi peralatan moden

### PROSPEK

Pihak NCIA akan menggiatkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi ke NCER dengan membangunkan kluster-kluster ekonomi utama serta memperkukuhkan ekosistem perniagaan di wilayah ini. Langkah-langkah strategik juga akan diambil bagi menangani cabaran-cabaran seperti ketidakpadanan dari segi pendidikan dan kemahiran dalam memenuhi kehendak pasaran, yang telah mengakibatkan masalah pengangguran di kalangan graduan.

Salah satu usaha tersebut ialah inisiatif **Single Campus** yang akan diperkenalkan bagi memperkemas rantaian nilai, saranan nilai, serta insentif dan perancangan kluster dalam sektor pembuatan. Merangkumi kawasan-kawasan perindustrian utama di **Pulau Pinang-Kulim-Ipoh**, hab maya ini akan berperanan sebagai **pusat penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C)** di NCER dan akan menggalakkan pertumbuhan teknologi dan aset R&D tempatan, di samping mengukuhkan kerjasama dan penyelarasan antara agensi-agensi kerajaan dan institut-institut TVET.

Bagi melengkapkan inisiatif “Single Campus” ini, **Pusat Inovasi Teknologi NCER atau NCER Technology Innovation Centre (NTIC)** akan ditubuhkan bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti berkaitan penyelidikan, pembangunan produk dan reka bentuk khusus, dalam usaha meningkatkan rantaian nilai bagi industri-industri di NCER. Untuk mencapai matlamat tersebut, NTIC akan mengambil pendekatan “**Quad Helix**” yang menggabungkan industri, kerajaan, akademik dan komuniti.

Untuk memastikan NTIC akan beroperasi secara mampan dan efektif dari segi kos, ia akan memanfaatkan **Pusat-pusat Kecemerlangan (COE)** yang sedia ada di NCER dengan kerjasama pihak industri dan akademik. Fokus utama COE adalah untuk **mewujudkan kumpulan bakat yang berkemahiran dalam bidang teknologi tinggi** bagi memenuhi kehendak industri sedia ada dan bakal pelabur. Sehubungan itu, **COE IR4.0** akan diwujudkan sebagai sebahagian daripada program pembangunan modal insan NCER.



#### INISIATIF “SINGLE CAMPUS” NCER:

• BAYAN LEPAS • BATU KAWAN • KULIM • SIDAM • TAIPING • IPOH



Inisiatif ini bertujuan memposisikan Pulau Pinang, Kulim (Kedah) dan Ipoh (Perak) sebagai sebuah “kampus” tunggal untuk menggalakkan kolaborasi antara ketiga-tiga negeri, bagi mewujudkan ekosistem yang lebih kondusif untuk pembangunan sektor-sektor utama seperti Pembuatan, Logistik dan Perkhidmatan secara lebih holistik.





**LAPORAN  
KEMAJUAN  
PROJEK DAN  
PROGRAM DI NCER**







# LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER



Sektor automotif merupakan salah satu sektor pembuatan utama di NCER

## PEMBUATAN

Sektor pembuatan di Malaysia memainkan peranan yang penting sebagai salah satu enjin pertumbuhan ekonomi tanahair, yang mana ia telah menarik pelaburan keseluruhan berjumlah RM610.3 bilion dari dalam dan luar negara sejak lebih sedekad yang lalu. Dalam hal ini, kluster pembuatan di NCER merupakan penyumbang penting kepada **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sektor pembuatan negara**, dengan jumlah keseluruhan pelaburan sebanyak **RM80.2 bilion** dalam tempoh 10 tahun berlalu. Kluster ini juga merupakan penyumbang terbesar pelaburan di NCER, di mana ia menyumbang sebanyak 71 peratus daripada jumlah pelaburan di NCER sehingga kini.

Faktor utama di sebalik kemampanan sektor pembuatan di NCER ialah **kewujudan ekosistem sektor elektrik dan elektronik (E&E)** yang mula bertapak di Pulau Pinang sejak tahun 1970-an. Bermula dengan pembukaan **Zon-zon Perindustrian Bebas** di negeri tersebut, pelbagai syarikat multinasional telah mendirikan kilang mereka di kawasan tersebut, yang seterusnya menarik kehadiran industri-industri

lain seperti **diod pemancar cahaya (LED), jentera and peralatan (M&E), aeroangkasa, peranti perubatan dan automotif**.

Dari tahun 2016 hingga 2018, jumlah pelaburan dalam sektor E&E di Malaysia adalah sebanyak RM30.04 bilion, yang mana **44.4%** daripadanya adalah dari NCER. Pulau Pinang, yang merupakan hab E&E di Wilayah ini, menyumbang sebanyak **RM9.93 bilion** daripada jumlah pelaburan tersebut, diikuti oleh Kedah dengan RM1.85 bilion dan Perak RM1.58 bilion.

Kesan industrialisasi yang pesat di Pulau Pinang telah menghasilkan kesan limpahan ekonomi ke tanah besar Semenanjung, termasuklah di bahagian selatan negeri Kedah meliputi Sungai Petani, Jitra dan Gurun. Menyedari akan keperluan untuk sebuah **taman teknologi tinggi yang khusus** di Malaysia bagi memacu aktiviti-aktiviti bernilai tinggi di negara ini, Kerajaan telah membangunkan **Kulim Hi-Tech Park (KHTP)** di Kedah pada 1996, yang merupakan taman teknologi tinggi yang pertama di negara ini.

## LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

Di Perak, pelaburan dalam kluster pembuatan adalah tertumpu di **Kamunting dan Tanjung Malim**, khususnya dalam sektor **automotif** di bawah inisiatif pembangunan dan lokalisasi vendor di **Hab Automotif Tanjung Malim**. Manakala di Perlis pula, usaha pembangunan sedang giat dilaksanakan dengan pembangunan kawasan perindustrian **Chuping Valley Industrial Area (CVIA)** dengan pelabur berpotensi dalam sektor **E&E, Industri Hijau, penjana tenaga boleh diperbaharui dan Industri Halal**.

Antara inisiatif penting dalam sektor pembuatan NCER ialah **Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST)** dan pembangunan **Kulim Hi-Tech Park** yang telah berjaya melonjakkan kedudukan wilayah ini dalam sektor E&E.

### COLLABORATIVE RESEARCH IN ENGINEERING, SCIENCE AND TECHNOLOGY (CREST)

Dilancarkan pada 2012, inisiatif Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) merupakan sebuah **platform kolaborasi bagi R&D** yang dipacu oleh pasaran untuk membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. CREST melibatkan **kolaborasi antara industri, akademik dan Kerajaan**, dan berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara, terutamanya dalam industri **elektrikal dan elektronik (E&E)**. Berpangkalan di **Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang**, CREST kini telah diperluaskan dengan pembukaan ibu pejabat program yang kedua di **Johor**.

Dua program yang dikendalikan oleh NCIA di bawah inisiatif CREST ialah **Program Gallium Nitride on Gallium Nitride (GaN-on-GaN)** dan **Program Pembangunan Bakat MIDI Sentral**.





## LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

### PROGRAM GAN-ON-GAN



Pembangunan teknologi terkini di NCER telah berjaya melonjakkan kedudukannya di kalangan para pelabur dan penggiat industri



Kerjasama erat antaran pihak NCIA, akademia dan industri telah membolehkan lebih banyak teknologi baharu dihasilkan di wilayah ini

Pada tahun 2016, inisiatif CREST telah menggabungkan pemain-pemain industri dan ahli akademik dari Universiti Malaya (UM), USM, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Monash University dan University of California, Santa Barbara (UCSB) untuk menghasilkan **diod pemancar cahaya (LED) biru yang pertama di Malaysia**. Program ini bertujuan membangunkan teknologi-teknologi baharu dalam bidang pembuatan LED, yang mana ia telah mencipta sejarah dalam membolehkan Malaysia mempunyai keupayaan untuk **menghasilkan gallium nitride (GaN) di atas lapisan asas GaN**, yang seterusnya mampu menghasilkan LED yang lebih efisien pada skala komersial.

Pasukan program tersebut juga turut berjaya mendirikan **rantaian bekalan hujung-ke-hujung bagi LED**, yang meliputi proses **epitaksi bahagian depan ke fabrikasi, pembungkusan dan apresiasi sistem** di negara ini.

Program CREST ini telah menghasilkan impak positif dari segi pembangunan teknologi-teknologi baharu dalam bidang LED dan pemindahan masuk teknologi bagi penggunaan teknologi GaN-on-GaN secara lebih meluas.

Pihak NCIA telah menyalurkan dana berjumlah **RM13.92 juta** bagi menjayakan program GaN-on-GaN di NCER pada tahun 2019. Setakat penghujung tahun tersebut, pemindahan teknologi GaN-on-GaN (epitaksi, pencirian, fabrikasi, pembungkusan dan analitik) dari UCSB ke Malaysia telah berjaya disempurnakan. Para penyelidik Malaysia juga telah menjalani latihan di UCSB, manakala universiti tersebut juga turut terlibat secara langsung dalam penubuhan makmal Metal Organic Chemical Vapor Deposition (MOCVD) di USM dan UM. Makmal epitaksi dan fabrikasi juga telah didirikan di UM dan USM, manakala makmal pencirian telah ditubuhkan di USM dan Monash University, serta makmal pembungkusan di UniMAP.



#### PENCAPAIAN PROGRAM GAN-ON-GAN (GOG) SETAKAT DISEMBER 2019



**2** Makmal Cerminan (Mirror Labs) dari UCSB berjaya ditubuhkan di Malaysia



**3** Pelajar PhD Malaysia di UCSB di bawah Program GoG



**11** Penyelidik Pelawat dari Malaysia menyempurnakan Latihan Epitaksi, Fabrikasi, Pencirian, dan Keselamatan di UCSB



**2** Harta Intelek (IP) telah difailkan di peringkat antarabangsa dan 1 IP sedang dalam peringkat draf



Pencahayaan LED dari Malaysia buat julung-julung di fasiliti USM dan UM


## LAPORAN KEMAJUAN PROJEK DAN PROGRAM DI NCER

### MIDI SENTRAL



Program MIDI Sentral bertujuan **mengasah keupayaan R&D** di kalangan pelajar universiti-universiti tempatan untuk memenuhi keperluan industri E&E. Program ini merangkumi **Program Penamatan Pengajian Siswazah (Graduate Finishing School Programme)** yang relevan dengan keperluan industri, **projek dan topik yang berkaitan dengan industri, Program Bimbingan Pakar Domain (Groom The Expert) dan Program The Great Lab (TGL)** untuk golongan muda.

NCIA telah menyalurkan dana berjumlah **RM1 juta** bagi menjayakan program MIDI Sentral pada 2019. Program ini telah berjaya meningkatkan minat dan pengambilan subjek-subjek STEM di kalangan pelajar, dan seterusnya membangunkan bakat tempatan yang mampu memenuhi kehendak industri di wilayah ini.



### PENCAPAIAN PROGRAM MIDI SENTRAL PADA 2019

PROGRAM	KPI	PENCAPAIAN (Setakat 21 November 2019)
Industry Relevant Graduate (IRG) Finishing School Programme	<b>700</b> Siswazah dari <b>8</b> universiti dilatih	<b>1,150</b> Siswazah dari <b>22</b> universiti telah dilatih
Industry Relevant Topics & Projects	<b>15</b> topik berkaitan industri untuk pelajar dari <b>8</b> universiti	<b>32</b> topik syarahan berkaitan industri telah ditawarkan untuk pelajar dari <b>22</b> universiti
Groom The Domain Experts	<b>80</b> pakar domain industri atau akademik (gabungan)	<b>134</b> pakar domain industri atau akademik (gabungan)
The Great Lab (TGL) Youth Programme	<b>300</b> peserta dari <b>25</b> sekolah	<b>548</b> peserta dari <b>91</b> sekolah

# TAMAN-TAMAN PERINDUSTRIAN TEMATIK DI NCER

## CHUPING VALLEY INDUSTRIAL AREA (CVIA) - PERLIS



Pusat Perniagaan Bersepadu (Integrated Business Centre) di Chuping Valley Industrial Area (CVIA)

Kawasan Perindustrian Lembah Chuping atau **Chuping Valley Industrial Area (CVIA)** dengan keluasan hampir **2,468.76 ekar** menumpukan kepada **industri-industri mesra alam seperti pembuatan hijau dan penjaanaan tenaga boleh diperbaharui**. Selaras dengan wawasan negeri Perlis, CVIA juga memfokuskan kepada industri halal bagi mentransformasi negeri tersebut untuk menjadi sebuah negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Objektif penubuhan CVIA ialah untuk menjadikannya sebagai **pemangkin ekonomi negeri Perlis** yang bakal melahirkan **industri-industri teknologi tinggi** dengan pekerja-pekerja mahir dan separa mahir, serta menggalakkan daya saing dan mencetuskan pembangunan yang inklusif.

Terletak berhampiran **pekan sempadan Padang Besar**, yang memainkan peranan penting dalam menarik pengunjung dari **Thailand dan Malaysia**, CVIA dikelilingi oleh kawasan-kawasan yang menawarkan pelbagai aktiviti komersial. Kewujudan industri-industri berhampiran di Kedah dan Pulau Pinang turut memberikan sokongan dari segi rantaian nilai kepada CVIA.

CVIA dijangka akan menyumbang sebanyak **RM2.58 bilion kepada Pendapatan Kasar Negara (PNK)** dan menarik **sejumlah RM4.5 bilion pelaburan swasta** yang akan mencipta **12,674 peluang pekerjaan menjelang 2030**.

Kerja-kerja infrastruktur bagi Fasa 1 CVIA dijangka akan bermula pada bulan Mei 2020.



### PUSAT PERNIAGAAN BERSEPADU (IBC)

Untuk merancakkan lagi pembangunan di CVIA, NCI telah membangunkan sebuah Pusat Perniagaan Bersepadu (IBC) yang bertindak sebagai pemangkin kepada ekonomi setempat dan kawasan sekitar.

Konsep pembangunan yang diterapkan adalah secara "centralised nuclei", di mana IBC bertindak sebagai pusat pertumbuhan bagi pembangunan keseluruhan CVIA.

Secara amnya, IBC merupakan pusat pentadbiran, operasi dan pemasaran bagi memudahkan para pelabur berurusan di CVIA. IBC juga akan menempatkan pejabat transit, kediaman jangka pendek dan kemudahan gunasama.

IBC dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada suku kedua tahun 2020.



## TAMAN-TAMAN PERINDUSTRIAN TEMATIK DI NCER

### KEDAH RUBBER CITY (KRC) - KEDAH

Projek Kedah Rubber City (KRC) merupakan sebuah projek nasional yang disokong oleh Kerajaan Negeri Kedah. Ia melibatkan kerjasama antara NCIA sebagai peneraju dan pelaksana projek dengan Kerajaan Negeri Kedah, serta Lembaga Getah Malaysia sebagai rakan kerjasama teknikal dan MIDA sebagai rakan kerjasama promosi. Projek ini merupakan satu usaha strategik yang disokong oleh Kerajaan Malaysia dan Thailand untuk merangsang pembangunan sosioekonomi di rantau sempadan kedua-dua negara.

Matlamat utama pembangunan KRC adalah untuk membangunkannya KRC menjadi **hab getah global serta peneraju pembangunan industri getah negara**. Ini adalah sejajar dengan kedudukan Malaysia sebagai peneraju bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bagi getah asli di peringkat global, serta kedudukannya sebagai pengeluar sarung tangan dan pengguna lateks getah asli terbesar dunia.

Terletak di Ladang Bukit Ketapang, Mukim Padang Terap Kiri bersebelahan dengan Stesen Penyelidikan Lembaga Getah Malaysia (LGM), bakal memberi tumpuan kepada **aktiviti getah hiliran** dengan memanfaatkan kekayaan bekalan getah mentah di Malaysia dan Thailand. Ia terletak berdekatan dengan pintu masuk antarabangsa Durian Burung (Kedah) dan Ban Prakob (Thailand), yang berada dalam jajaran ekonomi pengeluaran getah asli di kawasan sempadan Malaysia dan Thailand. Ini sekaligus dapat membangunkan ekosistem yang lengkap bagi industri getah negara.

Projek KRC juga merupakan sebahagian dari rangkaian Rubber Cities di **Zon Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)**. Ini akan memberi peluang untuk ketiga-tiga negara mengukuhkan kerjasama dalam industri pembuatan yang berasaskan getah dengan mewujudkan aktiviti pelengkap (*complementary*) antara satu sama lain, di samping membuka peluang pasaran sesama mereka. Kawasan ini juga akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di kawasan setempat.

Tujuh kluster teras berasaskan getah telah dikenalpasti dalam pembangunan KRC iaitu tayar dan produk berkaitan tayar, bahan getah lanjutan, produk getah automotif,



bioteknologi, produk getah kejuruteraan, produk lateks lanjutan, serta perkhidmatan dan sokongan. Projek ini telah diluluskan di bawah RMK-11, dengan peruntukan berjumlah **RM417.57 juta**.

Keluasan keseluruhan KRC adalah 1,244.88 ekar, yang mana **Fasa 1** adalah seluas 504.21 ekar dan dijangka siap pada **2021**. **Fasa 2** pula meliputi kawasan seluas 740.67 ekar dan dijangka siap pada **2025**.


Pada bulan Mei 2019, NCIA telah bekerjasama dengan Centre for IMT-GT Subregional Cooperation (CIMT) bagi mengadakan Perbincangan Kumpulan Fokus (*Focus Group Discussion*) untuk membincangkan perihal kerjasama pembangunan Koridor Getah di peringkat IMT-GT. Perbincangan ini telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Indonesia, Malaysia dan Thailand dengan persefahaman untuk mengukuhkan sektor pembuatan getah.

Kerja-kerja infrastruktur bagi Fasa 1 KRC telah bermula pada 2 Disember 2019 dan dijadualkan siap pada Disember 2021, di mana seramai 100 orang pekerja tempatan telah diambil bekerja di tapak tersebut. Sejumlah **60 ekar** kawasan KRC dijangka akan bersedia untuk menerima para pelabur menjelang September 2020.

KRC dijangka akan menyumbang sebanyak **RM14.7 bilion** kepada KDNK negara dengan jangkaan kemasukan pelaburan sebanyak **RM10 bilion** dan mewujudkan sebanyak **15,000 peluang pekerjaan** dalam tempoh 15 tahun beroperasi.

## TAMAN-TAMAN PERINDUSTRIAN TEMATIK DI NCER

### SIDAM LOGISTICS, AEROSPACE AND MANUFACTURING HUB (SLAM) - KEDAH



Pembuatan bernilai tinggi seperti pemasangan kenderaan elektrik bakal menjadi tumpuan utama di SLAM

SLAM bakal muncul sebagai hab perindustrian yang penting di NCER, dengan tumpuan khusus terhadap **logistik** dan **industri aeroangkasa, perkhidmatan**, dan **pembuatan bernilai tinggi** seperti pengangkutan marin, farmaseutikal, bahan kimia, jentera dan peralatan, elektrik, kenderaan elektrik, komputer, elektronik dan produk optikal.

Projek SLAM bakal melengkapi pembangunan **Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP)**, di mana pembangunan SLAM dan KXP bakal menjadi pemangkin bagi penubuhan **Kedah Aerotropolis** yang bakal menjadi pengubah industri (*game changer*) di NCER. Kedah Aerotropolis dijangka akan melonjakkan KDNK Kedah pada kadar tambahan sebanyak 3% setahun apabila beroperasi kelak.

Setakat Disember 2019, kajian kebolehlaksanaan bagi projek SLAM sedang giat dijalankan.



## TAMAN-TAMAN PERINDUSTRIAN TEMATIK DI NCER

### KEDAH ECO-INNOVATION PARK (KEIP) - KEDAH



Kedah Eco-Innovation Park (KEIP) menurut gambaran artis

Pembangunan Taman Perindustrian Petrokimia yang dikenali sebagai **Kedah Eco-Innovation Park (KEIP)** akan berpandukan prinsip-prinsip inovasi, kelestarian dan sinergi. Ia akan menyumbang kepada sektor-sektor utama NCER dengan cara mewujudkan nilai ekonomi dan memanfaatkan sumber stok suapan dan infrastruktur sedia ada, di samping menjana pekerjaan bernilai tinggi di NCER. Pembangunan KEIP juga akan mengambil kira aspek-aspek berkaitan seperti impak terhadap alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Taman industri petrokimia ini berperanan menyokong matlamat negara dari segi **agenda keselamatan makanan dan kelestarian alam sekitar**. Pada masa yang sama, ia juga akan menyokong objektif ekonomi negeri Kedah dan NCER, serta rantau IMT-GT dan ASEAN.

Terletak di kawasan seluas 738 ekar di Gurun, Kedah, taman perindustrian ini akan memfokuskan kepada **bahan kimia untuk industri pertanian**, antaranya, baja khusus, protein sel tunggal dan bioplastik.

Setakat Disember 2019, kajian kebolehlaksanaan projek ini masih lagi berjalan dan dijangka akan siap menjelang suku kedua tahun 2020.

### PROSPEK

Untuk tahun-tahun mendatang, sektor pembuatan di NCER akan memfokuskan kepada berapa sub-kluster utama iaitu E&E, M&E, Automotif, Aeroangkasa, Peranti Perubatan, Getah dan FMCG. Di bawah Pelan Pembangunan Strategik NCER (2021-2025), sektor pembuatan di wilayah ini disasarkan akan menarik RM99.5 bilion pelaburan terkumpul menjelang tahun 2025, yang dijangka akan mewujudkan 83,739 peluang pekerjaan dan 22,005 usahawan.

Selaras dengan perkembangan di peringkat global dan nasional, sektor pembuatan NCER akan memanfaatkan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) untuk meningkatkan produktiviti. IR 4.0 akan membolehkan produk-produk khusus dihasilkan pada skala besar dan tiba di pasaran dengan lebih pantas, serta membolehkan desentralisasi di peringkat kilang. Melalui aplikasi IR 4.0 seperti Data Raya (*Big Data*), Realiti Terimbuh (*Augmented Reality*), Internet Benda (*Internet of Things*), Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) dan sebagainya, industri-industri dalam sektor pembuatan di NCER dijangka mampu beroperasi dengan lebih cekap, sekaligus membantu meningkatkan margin keuntungan pelabur.

Sektor pembuatan wilayah ini juga dijangka akan dipertingkatkan lagi dengan penaiktarafan logistik dan infrastruktur, seperti peluasan Pelabuhan Pulau Pinang dan pembinaan lebuh raya Northern Corridor Highway yang bakal memastikan rangkaian logistik dan kesalinghubungan yang lebih efisien.



# PERNIAGAAN TANI

## PROJEK-PROJEK PERNIAGAAN TANI BERIMPAK TINGGI DI NCER



## PERNIAGAAN TANI

Perniagaan Tani merupakan salah satu sektor utama di NCER dan merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada ekonomi wilayah ini. Negeri Kedah, misalnya, terkenal sebagai negeri “Jelapang Padi” negara, yang mencerminkan kepentingannya dalam sektor pertanian negara.

Pada tahun 2018, sektor pertanian NCER menyumbang **RM99.47 bilion** atau **19.8%** daripada KDNK pertanian Malaysia. Kluster perniagaan tani NCER mempunyai kelebihan dari segi insentif pelaburan yang ditawarkan, rangkaian infrastruktur dan logistik yang mampan dan cekap, serta kerjasama erat yang sedia wujud antara NCIA dan agensi-agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memudahcara pelaburan.


Kini, sektor perniagaan tani di NCER sedang giat melalui **proses pemodenan** yang memberi penekanan kepada **penggunaan teknologi terkini** dalam aktiviti pertanian, seperti **Pertanian Pintar** atau **Smart Farming**, serta **produk-produk pertanian bernilai tinggi**. Sehubungan itu juga, sektor perniagaan tani telah dikenal pasti sebagai tunjang utama bagi mempertingkatkan rantaian nilai industri pertanian NCER.

Fokus utama sektor Perniagaan Tani di NCER antara lain merangkumi **nutraseutikal, kosmeseutikal, buah-buahan superfruits, perkhidmatan teknologi hijau, industri halal, pertanian mapan, minyak pati**, dan industri makanan. Penubuhan **pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) biji benih** dan juga **akuakultur** turut diberi tumpuan penting bagi sektor ini.

Walaupun industri pertanian telah lama bertapak di NCER, masih terdapat isu-isu dan cabaran seperti tahap produktiviti yang rendah, para petani yang semakin berusia, kekangan sumber kewangan, serta pekerja yang kurang berkemahiran. Bagi menangani isu-isu tersebut, NCIA telah memperkenalkan **Model Syarikat Peneraju** atau **Anchor Company Model** bagi projek-projek perniagaan tani di NCER.

Di bawah model tersebut, Syarikat Peneraju yang dipilih berdasarkan kepakaran dan pencapaian masing-masing akan bertindak sebagai **ladang nukleus** yang menyediakan latihan teknikal kepada ladang-ladang satelit. Pendekatan ini mampu **menambah baik proses pengeluaran** dan menggunakan input strategik untuk meningkatkan aktiviti perladangan dalam rantaian nilai. Ini dapat **menggalakkan pertumbuhan industri** yang berdaya saing dan mapan, **merapatkan jurang dalam rantaian nilai dan melahirkan para petani berpendapatan tinggi**.

### Sub-kluster utama Perniagaan Tani di NCER merangkumi



## PERNIAGAAN TANI



### PADI



Penggunaan dron dalam Pertanian Pintar (Smart Farming)

Pelaksanaan penanaman padi secara moden melalui **Model Pengurusan Estet atau Estate Management Model (EMM)** telah mula diperkenalkan di NCER sejak 2011. Peringkat permulaan melibatkan kawasan seluas 2,000 hektar, dengan penyertaan kira-kira 1,000 petani di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Kejayaan pelaksanaan EMM telah membolehkan model tersebut diperluaskan ke lebih banyak kawasan penanaman padi, supaya lebih ramai golongan petani mendapat manfaat. Setakat 2019, sebanyak **enam kawasan** telah terlibat dalam EMM, iaitu di **Asun, Kerpan dan Kuala Muda Selatan di Kedah, Seberang Perai Utara di Pulau Pinang**, dan yang terbaru, di **Kerian, Perak**, dengan penglibatan **2,492 pesawah** padi secara keseluruhan.

Para petani terbabit kini menikmati **peningkatan 35%** dari segi hasil padi dan pendapatan purata RM2,250 bagi setiap petani untuk setiap musim.

Susulan kejayaan EMM, NCIA akan memperkenalkan **EMM 2.0** yang melibatkan kawasan bersama dengan **Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)** di Kg. Asam Jawa, Pendang, Kedah seluas 64 hektar. Kawasan peluasan turut dicadangkan sebagai EMM 2.0 meliputi kawasan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dan juga Kerian, Perak. Sasaran bagi EMM 2.0 ialah untuk menghasilkan **8 tan metrik hasil padi per hektar**, dengan sasaran penyertaan **3,000 petani**.



### PUSAT R&D BIJI BENIH



R&D biji benih mampu menghasilkan varieti tanaman yang lebih berkualiti

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan biji benih secara komersial adalah amat penting dalam usaha memodenkan aktiviti pertanian di NCER. Melalui penggunaan teknologi pembiakan terkini serta biologi molekul, para penyelidik dapat menghasilkan **biji benih yang lebih berkualiti** dengan jangka hayat yang lebih lama, serta kalis serangan serangga perosak dan pengaruh alam sekitar.

Sebuah syarikat terkemuka yang berpangkalan di Belanda, **Enza Zaden Asia Sdn Bhd**, telah melabur sejumlah **RM49 juta** di NCER untuk mendirikan fasiliti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di **Sauk, Perak**, dan juga ibu pejabat wilayah dan hab logistiknya di **Taman Sains Pulau Pinang (Penang Science Park)**.

Kehadiran Enza Zaden di wilayah ini juga berupaya menghasilkan impak yang besar dalam industri pertanian Malaysia, di mana kepakaran syarikat tersebut dalam penghasilan lebih 30 spesies sayur-sayuran dan lebih 1,000 varieti tanaman membolehkan kepakaran tersebut dipindahkan kepada para peladang dan usahawan tani tempatan.

Pada tahun 2019, NCER berjaya menarik satu lagi pelaburan oleh sebuah syarikat pengeluar biji benih, iaitu Green World Genetics Sdn Bhd, yang merupakan syarikat pengeluar biji benih yang pertama di Malaysia. Pelaburan bernilai RM15 juta tersebut dijangka akan menjana 200 peluang pekerjaan untuk rakyat. Kerja-kerja pembinaan untuk projek ini telah bermula pada suku keempat tahun 2019 dan bakal siap menjelang suku keempat tahun 2020.



## PERNIAGAAN TANI



### SUPERFRUITS



Penanaman "Superfruits" menawarkan potensi yang besar kepada kluster Perniagaan Tani di NCER

Superfruits merupakan buah-buahan yang mengandungi nutrien dan tahap anti-oksidan yang tinggi, serta biasanya dijual pada harga premium di pasaran. Penanaman superfruits secara komersial di NCER akan diperluaskan susulan kejayaan **Superfruits Valley** di Chuping, Perlis yang memfokuskan kepada **buah ara (fig), lemon dan gac**.

Projek Superfruits Valley telah menghasilkan lebih 30 tan metrik buah-buahan segar sejak penubuhannya pada 2017, serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan latihan sambil bekerja untuk rakyat dan pelajar institusi tempatan. Setakat 2019, projek ini juga telah menjana **21 jenis produk hiliran** yang dipasarkan melalui peniaga dan platform atas talian.

Inisiatif ini akan diperluaskan lagi di negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak melalui model perniagaan **Syarikat Peneraju (Anchor Company)**, yang akan melahirkan lebih ramai **peladang satelit** di NCER.



### AKUAKULTUR



Aktiviti akuakultur di NCER memainkan peranan penting dalam penghasilan makanan negara

Aktiviti akuakultur di NCER akan menumpukan kepada penternakan **tiram, abalone dan udang**, serta **penternakan ikan dalam sangkar**. Ini akan dilaksanakan melalui perladangan kontrak dan perladangan satelit bagi memastikan pengeluaran akuakultur yang mampan dan produktiviti pesisiran pantai yang lebih tinggi.

Pembangunan akuakultur di NCER akan membantu meningkatkan pengeluaran makanan secara lestari, yang seterusnya akan mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada makanan import. Ia juga dapat meningkatkan kedudukan industri Halal dalam rantaian nilai sektor pertanian.


Setakat penghujung 2019, projek penternakan benih abalone di NCER telah menghasilkan 2.2 juta benih abalone dan mewujudkan 24 peluang pekerjaan untuk rakyat.

## PERNIAGAAN TANI

### STATUS PROJEK-PROJEK PERNIAGAAN TANI NCER PADA 2019

#### ESTATE MANAGEMENT MODEL (EMM)

##### EMM 1.0




##### Hasil:

- 1 EMM Asun, Kedah
- 2 EMM Kerpan, Kedah
- 3 EMM Kuala Muda Selatan, Kedah
- 4 EMM Seberang Perai Utara, Penang
- 5 EMM Kerian, Perak (baharu)

##### EMM 2.0

- Cadangan EMM 2.0 secara bersama dengan Kementerian Pertanian (MADA) di Kg. Asam Jawa, Pendang (64 ha)
- Cadangan tapak untuk peluasan di Kerian, Perak dan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

##### Sasaran:



#### SUPERFRUITS

##### Superfruits Valley @ Chuping

- 1 **20** Hektar
- 2 **32,467 kg**  
Pengeluaran\*  
(\*setakat Jun 2019)
- 3 **14**  
Pelatih (Graduan Baharu)



**Peluasan Masa Hadapan:** Ladang-ladang Satelit di Perlis, Kedah, Perak & Pulau Pinang

## PERNIAGAAN TANI

### HAB BENIH HEMP UNTUK PRODUK-PRODUK INDUSTRI



Rumah Hijau



Jalan utama



Laluan masuk ke tapak



Pusat Pertanian Baharu Bersepadu Bukit Tangga menurut gambaran artis

- ✓ **Pusat Pertanian Baharu Bersepadu Bukit Tangga** telah dikenal pasti sebagai lokasi yang sesuai untuk projek tersebut, dengan infrastruktur tersedia: jalan ladang, jalan tertier, saluran dan bangunan boleh guna.
- ✓ Penyediaan **50 ekar untuk plot percubaan** disasarkan menjelang **Ogos 2020**.

### PROSPEK

NCER berhasrat menarik lebih banyak **pelaburan bernilai tinggi** dalam sektor pertanian, terutamanya projek-projek yang menyokong **Dasar Makanan Negara**, serta pelaburan dalam **sektor hiliran**, terutamanya di kalangan pemain industri **Halal**. Penekanan akan diberikan kepada pelaburan yang mengamalkan **IR4.0** dan **pemindahan teknologi**, terutamanya dalam **penghasilan biji benih** dan aktiviti-aktiviti berkaitan.

Antara cabaran yang dihadapi oleh sektor perniagaan tani dan bio industri di NCER ialah kekurangan zon-zon pertanian dan akuakultur yang khusus, kapasiti R&D yang terhad, penggunaan teknologi yang masih lagi kurang meluas akibat kos yang tinggi, golongan petani yang semakin berusia, pekerja yang kurang berkemahiran, serta kekangan dari segi pemasaran yang masih bergantung kepada orang tengah. Sehubungan itu, inisiatif akan diambil untuk membangunkan **zon pembangunan pertanian yang khusus** di setiap negeri NCER, termasuklah zon untuk akuakultur. Setiap negeri juga

perlu mengenal pasti sebuah **Pusat Sehati** untuk mengkaji, menasihati dan meluluskan serta memantau projek-projek berkaitan pertanian.

Usaha juga akan diambil untuk **melatih pekerja berkemahiran** dalam sektor pertanian, termasuklah melalui kerjasama dengan institusi-institusi penyelidikan tersohor. Insentif-insentif khas juga akan ditawarkan kepada para peladang, nelayan dan usahawan agro yang mengamalkan **pertanian pintar**, di samping menyediakan **saluran pemasaran secara langsung** antara peladang dan pengguna tanpa perlu menggunakan orang tengah.

Pengenalan penanaman hemp secara komersial di NCER dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan tani di wilayah ini. Adalah dijangkakan bahawa NCER akan menjadi **perintis kepada pengeluaran kanabis secara komersial** bagi penggunaan industri di ASEAN, yang mana ia akan menjadi **hab bagi pemilihan dan penghasilan, serta R&D bagi biji benih hemp tropika**.



# PERKHIDMATAN



Terminal Kontena dan Stesen Keretapi Padang Besar memainkan peranan penting dalam aktiviti perdagangan rentas sempadan di bahagian utara tanahair

Sektor **Perkhidmatan** di NCER terdiri daripada beberapa sub-kluster yang merangkumi **Pelancongan, Logistik dan Kesalinghubungan, serta Ekonomi Digital**. Setiap sub-kluster ini memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi wilayah, dengan memanfaatkan warisan alam semula jadi dan sejarah di negeri-negeri NCER, rangkaian infrastruktur dan logistik yang mampan dan cekap, serta ekosistem mesra pelaburan yang sedia wujud di wilayah ini.

# PELANCONGAN



Pulau Langkawi merupakan salah satu tarikan pelancongan utama di NCER

NCER dikurniakan dengan kekayaan aset-aset pelancongan semulajadi seperti hutan hujan tropika yang tertua di dunia, pulau-pulau yang indah, serta warisan sejarah, arkeologi dan budaya yang menjadikannya sebuah destinasi pelancongan yang unggul. Statistik daripada Tourism Malaysia menunjukkan bahawa pada tahun 2018, seramai **13.99 juta** pelancong telah menginap di hotel-hotel di keempat-empat negeri NCER, iaitu peningkatan sebanyak 5.24% berbanding 13.29 juta pelancong pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah pelancong pada 2018 tersebut, seramai 4.9 juta adalah pelancong asing (kenaikan sebanyak 6.78%) dan 9.09 juta adalah pelancong tempatan (kenaikan sebanyak 4.44%). Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak telah menunjukkan peningkatan positif dari segi bilangan pelancong asing dan juga tempatan pada tahun 2018.

Dari segi pelaburan pula, NCER telah berjaya menarik sebanyak RM1.1 bilion pelaburan dalam sektor Pelancongan pada tahun 2019 yang akan menjana sebanyak 1,735 peluang pekerjaan baharu untuk rakyat. Pelaburan-pelaburan baharu ini termasuk pembangunan 7 buah hotel, perluasan bangunan baharu oleh sebuah hospital swasta dan 2 buah taman tema.

Wilayah ini memiliki beberapa tapak Warisan Dunia UNESCO, antaranya **George Town** yang merupakan salah satu daripada **Bandaraya Bersejarah Selat Melaka UNESCO**, **Tapak Warisan Arkeologi Dunia di Lembah Lenggong**, serta **UNESCO Global Geopark di Langkawi**.

NCER juga menawarkan pulau-pulau peranginan terkenal seperti **Pulau Pinang** yang terkenal dengan warisan sejarah dan hidangan tempatnya yang unik, **Pulau Langkawi** yang menjadi tumpuan kerana keindahan pantainya, dan **Pulau Pangkor**, yang terkenal dengan kehijauan lautnya dan kini telah menjadi sebuah pulau bebas cukai.


**Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor (BTTR)** di Perak dianggarkan berusia 130 juta tahun dan turut terkenal dengan keindahan alam semulajadinya. NCER juga turut menawarkan tarikan pelancongan arkeologi yang unik iaitu **Sungai Batu di Lembah Bujang, Kedah** yang merupakan tapak peradaban manusia yang tertua di Asia Tenggara, serta **Lembah Lenggong di Perak** dan **Guar Kepah di Pulau Pinang**.

Bersandarkan kepelbagaian yang dimiliki oleh wilayah ini, NCER kini bersedia untuk menjadi destinasi pelancongan utama dunia. Sehubungan itu, kluster pelancongan di NCER akan terus dibangunkan melalui inisiatif-inisiatif seperti penaiktarafan tarikan-tarikan pelancongan dan fasiliti sokongan. **Ekopelancongan** akan menjadi fokus utama di wilayah ini, di samping sub-kluster yang lain seperti **geopelancongan**, **arkeo-pelancongan**, **pelancongan warisan dan pelancongan khusus** yang merangkumi **pelancongan kesihatan, MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran)**, **pelancongan agro dan pelancongan Halal**.



## PELANCONGAN

**STRATEGI DASAR IALAH UNTUK MEMBANGUNKAN SETIAP TAPAK EKOPELANCONGAN DI NCER BAGI MENCIPTA JENAMA INDIVIDU DENGAN POSISI YANG UNIK**





## PELANCONGAN

### EKOPELANCONGAN

Bagi merencanakan pertumbuhan ekopelancongan di NCER, lokasi-lokasi pelancongan terbabit akan dipromosikan dengan **penjenamaan yang unik dan tersendiri** untuk menarik kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara. Tarikan-tarikan tersebut akan memanfaatkan kekayaan **aset-aset semula jadi** yang sedia ada seperti **hidupan marin, pemuliharaan hidupan liar**, dan juga keindahan **flora dan fauna**.

Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti bagi ekopelancongan termasuklah **Hutan Hujan Tropika Belum-Temengor (BTTR) dan Pelancongan Eko Kuala Gula di Perak, Hutan Simpan Pedu-Ulu Muda di Kedah, dan Hutan Paya Bakau Nibong Tebal di Pulau Pinang**.

NCIA telah terlibat dengan pembangunan BTTR sejak tahun 2010 melalui Pelan Induk Bersepadu BTTR. NCIA juga telah menyiapkan kerja-kerja menaiktaraf tiga khemah induk di BTTR, yang terletak di Sungai Kejar, Sungai Papan dan Sungai Tiang bagi membolehkan para pengunjung menikmati pengalaman menginap di taman negeri tersebut. NCIA juga telah menaiktaraf Jeti Awam Pangkalan Aman di Pulau Banding Grik, serta menyiapkan sebuah pusat interpretasi yang mengandungi panel-panel informasi dan peta hutan hujan tersebut.

Satu produk ekopelancongan baharu yang telah dikenal pasti di NCER ialah "**Jewel of Perak**" di Wilayah Perak Selatan, yang menempatkan pelbagai aset semulajadi seperti air terjun, hutan rekreasi, kolam air panas, sungai dan kawasan pergunungan. Jewel of Perak dijangka akan merencanakan industri pelancongan di negeri Perak dan akan menggalakkan penyertaan masyarakat tempatan, termasuklah komuniti Orang Asli. Jewel of Perak akan diuruskan secara bersama oleh Jabatan Perhutanan dan lain-lain pemegang kepentingan seperti NGO, pihak swasta, perusahaan sosial dan komuniti tempatan.



Pembangunan ekopelancongan di NCER akan menekankan aspek kelestarian alam sekitar

### GEOPELANCONGAN

Taman Geo atau Geopark di NCER, yang merangkumi **Langkawi UNESCO Global Geopark, Geopark Kebangsaan Jerai, Geopark Lembah Kinta dan Gua Kelam** akan dihubungkan di bawah **Rantaian Geopelancongan** yang menawarkan pengalaman yang holistik dan unik kepada para pengunjung.

Pada tahun 2007, Langkawi telah diiktiraf sebagai sebuah Geopark Global oleh UNESCO, lantas menjadikannya **geopark global yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara** dan salah satu daripada 147 Geopark Global UNESCO di seluruh dunia. Langkawi UNESCO Global Geopark terdiri daripada Taman Hutan Geo Machinchang Cambrian, Taman Hutan Geo Kilim Karst, Taman Hutan Geo Marmar Dayang Bunting, dan Jejak Bio-Geo Kubang Badak.

Geopark Kebangsaan Jerai yang meliputi kawasan seluas 800 km persegi, terletak di kawasan geodiversiti batuan tinggi di Formasi Jerai, Formasi Mahang dan Jerai Granite. Merentasi daerah Yan dan Kuala Muda, ia telah diumumkan sebagai sebuah Geopark Kebangsaan pada tahun 2018. Formasi Jerai dipercayai berusia 550 juta tahun, dengan paras tertinggi 1,217 meter dari paras laut. Keunikannya membolehkan para pengunjung menikmati pengalaman dan keindahan dari segi geologi, arkeologi dan biologi di hanya satu lokasi.



Keindahan Gua Tempurung di Perak berjaya menarik kedatangan pencinta alam semulajadi

## PELANCONGAN

### ARKEO-PELANCONGAN

Dengan kekayaan sejarah tapak-tapak arkeologi seperti **Lembah Lenggong, Lembah Bujang dan Guar Kepah**, produk-produk arkeo-pelancongan di NCER akan dihubungkan di bawah Rangkaian Arkeo-Pelancongan untuk memberikan informasi dan pengalaman secara holistik kepada para pelancong tempatan dan antarabangsa. Untuk masa hadapan, NCER bercadang untuk **menambahbaik kemudahan** di lokasi-lokasi arkeo-pelancongan tersebut sebagai sebahagian daripada usaha untuk menarik lebih ramai pengunjung dan memberikan lebih kemudahan kepada mereka, yang seterusnya akan menjana **lebih banyak aktiviti ekonomi untuk rakyat** di kawasan-kawasan terbabit.



Salah satu tapak tinggalan sejarah di Kompleks Arkeologi Lembah Bujang, Kedah

Lembah Lenggong di Perak, yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia sejak 2012, menempatkan rangkaian gua dan tapak-tapak arkeologi terbuka yang dapat dikesan sehingga Zaman Palaeolitik, malah hingga ke Zaman Neolitik dan Zaman Gangsa. Di lembah inilah terletak tempat bersemadi "**Perak Man**", yang merupakan rangka manusia paling sempurna yang tertua di Asia Tenggara. Lembah Lenggong berjaya menarik kira-kira **30,000 pelancong** dari dalam dan luar negara pada 2019, dan ia menawarkan produk-produk pelancongan yang mampu merangsang pertumbuhan sosioekonomi kawasan-kawasan berhampiran dan menjadi punca pendapatan utama bagi negeri Perak.

**Sungai Batu di Lembah Bujang, Kedah** dipercayai merupakan **lokasi peradaban yang terawal dan tertua di**

**Asia Tenggara**, dengan aktiviti-aktiviti melebur besi yang dapat dikesan hingga kurun ke-8 sebelum Masihi. Sehingga kini, sebanyak 54 daripada 97 tapak di kompleks arkeologi Lembah Bujang telah pun diterokai.

Terletak tidak jauh daripada Lembah Bujang ialah **Guar Kepah**, yang dipercayai merupakan **tapak arkeologi yang tertua di Pulau Pinang**, dan merupakan satu-satunya lokasi yang mempunyai bukti kukuh **tinggalan longgokan cangkerang** di Malaysia. Guar Kepah akan dibangunkan dan dilindungi sebagai sebuah lokasi arkeo-pelancongan baharu berdasarkan nilai arkeologinya yang tinggi. Tarikan utama tapak arkeologi ini ialah rangkai "**Penang Woman**" yang dipercayai berusia 5,710 tahun.



## PELANCONGAN

### PELANCONGAN WARISAN

Tumpuan akan diberikan kepada tarikan-tarikan pelancongan yang mempunyai nilai sejarah dan warisan yang tinggi bagi menarik lebih ramai pelancong ke wilayah ini. Sehubungan itu, Rangkaian Pelancongan Warisan di NCER telah pun dikenal pasti, yang meliputi kawasan-kawasan berikut:

- **Pulau Pinang:** George Town (Bandaraya Warisan Dunia UNESCO)
- **Perlis:** Kuala Perlis dan Kangar
- **Perak:** Taiping, Ipoh, Kuala Kangsar dan Batu Gajah
- **Kedah:** Alor Setar dan Kota Kuala Muda

Bagi **Pelancongan Warisan Ipoh**, NCIA merancang untuk memasang sistem bunyi dan pencahayaan di **Ipoh Padang** untuk tujuan persembahan projeksi cahaya. Persembahan tersebut akan mengetengahkan sejarah, budaya dan destinasi terkenal bandaraya tersebut, serta karya-karya kartunis terkenal Perak, Dato' Lat. NCIA juga merancang untuk menaik taraf bangunan Dewan Bandaran Ipoh untuk

menjadi sebuah Pusat Persembahan Kesenian, manakala Bangunan Pejabat Pos lama akan dinaiktaraf menjadi Pusat Kesenian dan Digital.

Pakej berikutnya bagi pembangunan Pelancongan Warisan Ipoh akan melibatkan penaiktarafan **Kinta Riverfront**, yang meliputi kerja-kerja penaiktarafan kios, jambatan dan pencahayaan, serta pembinaan sebuah sesiaran (*promenade*) dan gerbang masuk baharu.

Setakat ini, Pakej 1 Pelancongan Warisan Ipoh yang merangkumi komponen Ipoh Padang dan Pakej 2 yang meliputi Kinta Riverfront kini sedang dalam peringkat reka bentuk terperinci. Kontraktor untuk projek ini dijangka akan dilantik pada Julai 2020. Sementara itu, Pakej 3 projek tersebut yang meliputi Dewan Bandaran Ipoh dan Pejabat Pos Lama kini sedang dalam peringkat reka bentuk skematik, di mana kontraktor dijangka akan dilantik pada September 2020.



Bangunan Dewan Bandaran Ipoh (Ipoh Town Hall) akan dinaiktaraf di bawah inisiatif Pelancongan Warisan NCER



Ipoh Padang merupakan satu lagi tarikan Pelancongan Warisan di negeri Perak

### PELANCONGAN KHUSUS


Pelancongan khusus merangkumi pelancongan **kesihatan**, **MICE (Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran)**, **pelancongan agro dan pelancongan Halal**. Malaysia sememangnya telah diiktiraf sebagai salah satu destinasi pelancongan kesihatan terulung dunia dan NCIA telah mengenal pasti Pulau Pinang sebagai hab pelancongan kesihatan Malaysia. Bagi menggalakkan aktiviti pelancongan kesihatan di NCER, NCIA telah memperkenalkan **Program Insentif Penerbangan** untuk meningkatkan kedatangan pesakit dari luar negara, di samping menyediakan latihan untuk kakitangan perubatan.



## PELANCONGAN


### STATUS INDUSTRI PELANCONGAN DI NCER MENGIKUT NEGERI

#### KEDAH



Sumber: MDTAC, DOSM, TM & LADA


#### PULAU PINANG



Sumber: MDTAC, DOSM, TM & LADA

## PELANCONGAN

### PERAK



Sumber: MDTAC, DOSM & TM

## PELANCONGAN

### PROSPEK

NCIA akan memanfaatkan tarikan-tarikan semulajadi, budaya dan sejarah di NCER untuk membangunkan produk-produk pelancongan secara lestari yang mampu menjana peluang-peluang ekonomi baharu untuk rakyat. Sehubungan itu, produk-produk di negeri-negeri NCER akan dihubungkan melalui **strategi merentasi sempadan** untuk menawarkan pengalaman yang lebih bermakna, komprehensif dan bersepadu untuk para pengunjung.

NCIA juga akan **memanfaatkan platform IMT-GT** secara optimum untuk mempromosikan destinasi-destinasi pelancongannya, serta menggunakan kelebihan yang dimiliki oleh Pulau Pinang dan Langkawi untuk menarik para pelancong ke lokasi-lokasi pelancongan lain di wilayah ini. Ini akan memerlukan pewujudan lebih banyak pilihan penawaran dari segi produk-produk pelancongan dan juga ketersediaan maklumat mengenai destinasi-destinasi terbabit.

Selaras dengan **penerapan IR4.0** di kluster-kluster ekonomi utama NCER, penggunaan realiti terimbuh (*augmented reality*) dan realiti maya (*virtual reality*) dalam sektor pelancongan juga akan dilaksanakan demi memperkayakan pengalaman para pelancong.

Untuk tahun 2020, NCER menyasarkan untuk menarik **3.2 juta pelancong** dari dalam dan luar negeri. Laluan-laluan utama yang telah dikenal pasti untuk kemasukan para pelancong tersebut ialah **Kuala Perlis** melalui feri, **Padang Besar** melalui keretapi dan **Wang Kelian**.

Beberapa jejak pelancongan (*tourism trails*) berpotensi juga telah dikenal pasti bagi pelancongan rentas sempadan Thailand-Malaysia, yang merentasi Koh Lipe, Krabi dan Phuket di negara jiran tersebut serta Perlis dan Langkawi, Kedah di Malaysia. Rangkaian geo berpotensi juga telah dikenal pasti di antara Geopark UNESCO Satun di Thailand dan Geopark UNESCO Langkawi di Kedah serta Gua Kelam di Perlis, Malaysia. Jejak pelancongan warisan berpotensi juga telah dikenal pasti di antara Satun dan Sadao di Thailand dengan negeri Perlis.

### PURATA KADAR PENGINAPAN PELANCONG DI MALAYSIA (JAN. - DIS. 2018/2019)

MENGIKUT LOKALITI	DOMESTIK		% PERUBAHAN	LUAR NEGARA		% PERUBAHAN	JUMLAH		% PERUBAHAN
	2018	2019	18/19	2018	2019	18/19	2018	2019	28/19
<b>Kuala Lumpur</b>	8,020,019	7,397,154	(7.77)	11,602,079	10,931,619	(5.78)	19,622,098	18,328,773	(6.59)
<b>Putrajaya</b>	350,112	306,920	(12.34)	188,740	178,498	(5.43)	538,852	485,418	(9.92)
<b>Selangor</b>	3,631,221	3,548,963	(2.27)	1,988,361	1,866,153	(6.62)	5,629,583	5,415,116	(3.82)
<b>Pulau Pinang</b>	3,639,990	3,514,246	(2.71)	3,016,491	2,848,750	(5.56)	6,656,481	6,389,995	(4.00)
<b>Perak</b>	2,613,616	2,623,351	0.37	291,253	293,256	00.69	2,904,869	2,916,607	0.40
<b>Kedah</b>	2,661,145	2,663,052	0.07	1,589,344	1,583,215	(0.39)	4,250,490	4,246,267	(0.10)
<b>Perlis</b>	177,376	179,724	1.32	5,910	5,700	(3.54)	183,286	185,424	1.17




# LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

Di samping lokasinya yang berada di laluan strategik perdagangan maritim utama di dunia, NCER juga memiliki kelebihan dari segi **rangkaian logistik yang mampan dan infrastruktur pengangkutan yang cekap**. Setakat 2018, NCER telah mengendalikan lebih 45% daripada eksport sektor pembuatan Malaysia, manakala Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pula mengendalikan hampir dua kali ganda daripada nilai barangan yang diuruskan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Wilayah ini juga menempatkan lapangan terbang yang kedua tersibuk di tanahair, serta salah satu pelabuhan laut yang tersibuk di dunia. Di samping itu, Bukit Kayu Hitam dan Padang Besar merupakan pintu masuk utama bagi lebih 67% atau kira-kira 250,000 TEU kargo dari

Selatan Thailand, yang mana kebanyakannya dieksport melalui Pelabuhan Pulau Pinang. Berdasarkan maklumat daripada pihak Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), jumlah perdagangan antara Malaysia dan Thailand pada tahun 2019 adalah berjumlah USD24.14 bilion (RM99.98 bilion).

Antara inisiatif dan projek pemangkin dalam sektor ini yang telah dilaksanakan pada 2019 ialah Projek Menaiktaraf Fasilitasi Berkaitan Terminal Kargo Keretapi Padang Besar, penyediaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (Penang Transport Master Plan), dan projek pembangunan Penang Sentral bagi meningkatkan lagi sistem logistik dan kesalinghubungan di NCER.



NCER memiliki rangkaian kesalinghubungan yang baik dan cekap, yang turut meliputi laluan rel

## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

Berikut merupakan peningkatan yang telah dijalankan pada 2019 untuk menambah baik Logistik dan Kesalinghubungan di NCER:

### INISIATIF PENINGKATAN LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN DI NCER PADA 2018 & 2019





## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

### PENGANGKUTAN DARAT

NCER mempunyai kelebihan dari segi kesalinghubungan pengangkutan darat yang cekap dan meluas, yang merangkumi rangkaian lebuh raya dan jalan raya, rel, dan hab-hab logistik. Untuk meningkatkan lagi kecekapan sistem pengangkutan darat di wilayah ini, pelbagai projek strategik telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh pihak NCIA.

#### PROJEK MENAIKTARAF FASILITASI BERKAITAN TERMINAL KARGO KERETAPI PADANG BESAR



Penaiktarafan Terminal Keretapi Padang Besar akan mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai pintu masuk utama bagi perdagangan antara Malaysia-Thailand

Penaiktarafan Terminal Keretapi Padang Besar melibatkan pembangunan sebuah bangunan pejabat serta kerja-kerja menaik taraf laman kontena dan landasan keretapi untuk memudahkan pergerakan kargo dan berperanan sebagai gerbang masuk kontena. Objektif projek ini ialah untuk mempercepatkan masa tindak balas (*turnaround time*) dan kos dengan cara mengurangkan *bottleneck* dan kesesakan sewaktu pelepasan perdagangan (*trade clearance*). Apabila siap kelak, terminal kargo ini mampu mengendalikan isipadu kargo sebanyak 150,000 TEU daripada 110,000 TEU sebelum ini.

Projek ini mempunyai beberapa impak yang besar terhadap wilayah ini: Pertama, ia akan meningkatkan infrastruktur dan fasilitasi perdagangan di negeri Perlis, serta melahirkan kawasan-kawasan pertumbuhan baharu untuk logistik. Padang Besar juga akan menjadi gerbang ke Malaysia bagi sambungan pelabuhan-rel daripada Thailand dan Indochina. Di samping itu, ia akan muncul sebagai Pusat Konsolidasi Muatan Rel Serantau, serta pusat logistik bagi sektor perniagaan tani dan pembuatan.



## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

### PEMBANGUNAN PENANG SENTRAL


Projek Penang Sentral telah dibangunkan oleh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) berdasarkan kejayaan pembangunan Kuala Lumpur Sentral. Penang Sentral telah mula beroperasi pada 22 November 2018 yang berfungsi sebagai **hab pengangkutan bersepadu** di Butterworth. Penang Sentral menghubungkan rangkaian bas, teksi, feri dan keretapi di dalam sebuah bangunan transit, yang turut dilengkapi dengan kompleks membeli-belah, hotel, bangunan pejabat dan apartmen perkhidmatan. NCIA memainkan peranan penting dalam projek ini dengan memudahcara isu berkaitan tanah yang dihadapi oleh pihak pemaju.



Pembangunan Penang Sentral di Butterworth, Pulau Pinang

Projek tersebut telah meningkatkan kapasiti pengendalian penumpang di hab pengangkutan tersebut kepada **65 juta penumpang setahun** daripada 4 juta penumpang setahun sebelum ini. Projek ini mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak **RM2.6 bilion**, dan dijangka akan terus berkembang menjadi sebuah daerah pusat perniagaan yang akan menyumbang kepada peningkatan infrastruktur sosioekonomi dan sistem pengangkutan di wilayah ini.

### PERLIS INLAND PORT (PIP)




**Projek Perlis Inland Port (PIP) atau Pelabuhan Darat Perlis** bertujuan menjadi pemangkin bagi pembangunan logistik di negeri tersebut dan untuk memudahkan perdagangan rentas sempadan antara Malaysia dan Thailand, yang akan mentransformasi Perlis menjadi sebuah bandar-negeri sempadan antarabangsa dan hab logistik, sekaligus menjana pertumbuhan sosioekonomi dan kesan limpahan untuk rakyat tempatan. Ia melibatkan pembangunan fasiliti pelabuhan darat dengan kapasiti tahunan **2 juta TEU**, serta pembangunan fasiliti komersial dan logistik di kawasan seluas 375 ekar bagi memenuhi keperluan pasaran eksport. PIP akan bertindak sebagai gerbang baharu untuk perdagangan, khususnya bagi laluan kontena yang merentasi Padang Besar di Perlis.

Projek ini akan dijalankan melalui kerjasama **sektor awam-swasta**, di mana Kerajaan Persekutuan melalui NCIA akan membangunkan infrastruktur luaran, manakala pihak swasta akan membangunkan pelabuhan darat tersebut berserta komponen-komponen lain. PIP dijangka akan mewujudkan **4,000 peluang pekerjaan baharu** dan menjana **PNK sebanyak RM1 bilion** menjelang 2025.

## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

### BUKIT KAYU HITAM SPECIAL BORDER ECONOMIC ZONE (SBEZ)

Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone (SBEZ) atau Zon Ekonomi Khas Sempadan Bukit Kayu Hitam merupakan sebuah pembangunan baharu yang meliputi kawasan seluas **11,000 ekar** berhampiran sempadan Kedah dan Sadao, Thailand. Bukit Kayu Hitam merupakan satu-satunya bandar sempadan di Malaysia yang terletak dalam Rangkaian Lebuhraya Asia (*Asian Highway Network*) yang menghubungkan Singapura dan Thailand melalui Lebuhraya Asia 2 (AH2). Zon ekonomi khas ini terdiri daripada dua pembangunan utama, iaitu **Kedah Science & Technology Park (KSTP)** dan **Zon Ekonomi Khas Sempadan Kota Perdana (KPSBEZ)**. Pembangunan Bukit Kayu Hitam SBEZ bakal menjadi pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi di wilayah utara.



Komponen pembangunan Zon Ekonomi Khas Sempadan Bukit Kayu Hitam

KSTP akan memfokuskan kepada dua komponen, iaitu **Global Research Centre** dan **Taman Perindustrian Moden** sebagai pemacu ekonomi negeri Kedah melalui penyelidikan dan pembangunan guna. Pembangunan in dijangka akan mewujudkan **23,242 pekerjaan baharu** untuk rakyat dan menyumbang kira-kira **RM72.7 bilion** kepada KDNK Malaysia.

KPSBEZ pula akan dibangunkan untuk menjadi sebuah hab perkhidmatan logistik bersepadu yang paling selamat, efisien dan

lestari di wilayah ini, dengan fokus kepada sektor perkhidmatan dan logistik, serta pembuatan. Sehubungan itu, pembangunan KPSBEZ akan menumpukan kepada rantai logistik, kluster-kluster dan mod pengangkutan yang mampan dan cekap.

Pembangunan SBEZ ini akan melibatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah dan Northern Gateway Sdn Bhd. Fasa 1 projek ini dijangka akan memulakan operasi pada suku tahun pertama 2021.


## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

### NORTHERN CORRIDOR HIGHWAY

Northern Corridor Highway (NCH) atau Lebuhraya Koridor Utara merupakan salah satu daripada projek mega yang telah diumumkan oleh Menteri Hal-Ehwal Ekonomi sewaktu lawatannya ke Kedah pada 19 Mac 2019.

Fasa 1 pembangunan NCH akan memenuhi keperluan kawasan-kawasan pembangunan utama seperti Sungai Petani, Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP), Desa Aman, KHTP dan Batu Kawan. Fasa 2 NCH pula akan menghubungkan Serdang di Kedah ke Changkat Jering di Perak. Apabila siap kelak, ia akan mewujudkan kesalinghubungan yang berterusan dengan Lebuhraya Pantai Barat (WCE) dan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS). Projek ini bukan sahaja akan mengurangkan kesesakan di Lebuhraya PLUS, tetapi akan juga menjadi pemangkin kepada pembangunan di kawasan-kawasan yang kurang membangun, terutamanya di pedalaman Kedah dan Perak.

Projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2020. Setakat ini, beberapa sesi libat urus bersama pihak berkepentingan seperti Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Hal-Ehwal Ekonomi (MEA), Kementerian Pengangkutan (MOT), Kementerian Kerja Raya (KKR), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang dan PLANMalaysia telah diadakan untuk membincangkan mengenai pelan pelaksanaan NCH.





## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

### PENGANGKUTAN LAUT

Pada ketika ini, terdapat dua pelabuhan utama yang memberi khidmat di wilayah utara iaitu **Pelabuhan Pulau Pinang** dan **Pelabuhan Lumut** yang telah diiktiraf sebagai penyumbang utama dalam memudahkan perdagangan serantau. Pelabuhan Pulau Pinang merupakan pelabuhan yang tertua dan ketiga terbesar di Malaysia, yang mana ia telah mengendalikan 1.5 juta TEUs kargo pada 2018 dan mempunyai rangkaian hubungan dengan lebih 200 pelabuhan di seluruh dunia. Pelabuhan tersebut juga merupakan pintu masuk utama ke NCER dan Selatan Thailand, dan turut memenuhi keperluan rantau IMT-GT yang mempunyai sektor pembuatan yang rancak di daerah pedalaman.



Pelabuhan Lumut di Perak

### PELUASAN PELABUHAN PULAU PINANG

Setakat 2019, Pelabuhan Pulau Pinang berupaya mengendalikan **2.3 juta TEU** setahun, dan ia berpotensi untuk mengendalikan lebih banyak kargo pada masa hadapan. Sehubungan itu, pelabuhan tersebut akan diperluaskan bagi meningkatkan lagi kapasiti dan kecekapannya, serta meningkatkan kepentingannya sebagai gerbang maritim bagi perdagangan dan pelancongan di NCER dan Selatan Thailand.


Peluasan Pelabuhan Pulau Pinang akan melibatkan penaiktarafan dermaga Terminal Kontena Butterworth Utara, serta pemanjangan himpitan kapal (*berth*) di Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier. Dengan peluasan pelabuhan ini dan pembangunan infrastruktur, Pelabuhan Pulau Pinang akan muncul sebagai sebuah pelabuhan pintar dan moden yang mampu mengendalikan **7.5 juta TEU** kargo menjelang tahun 2030. Pihak pengurusan Pelabuhan Pulau Pinang sedang merancang fasa peluasan infrastruktur dan pengubahsuaian Pangkalan Swettenham untuk menggalakkan lagi sektor pelancongan di NCER.

## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

### STRATEGI UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN PELABUHAN PULAU PINANG

#### PELUASAN PELABUHAN PULAU PINANG

- Kebanyakan kargo kontena dunia adalah dihubungkan melalui Asia
- Perdagangan Asia-Eropah, Asia-Amerika Utara, Asia-Timur Tengah dan Intra-Asia sahaja merangkumi 72% daripada aktiviti perdagangan berkontena dunia



Pelabuhan Pulau Pinang berada di kedudukan yang baik untuk menarik lebih banyak kargo pada masa hadapan.

#### PELABUHAN PULAU PINANG MEMAINKAN PERANAN STRATEGIK SEBAGAI GERBANG MASUK PERDAGANGAN DAN PELANCONGAN DI NCER



Gerbang perdagangan untuk kesemua negeri di NCER dan Selatan Thailand



Pelancongan Kapal Persiaran



Daya Tarikan Perniagaan

#### STRATEGI-STRATEGI UNTUK MENAIKKAN PELABUHAN PULAU PINANG

##### 1 MENARIK PELABUR BERPOTENSI KE PELABUHAN PULAU PINANG



- Untuk menarik para pelabur utama dalam syarikat perkapalan dan logistik untuk mengembangkan perniagaan mereka di Pulau Pinang
- Beberapa pemain industri utama telah menyatakan minat untuk melabur dalam Pelabuhan Pulau Pinang

##### 2 MELETAKKAN PELABUHAN PULAU PINANG SEBAGAI SEBUAH PELABUHAN PINTAR MODEN & NADI UTAMA AKTIVITI EKONOMI



- NCIA akan bekerjasama dengan Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang bagi pelan pembangunan untuk Pelabuhan Pulau Pinang

##### 3 PELAN PELUASAN & PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR PELABUHAN PULAU PINANG



- Peluasan Infrastruktur Pelabuhan Pulau Pinang

<b>2019:</b>	<b>2021:</b>
2.32 juta TEU	5.03 juta TEU
<b>2020:</b>	<b>2030:</b>
2.73 juta TEU	7.5 juta TEU

Peluasan Pelabuhan Pulau Pinang akan menaikkan lagi kepentingannya sebagai gerbang maritim bagi perdagangan dan pelancongan di NCER, serta Selatan Thailand. Setakat 2019, pelabuhan ini mampu mengendalikan 2.32 juta TEU kargo setahun, dan ia mampu menarik lebih banyak kargo pada masa hadapan. Dengan peluasan dan pembangunan infrastruktur pelabuhan tersebut, Pelabuhan Pulau Pinang akan diketengahkan sebagai sebuah pelabuhan pintar yang moden yang berupaya mengendalikan 7.5 juta TEU kargo setahun menjelang 2030 dan seterusnya.

## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

### PENGANGKUTAN UDARA

NCER memiliki dua lapangan terbang antarabangsa, iaitu **Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang** dan **Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi**, serta dua lapangan terbang domestik iaitu **Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah** di Ipoh dan **Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim** di Alor Setar, sekaligus menawarkan kesalinghubungan pengangkutan udara yang mampan di wilayah ini. Dari tahun 2017 ke 2018, kedua-dua trafik penumpang dan kargo udara di NCER masing-masing telah meningkat secara kumulatif pada kadar 5.46% dan 9.27%.

Penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Langkawi telah berjaya meningkatkan kapasiti pengendalian penumpang dan kargo di kedua-dua gerbang perdagangan dan pelancongan tersebut. Sistem rangkaian pengangkutan udara antarabangsa di NCER akan dipertingkatkan lagi dengan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) di Kedah.

#### LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KULIM (KXP)

Pembangunan **Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP)** bakal membawa impak ekonomi yang besar, bukan sahaja di negeri Kedah, malahan kepada **seluruh NCER**. Pembangunan KXP, bersama-sama **Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing Hub (SLAM)**, merupakan sebahagian daripada pembangunan **Kedah Aerotropolis** yang dijangka berupaya merapatkan jurang ekonomi yang wujud di wilayah ini serta melonjakkan KDNK Kedah sehingga sebanyak 3% setahun. KXP akan **meningkatkan kesalinghubungan dan perkhidmatan kargo** di NCER, sekaligus mampu membawa masuk lebih ramai penumpang antarabangsa dan menjadi hab pengangkutan

utama yang memenuhi keperluan negeri-negeri di NCER dan wilayah-wilayah di Selatan Thailand. Bagi menyokong pembangunan KXP, infrastruktur jalan raya ke lapangan terbang tersebut akan turut ditambah baik bagi meningkatkan aksesibiliti dan kesalinghubungannya.

Salah satu kelebihan utama KXP ialah keupayaannya mengintegrasikan mod-mod pengangkutan laut-udara-darat, sekaligus menyediakan sistem pengangkutan inter-modal yang cekap. Dengan lokasinya yang berhampiran Pelabuhan Pulau Pinang, KXP dapat menawarkan pengangkutan laut ke udara pada kos yang lebih rendah dan pada kadar yang lebih pantas. KXP juga terletak di tanah yang sedia dimiliki dan mampu menampung peluasan untuk tempoh 20-50 tahun lagi.




Pembangunan Kedah Aerotropolis akan merangsang pertumbuhan industri berkaitan penerbangan di NCER



## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

### KELEBIHAN DAN IMPAK PEMBANGUNAN KXP


#### JARAK ANTARA KXP DAN KAWASAN-KAWASAN PERINDUSTRIAN UTAMA DI NCER



Sumber: Analisis & Ringkasan Kajian AB Consulting

## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

**TANPA KXP, JURANG KETIDAKSAMAAN EKONOMI ANTARA KEEMPAT-EMPAT NEGERI NCER AKAN SEMAKIN MELUAS; JUSTERU, PENYEIMBANGAN ADALAH PENTING.**



### KXP & SLAM: MENYAMARATAKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DI NCER

Dengan **KXP**, kadar **pertumbuhan KDNK** tahunan Kedah adalah dijangka akan berada pada **7.5%** berbanding 4.5% setahun ketika ini. Projek ini juga dijangka akan **merapatkan jurang KDNK** antara Pulau Pinang dan Kedah kepada **37% menjelang 2030** daripada 50% pada masa ini. Bersama-sama **SLAM**, KXP akan menjadi **projek pengubah strategi** dalam mengurangkan ketidaksamaan ekonomi di dalam NCER, yang bukan sahaja akan memberi manfaat kepada negeri Kedah, malahan kepada **semua negeri di wilayah ini**.

Sumber: Analisis & Ringkasan Kajian AB Consulting

### PROSPEK

Bagi meningkatkan lagi kecekapan dan potensi sektor Logistik dan Kesalinghubungan di NCER, NCIA telah menggariskan Pelan Induk Logistik & Fasilitasi Perdagangan (NLTF) yang mengandungi lima Anjakan Strategik dan 21 Perkara Tindakan untuk menjadikan wilayah ini sebagai "Gerbang Logistik Pilihan ke Asia."

NCIA juga akan terus bekerjasama dengan para pemegang kepentingan dan agensi-agensi yang berkenaan untuk membangunkan sektor Logistik dan Kesalinghubungan di NCER, berdasarkan rangka kerja NLTF tersebut.

## LOGISTIK DAN KESALINGHUBUNGAN

### PELAN INDUK LOGISTIK & FASILITASI PERDAGANGAN (NLTF)

Untuk membangunkan sektor Logistik & Kesalinghubungan di wilayah ini, NCIA bekerjasama rapat dengan pemegang-pemegang kepentingan dan agensi yang berkaitan dalam mengikuti rangka kerja NLTF bagi meningkatkan lagi sektor ini.

#### 5 ANJAKAN STRATEGIK DAN 21 PERKARA TINDAKAN BAGI NCER MENJADI "GERBANG LOGISTIK PILIHAN KE ASIA"

ANJAKAN STRATEGIK	Mengukuhkan rangka kerja institusi dan kawal selia	Menambah baik mekanisme fasilitasi perdagangan	Menzahirkan perkhidmatan logistik di dalam wilayah
	Membangunkan infrastruktur dan permintaan untuk muatan		Mengukuhkan teknologi & modal insan

	2018 - 2020	2021 - 2024	2025 dan Seterusnya
PERKARA TIDAKAN	MENGURANGKAN KESEKAPAN	MENINGKATKAN PERTUMBUHAN DOMESTIK	MEWUJUDKAN JEJAK SERANTAU
	<p><b>Jangka Pendek</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Projek Menaiktaraf Fasilitasi Berkaitan Terminal Kargo Keretapi Padang Besar.</li> <li>Meningkatkan kecekapan di Pelabuhan Pulau Pinang melalui penaiktarafan fasiliti rel di NBCT dan peralatan operasi pelaburan.</li> <li>Penambahbaikan dalam proses pelepasan sempadan di ICQS Bukit Kayu Hitam &amp; Padang Besar melalui infrastruktur fizikal dan aplikasi perisian.</li> </ul>	<p><b>Jangka Sederhana</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Perlis Inland Port bakal menggantikan Terminal Kargo KTMB Padang Besar.</li> <li>Mengurangkan kesesakan di Bukit Kayu Hitam melalui Pembangunan KPICD &amp; membangunkan cabang rel yang menghubungkan KPICD dengan landasan rel berkembar Padang Besar-Ipoh sedia ada.</li> <li>Penaiktarafan lapangan terbang di Pulau Pinang &amp; Langkawi.</li> <li>Melaksanakan kajian Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara.</li> </ul>	<p><b>Jangka Panjang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan Zon Ekonomi Khas Bukit Kayu Hitam.</li> <li>Merealisasikan "jambatan" darat melalui Infrastruktur rel antara ICD/pelabuhan di Selatan Thailand dengan Pelabuhan Pulau Pinang.</li> <li>Untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang digariskan dalam Pelan Induk Pengangkutan Wilayah Utara.</li> </ul>



# EKONOMI DIGITAL



Sektor Ekonomi Digital NCER akan menggalakkan pertumbuhan GBS, Industri 4.0, e-dagang dan multimedia kreatif

Ekonomi Digital merupakan satu lagi kluster ekonomi utama di NCER yang pada asalnya diperkenalkan sebagai Perkhidmatan Perniagaan Global atau Global Business Services (GBS) di bawah sektor Perkhidmatan pada 2017. Dikenali sebagai Ekonomi Digital sejak 2019, kluster ini merupakan salah satu sektor utama di wilayah ini berdasarkan keupayaannya menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan melahirkan masyarakat berpengetahuan, selaras dengan rangka kerja pembangunan strategik NCER di bawah RMK-12. Ini seterusnya akan dapat membantu menangani isu pengangguran di kalangan graduan di NCER.

Subsektor yang dipromosikan di wilayah ini ialah **GBS, Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0), e-dagang dan multimedia kreatif**. Usaha penarikan pelaburan dari


dalam dan luar negara dalam sektor Ekonomi Digital akan turut menyokong sektor-sektor lain seperti Pertanian Pintar (Perniagaan Tani), Pembuatan dan teknologi-teknologi baharu, serta menggalakkan pemindahan pengetahuan.

NCER mempunyai kelebihan dari segi penawaran kos perniagaan yang kompetitif, persekitaran yang mesra perniagaan, kewujudan kumpulan bakat yang terlatih, lokasi strategik dengan rangkaian logistik udara, laut dan darat yang cekap, sokongan teguh pihak Kerajaan dari segi insentif dan dasar, serta potensi yang tinggi daripada nod-nod pertumbuhan dan taman-taman perindustrian yang berhampiran. Projek-projek utama dalam sektor Ekonomi Digital di NCER terdiri daripada **GBS@Ipoh** dan Perpustakaan Digital Kedah atau **Kedah Digital Library (KDL)**.

## EKONOMI DIGITAL

### GBS@IPOH

Projek ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Ekonomi Digital NCER yang akan mengukuhkan lagi projek Silver Valley Technology Park (SVTP) atau Taman Teknologi Silver Valley yang bakal menjadi Hab Ekonomi Digital serta Hab GBS di wilayah ini.



Projek **greenfield** ini juga akan menyokong ekosistem **Single Campus** yang merangkumi kawasan Ipoh-Pulau Pinang-Kulim.

Setakat ini, projek GBS@Ipoh telah berjaya menarik pelaburan komited sebanyak RM486 juta, yang mana RM115 juta telah pun direalisasikan setakat Januari 2020. Projek ini juga telah menyaksikan lima syarikat ditubuhkan di Ipoh, di mana tiga daripadanya telah terpilih untuk menyertai program NTEP. Salah satu daripada syarikat tersebut juga telah menerima kelulusan bagi Insentif Cukai NCER (NTAX).

### KEDAH DIGITAL LIBRARY (KDL)

Menyedari akan kepentingan ICT dalam pendidikan, khususnya dalam memastikan pengetahuan dan maklumat dapat diakses oleh lebih ramai pelajar dan guru, NCA telah diamanahkan untuk mereplikasi Penang Digital Library atau Perpustakaan Digital Pulau Pinang di lain-lain negeri NCER pada Mesyuarat Majlis NCA pada Mac 2019. Projek tersebut akan bermula di negeri Kedah,

dengan penubuhan **Kedah Digital Library (KDL) atau Perpustakaan Digital Kedah** di Bangunan Memorial Tunku Abdul Rahman di Alor Setar.

KDL akan dibangunkan di kawasan seluas 2.13 ekar yang terletak di kawasan hijau di tengah-tengah bandar. Bangunan Memorial Tunku Abdul Rahman pula merupakan sebuah bangunan yang kaya dengan nilai sejarah dan warisan, dan dijangka akan menjadi sebuah mercu tanda ikonik apabila ia menjadi sebuah perpustakaan digital kelak.

Perpustakaan digital ini adalah untuk kegunaan masyarakat setempat, serta sekolah-sekolah dan agensi-agensi tempatan. Pembangunannya meliputi beberapa komponen, antaranya, **sebuah Perpustakaan Rumah Agam, ruang-ruang bacaan, serta galeri yang akan memaparkan pemimpin-pemimpin ternama Kedah.** Kesemua ini akan dilengkapi dengan **kemudahan komersial** seperti sebuah kafeteria dan restoran, serta sebuah dewan komuniti yang akan berperanan sebagai ruang untuk pelbagai jenis acara.



## EKONOMI DIGITAL



Pembangunan KDL sedang giat dijalankan

Pembangunan KDL akan dijalankan dalam dua fasa, yang mana Fasa 1 merangkumi renovasi bangunan sedia ada menjadi sebuah Perpustakaan Rumah Agam, manakala Fasa 2 meliputi pembangunan sebuah bangunan sambungan baharu.

Setakat penghujung 2019, projek ini telah mencatatkan kemajuan 7% dan ia dijangka memulakan operasi pada bulan Ogos 2020.

### SILVER VALLEY TECHNOLOGY PARK (SVTP) - PERAK

Taman Teknologi Silver Valley atau Silver Valley Technology Park (SVTP) merupakan **Taman Perindustrian Teknologi Digital Disruptif yang pertama** seumpamanya di **Asia Tenggara**. Ia bertujuan memudahcara pembangunan **teknologi guna baharu**, dari peringkat konsep hinggalah ke peringkat pengeluaran, dan bakal menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi digital di NCER.

Terletak di Mukim Hulu Kinta di kawasan seluas 876 ekar, SVTP mempunyai akses mudah ke Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang. SVTP juga dijangka akan menarik kluster-kluster teknologi teras yang memacu perubahan disruptif di pasaran global, antaranya, Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*), Robotik Lanjutan (*Advanced Robotics*), Realiti Terimbuh (*Augmented Reality*) dan Realiti Maya (*Virtual Reality*), Teknologi Nano (*Nano Technologies*) dan Analitik Digital Lanjutan (*Advanced Digital Analytics*), untuk menyokong pembangunan inovasi secara komersial.



Pembangunan SVTP akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan di Perak

Objektif SVTP ialah untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang berkemahiran dan berpendapatan tinggi untuk rakyat, serta meningkatkan pelaburan di negeri Perak. Ia direka untuk menjadi sebuah projek yang berpaksikan insan dan mesra alam sekitar, sekaligus meningkatkan daya tarikan bandaraya Ipoh di kalangan tenaga kerja berkemahiran. Komponen-komponen taman industri ini merangkumi **sektor E&E, Teknologi Pertanian Pintar, UAV dan dron, peralatan perubatan, serta Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS)**.


Setakat penghujung 2019, kajian kebolehlaksanaan bagi projek SVTP sedang giat berjalan.

### PROSPEK

NCIA akan meningkatkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam sektor ekonomi digital, serta menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam sektor-sektor utama yang lain seperti pembuatan dan perniagaan tani, yang akan meningkatkan kedudukan sektor ini dalam rantai nilai. Ini juga akan membolehkan lebih banyak pemain industri, terutamanya **PKS**, untuk mengamal dan memanfaatkan ekonomi digital dalam memasarkan produk dan perkhidmatan masing-masing.

Bagi fasa seterusnya untuk tahun 2021-2023, usaha akan dipergiatkan dalam menarik lebih banyak syarikat-syarikat besar dalam industri **Penyumberluaran Proses Perniagaan atau Business Process Outsourcing (BPO)** untuk menjalankan operasi mereka di Ipoh. Sehubungan itu, pihak NCIA akan meneruskan usaha-usaha pemasarannya, termasuklah melalui misi-misi pelaburan dengan kerjasama UPEN dan Invest Perak.





**PROJEK-  
PROJEK NCER  
MENGIKUT NEGERI**







# PROJEK-PROJEK NCER MENGIKUT NEGERI



## PERLIS

### PEMBUATAN

1. Chuping Valley Industrial Area (CVIA)
2. Perlis Inland Port (PIP)

### LOGISTIK & KESALINGHUBUNGAN

3. Kangar Sentral
4. Padang Besar Terminal

### PERNIAGAAN TANI

5. Superfruits Valley
6. Chuping Argo Valley

### MODAL INSAN

- ▶ empowerNCER
- ▶ Dana Usahawan Bumiputera (DUB)
- ▶ entrepreneurNCER
- ▶ NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)



## KEDAH

### PEMBUATAN

1. Kedah Rubber City (KRC)
2. Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing (SLAM)
3. Kedah Eco Innovation Park (KEIP)

### LOGISTIK & KESALINGHUBUNGAN

4. Northern Corridor Highway (NCH) Fasa 1A & 1B
5. Infrastruktur Luaran – Kedah Aerotropolis

### PERNIAGAAN TANI

6. Pembangunan Hab Benih Hemp Untuk Produk Industri
7. Model Pengurusan Estet (EMM) Padi 2.0
8. Pembangunan Hab Padi Organik
9. Special Agro Economic Zone (SAEZ) Transkrian

### PENGUPAYA


10. Zon Pembangunan Khas (SDZ)
11. Perpustakaan Digital Kedah (Kedah Digital Library) Fasa 2
12. Program Pekebun Kecil Untuk KRC

### PELANCONGAN

13. Fasiliti & Infrastruktur Pelancongan di Sg. Batu, Lembah Bujang

### PROGRAM MODAL INSAN

- ▶ Kasih Ibu Darul Aman (KIDA)
- ▶ Dana Usahawan Bumiputera (DUB)
- ▶ empowerNCER
- ▶ NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)
- ▶ entrepreneurNCER





## PROJEK-PROJEK NCER MENGIKUT NEGERI



### PULAU PINANG

#### LOGISTIK & KESALINGHUBUNGAN

1. Northern Corridor Highway (NCH) Fasa 1B

#### PENGUPAYA

2. Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST)
3. Pusat Inovasi Teknologi NCER (NTIC)

#### PERNIAGAAN TANI

4. Pembangunan Usahawan – Penternakan Akuakultur
5. Hab Benih NCER
6. Special Agro Economic Zone (SAEZ) Transkrian

#### PROGRAM MODAL INSAN

- ▶ Dana Usahawan Bumiputera (DUB)
- ▶ empowerNCER
- ▶ entrepreneurNCER
- ▶ NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)



### PERAK

#### EKONOMI DIGITAL

1. Silver Valley Technology Park (SVTP)

#### PENGUPAYA

2. Zon Pembangunan Khas (SDZ)

#### PERNIAGAAN TANI

3. Model Pengurusan Estet (EMM) Padi 2.0
4. Pembangunan Usahawan – Penternakan Akuakultur (abalone, tiram & kerang)
5. Special Agro Economic Zone (SAEZ) Transkrian

#### PELANCONGAN

6. Pelancongan Warisan Ipoh (Pencapaian & Bunyi, Galeri Seni Digital & Kinta Riverwalk)
7. Pulau Bebas Cukai Pangkor

#### PROGRAM MODAL INSAN

- ▶ entrepreneurNCER
- ▶ empowerNCER
- ▶ Dana Usahawan Bumiputera (DUB)
- ▶ NCER Talent Enhancement Programme (NTEP)







**WARGA KERJA  
NCIA**







## WARGA KERJA NCIA

Kakitangan NCIA merupakan aset yang paling berharga buat organisasi kami, di mana setiap seorang daripada mereka memainkan peranan penting dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kerajaan dalam memacu pembangunan di NCER.

Dikenali sebagai "**Rakan i-STAR**", warga kerja NCIA datang daripada pelbagai latar belakang akademik dan profesional, dan terdiri daripada para lepasan universiti dan juga mereka yang mempunyai pengalaman berkhidmat di sektor awam dan juga swasta. NCIA turut melantik Pakar-Pakar Industri yang mempunyai pengalaman kerja lebih daripada 20 tahun untuk membantu pihak kami dalam bidang-bidang khusus yang memerlukan kepakaran yang tinggi.

Sehingga 31 Disember 2019, jumlah keseluruhan rakan i-STAR NCIA ialah seramai **188 orang** di mana 56% daripadanya adalah kakitangan lelaki dan 44% adalah kakitangan wanita.

Budaya kerja di NCIA adalah berlandaskan prinsip **i-STAR**, di mana segala yang dilakukan oleh warga kerja kami perlu berpandukan nilai-nilai teras berikut:



Warga kerja NCIA yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sentiasa komited dalam menjayakan agenda pembangunan NCER

## WARGA KERJA NCIA

### BAGAIMANA KAMI MELAKUKAN: NILAI TERAS KAMI

#### INTEGRITY & PROFESSIONALISM/ INTEGRITI & PROFESIONALISMA

Doing the right things right/  
*Melakukan perkara yang betul secara tepat*

#### MUTUAL RESPECT/ SALING MENGHORMAT

Every person,  
every idea counts/  
*Setiap orang, setiap idea  
bermakna*



#### SPEED/PANTAS

Embrace change and  
challenge status quo/  
*Menerima perubahan dan  
mencabar status quo*

#### ACCOUNTABILITY/ KEBERTANGGUNGJAWABAN

Ownership of work to achieve highest  
standards of excellence/  
*Bertanggungjawab untuk piawaian  
kerja cemerlang*

#### TEAMWORK/KERJASAMA

Seamless teamwork  
for a conducive workplace/  
*Berganding bahu untuk tempat  
kerja yang kondusif*



Rakan i-STAR memiliki semangat kerja berpasukan yang tinggi dan saling menghormati antara satu sama lain



Pelancaran Program Modal Insan NCER di Perlis

Di sepanjang tahun 2019, Jabatan Sumber Manusia NCIA telah mengadakan pelbagai aktiviti bagi membina semangat warga kerja agar menjadi lebih mantap serta memupuk semangat kerja berpasukan, selaras dengan prinsip i-STAR.



## WARGA KERJA NCIA

### AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH JABATAN SUMBER MANUSIA SEPANJANG TAHUN 2019

TARIKH	AKTIVITI	BUTIRAN
<b>23 Jan, 10 Apr, 15 Apr, 1 Jul &amp; 26 Nov</b>	Sesi Townhall & Mini Townhall	Platform untuk Pihak Pengurusan berkongsi maklumat tentang hala tuju serta pencapaian KPI NCIA.
<b>24 Jan, 13 Feb &amp; 19 Dis</b>	Jerayawara Sumber Manusia ( <i>HR Road Show</i> )	Sesi <i>refresher</i> mengenai P&P Faedah Hospitalisasi, Insuran, Penggajian dan Pengurusan Disiplin Kakitangan. Sesi ini diadakan supaya semua rakan i-STAR mengetahui mengenai hak dan tanggungjawab mereka sebagai pekerja.
<b>2 Mei</b>	Majlis Perkongsian Ilmu Serta Jamuan Tengahari Sempena Menyambut Ramadhan Al-Mubarak & pemberian buah kurma kepada semua rakan I-STAR NCIA.	Berkongsi ilmu mengenai keberkatan bulan Ramadhan al-Mubarak serta mencetuskan semangat kerja yang lebih kental di bulan mulia tersebut.
<b>Sepanjang Bulan Ramadhan &amp; 15 Nov</b>	Sesi Tazkirah Bulan Ramadhan sebanyak empat kali & Tazkirah Maulidur Rasul (Penutup Tahun)	Bertujuan melahirkan rakan I-STAR yang bertaqwa dan bersatu dalam menjalankan amanah yang telah diberikan. Tazkirah disampaikan oleh penceramah jemputan.
<b>15 Nov</b>	Kelas Penampilan Diri ( <i>Grooming</i> )	Khas untuk rakan i-STAR wanita bagi memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar agar mereka sentiasa kelihatan professional dan penuh keyakinan.
<b>26 Nov</b>	Hari Keselamatan dan Kesihatan	Diadakan untuk memberi pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada semua rakan i-STAR tentang perihal Keselamatan & Kesihatan.  Pihak Pengurusan telah menjemput Pakar Nutrisi & Kesihatan daripada Penang Adventist Hospital untuk memberi taklimat mengenai "High Colestrol Management" kepada semua rakan i-STAR.  Turut diadakan ialah pemeriksaan tahap kesihatan serta buah pinggang, serta kempen menderma darah.

## WARGA KERJA NCIA



Sesi Townhall dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri NCIA 2019

Pada Jun 2019, pihak pengurusan telah meluluskan penubuhan **Kelab Sukan & Rekreasi i-Star (KSRIS)** untuk memupuk semangat kerja berpasukan dan kekeluargaan antara kakitangan, selaras dengan Nilai-nilai Teras NCIA. Pendaftaran KSRIS telah diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia Negeri Pulau Pinang pada 16 Julai 2019. Selain menganjurkan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi, KSRIS turut menganjurkan program kebajikan dan kerohanian untuk rakan i-STAR yang menjadi ahli. Keahlian dibuka kepada semua rakan i-STAR yang berminat dengan yuran keahlian yang amat berpatutan.

Pada setiap hari Jumaat dari jam 5.00 petang hingga 6.00 petang, semua rakan i-Star digalakkan untuk menggunakan waktu tersebut untuk aktiviti-aktiviti riadah seperti bersenam di gimnasium, atau bermain permainan *indoor* seperti ping-pong dan snuker.



Wacana Pengurusan NCIA



## WARGA KERJA NCIA



Pihak NCIA sentiasa berusaha memastikan agar warga kerjanya menikmati keseimbangan kerja-kehidupan ("work-life balance") agar mereka mampu menjalankan tugas dengan cemerlang

## WARGA KERJA NCIA



### AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH KELAB SUKAN & REKREASI i-STAR (KSRIS)

TARIKH	AKTIVITI	BUTIRAN
Setiap Hari Jumaat dari jam 5.00 ptg - 6.00 ptg (waktu rekreasi)	Senaman Zumba Untuk Ahli Wanita	Supaya ahli sentiasa sihat dan cergas, serta dapat merehatkan minda.
4 Okt 2019	Pertandingan Boling Secara Berpasukan dan Perseorangan	Membina semangat berpasukan, memupuk kerjasama serta membentuk semangat kepimpinan.
1 Okt - 31 Dis 2019	Pertandingan "The Biggest Loser"	Memberi khidmat nasihat dari segi penjagaan kesihatan diri, pemakanan yang seimbang serta mendapatkan berat badan yang ideal supaya sentiasa sihat dan cergas.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KSRIS merupakan sebahagian daripada usaha kelab untuk membantu para ahli supaya sentiasa sihat dan cergas, sekaligus dapat membantu menurunkan kos perubatan di kalangan rakan i-STAR, di samping membantu Pihak Pengurusan membentuk **budaya kerja-kehidupan yang seimbang** atau "work-life balance".

Pihak NCIA komited untuk terus membina persekitaran kerja yang sihat dan positif serta mengukuhkan tahap profesionalisme kakitangannya, agar semua rakan i-STAR kekal bersemangat untuk melaksanakan tugas yang telah diamanahkan demi manfaat rakyat di NCER.





# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2019









**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 27, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawai Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.



### ***Emphasis of Matter***

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti yang dinyatakan di Nota 10 kepada Penyata Kewangan.

Baki kumpulan wang pembangunan berjumlah RM272,114,143 pada 31 Disember 2019 selepas mengambil kira geran pembangunan yang dilunaskan berjumlah RM123,706,949. Termasuk dalam geran yang dilunaskan ini adalah bayaran pendahuluan kepada syarikat WZS Binaraya Sdn. Bhd. berjumlah RM10 juta yang telah dibayar untuk projek pembangunan Rubber City di Bukit Ketapang, Kedah. Wang pendahuluan ini sepatutnya direkodkan sebagai amaun terhutang oleh syarikat kerana ia perlu dilaraskan dengan pembayaran projek pembangunan tersebut kelak.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah



adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara memberi gambaran yang saksama.



## Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(KARTINA BINTI ZAMHARI)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA



PUTRAJAYA  
30 DISEMBER 2020



# PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **YANG AMAT BERHORMAT TAN SRI MUHYIDDIN MOHD YASSIN** dan **YANG BERBAHAGIA TAN SRI WAN ZULKIFLEE WAN ARIFFIN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mematuhi Laporan Piawaian Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA** pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,



.....  
**TAN SRI MUHYIDDIN MOHD YASSIN**

Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara



.....  
**TAN SRI WAN ZULKIFLEE WAN ARIFFIN**

Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

Tarikh : 23 JUN 2020

Tempat : Kuala Lumpur


## PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))


### PENGAKUAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **DATUK SERI JEBASINGAM ISSACE A/L JOHN RAJAMONEY** dan **MOHAMAD HARIS BIN KADER SULTAN**, pegawai-pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama-penama di atas di Kuala Lumpur pada



**DATUK SERI JEBASINGAM ISSACE  
A/L JOHN RAJAMONEY**



**MOHAMAD HARIS BIN KADER  
SULTAN**



Suite 49B, Jalan Diplomatik  
Diplomatic Enclave, Presint Diplomatik  
62050 PUTRAJAYA  
Wilayah Persekutuan Putrajaya  
HP No: +6012.350.8527

23 JUN 2020



**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
<b>Aset Bukan Semasa:</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	<b>32,832,550</b>	33,170,991
Hartanah Pelaburan	5	<b>22,820,000</b>	22,735,000
Penghutang Jangka Panjang	6	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		<b>55,652,550</b>	55,905,991
<b>Aset Semasa:</b>			
Penghutang Jangka Pendek	6	-	-
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	7	<b>7,473,156</b>	2,371,235
Tunai dan Kesetaraan Tunai	8	<b>237,650,895</b>	141,110,534
Jumlah Aset Semasa		<b>245,124,051</b>	143,481,769
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>300,776,601</b>	199,387,760
<b>Ekuiti:</b>			
Kumpulan Wang Mengurus	9	<b>23,634,913</b>	11,294,582
Jumlah Ekuiti		<b>23,634,913</b>	11,294,582
<b>Liabiliti Bukan Semasa:</b>			
Kumpulan Wang Pembangunan	10	<b>272,114,143</b>	141,515,267
Dana PEMANDU	11	-	3,999,982
Dana Khas - UPE	12	-	36,006,595
Dana Khas - TERAJU	13	<b>1,534,688</b>	2,923,385
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		<b>273,648,831</b>	184,445,229
<b>Liabiliti Semasa:</b>			
Pelbagai Pemiutang Dan Akruan	14	<b>3,492,857</b>	3,647,949
Jumlah Liabiliti Semasa		<b>3,492,857</b>	3,647,949
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>300,776,601</b>	199,387,760

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Pemberian Kerajaan Persekutuan	9	<b>42,390,000</b>	24,949,700
Geran Pembangunan Dilunaskan	10	<b>123,706,949</b>	89,526,026
Dana Khas - UPE Dilunaskan	12	-	7,866,419
Dana Khas - TERAJU Dilunaskan	13	<b>1,388,697</b>	7,671,496
Pendapatan Faedah	9	<b>4,873,342</b>	7,396,506
Pendapatan Lain	9	<b>1,151,090</b>	1,465,295
		<b>173,510,078</b>	138,875,442
<b>PERBELANJAAN</b>			
Perbelanjaan Operasi	9 / 15	<b>36,074,101</b>	32,261,011
Geran Pembangunan Dilunaskan	10	<b>123,706,949</b>	89,526,026
Dana Khas - UPE	12	-	7,866,419
Dana Khas - TERAJU	13	<b>1,388,697</b>	7,671,496
		<b>161,169,747</b>	137,324,952
<b>LEBIHAN</b>		<b>12,340,331</b>	1,550,490

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini



# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	<b>Kumpulan Wang Mengurus</b>
Baki pada 1 Januari 2018	9,744,092
Lebihan bagi tahun semasa	1,550,490
<b>Baki pada 31 Disember 2018</b>	<b>11,294,582</b>
Lebihan bagi tahun semasa	12,340,331
<b>Baki pada 31 Disember 2019</b>	<b>23,634,913</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

# PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi</b>			
Lebih sebelum cukai		12,340,331	1,550,490
Pelarasan untuk:-			
Elaun hutang ragu		-	683,596
Elaun hutang ragu tidak lagi diperlukan		-	(153,661)
Keuntungan atas perubahan nilai saksama hartanah pelaburan	5	(85,000)	(1,115,000)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	4	956,147	390,429
Pendapatan faedah		(4,873,342)	(7,396,506)
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan		-	101
Pendapatan faedah aset kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi		-	(1,485,154)
Perbelanjaan faedah liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi		-	817,304
Pindahan Dana kepada Kumpulan Wang Mengurus		(42,390,000)	-
Geran Dana Pembangunan dilunaskan		(123,706,949)	(88,040,872)
Geran Dana Khas - UPE dilunaskan		-	(7,866,419)
Geran Dana Khas - TERAJU dilunaskan		(1,388,697)	(7,671,496)
Defisit sebelum perubahan dalam modal kerja		(159,147,510)	(110,287,188)
Penghutang		(1,313,452)	1,191,420
Pemiutang		(155,093)	(3,089,211)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi		(160,616,054)	(112,184,979)
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan</b>			
Tambahan hartanah, loji dan peralatan	4	(617,706)	(2,858,554)
Faedah Diterima		4,424,921	7,411,703
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		3,807,215	4,553,149
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan</b>			
Geran Pembangunan diterima		253,349,200	22,125,000
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan		253,349,200	22,125,000
<b>Peningkatan / (Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>		<b>96,540,361</b>	<b>(85,506,830)</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun</b>		<b>141,010,534</b>	<b>226,517,364</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>		<b>237,550,895</b>	<b>141,010,534</b>
Terdiri daripada:-			
Deposit Tetap Dengan Institusi Kewangan		234,379,250	139,035,490
Tunai dan Baki Bank		3,271,645	2,075,044
		237,650,895	141,110,534
Deposit tetap yang dicagarkan kepada bank berlesen	8	(100,000)	(100,000)
		237,550,895	141,010,534

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini



# NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

## 1. MAKLUMAT UMUM

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ("NCIA") ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) yang diwartakan di Parlimen Malaysia pada 13 Jun 2008. Aktiviti utama NCIA adalah untuk bertindak sebagai satu badan berkanun kerajaan persekutuan yang diberi kuasa untuk mencapai objektif berikut:-

- (a) untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; dan
- (b) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mapan diutamakan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Bilangan pekerja NCIA pada akhir tahun adalah seramai 183 orang (2018: 166 orang).

Ibu pejabat NCIA berada di No 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18, Penang Science Park, Simpang Ampat, 14100, Penang, Malaysia. NCIA juga mempunyai pejabat operasi di Bayan Lepas, Cyberjaya, Alor Setar, Ipoh dan Kangar.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diluluskan oleh Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara melalui Resolusi Pekeliling yang bertarikh 23 Jun 2020.

## 2. ASAS PENYEDIAAN

### (a) Pernyataan Pematuhan

Penyata kewangan NCIA disediakan mematuhi MPERS, Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 serta "Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PA 3.1/2013) Garis Panduan Untuk Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan" melainkan seperti yang telah dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan.

### (b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah melainkan seperti yang telah dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan.

### (c) Penggunaan Anggaran Dan Pertimbangan

Anggaran, andaian tentang masa depan dan pertimbangan telah dibuat dalam penyediaan penyata kewangan ini. Perkara ini mempengaruhi penggunaan polisi perakaunan NCIA dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan belanja yang dilaporkan serta pendedahan yang dibuat. Anggaran dan andaian dinilai secara berterusan berdasarkan pengalaman dan faktor berkaitan, termasuk jangkaan peristiwa akan datang yang dipercayai munasabah. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada pertimbangan, anggaran dan andaian yang dibuat dan jarang sama dengan keputusan yang dianggarkan.

## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 2. ASAS PENYEDIAAN (SAMB.)

#### (c) Penggunaan Anggaran Dan Pertimbangan (Samb.)

##### (i) Ketidakpastian anggaran

Maklumat tentang anggaran dan andaian yang memberi kesan penting ke atas pengiktirafan dan pengukuran aset, liabiliti, pendapatan dan belanja dibincangkan di bawah.

##### - Hayat berguna bagi aset boleh disusut nilai

Pihak pengurusan menganggarkan hayat berguna hartanah, loji dan peralatan dalam lingkungan 3 hingga 5 tahun dan menyemak semula hayat berguna bagi aset boleh disusut nilai pada akhir setiap tempoh pelaporan. Pada 31 Disember 2019, pihak pengurusan menilai bahawa hayat berguna mewakili utiliti aset yang dijangka kepada NCIA. Walau bagaimanapun, keputusan sebenar mungkin berbeza disebabkan oleh perubahan dalam tahap penggunaan dan perkembangan teknologi, yang menyebabkan pelarasan kepada aset NCIA.

Nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan NCIA pada akhir tempoh pelaporan didedahkan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

##### - Penjejasan nilai penghutang

NCIA membuat penjejasan nilai penghutang berdasarkan penilaian terhadap jangkaan boleh terima. Penjejasan dilakukan kepada penghutang apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh dikutip. Pihak pengurusan menganalisis secara khusus hutang lapuk, kebolehpercayaan kredit penghutang, keadaan ekonomi semasa dan perubahan dalam syarat pembayaran oleh penghutang ketika membuat pertimbangan untuk menilai kecukupan penjejasan penghutang. Apabila jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan itu akan memberi impak kepada nilai dibawa penghutang.

##### (ii) Pertimbangan yang penting

Berikut merupakan pertimbangan yang dilakukan oleh pihak pengurusan dalam proses mengaplikasikan polisi perakaunan NCIA yang mempunyai kesan penting ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

##### - Klasifikasi hartanah pelaburan

Terdapat hartanah yang sebahagiannya dimiliki untuk menjana pendapatan sewa atau kenaikan modal atau kedua-duanya manakala sebahagian lagi untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk kegunaan pentadbiran. Sekiranya sebahagian yang dimiliki untuk sewaan dan/ atau kenaikan modal boleh dijual secara berasingan (atau dipajak berasingan sebagai pembiayaan pajakan), NCIA mengakaunkan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Sekiranya ia tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, ia diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan sekiranya hanya sebahagian kecil digunakan untuk pengeluaran atau pembekalan barangan dan perkhidmatan atau kegunaan pentadbiran. Pihak pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menentukan sebarang perkhidmatan sampingan sama ada dianggap penting sehingga suatu hartanah tidak layak diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan.



## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

Polisi-polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai oleh NCIA di mana ianya konsisten dengan piawaian perakaunan yang dipatuhi dalam tahun terdahulu, melainkan seperti yang telah dinyatakan.

#### (a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung dengan pemerolehan aset dan sebarang kos lain untuk membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki, serta sebarang kos menanggal dan memindahkan item dan membaikpulih tapak di mana aset tersebut terletak. Kos aset yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan buruh yang terlibat secara langsung.

Apabila bahagian-bahagian penting item hartanah, loji dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berlainan, ia diambil kira sebagai item berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan peralatan, dan komponen itu disusut nilai berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi berasaskan kaedah garis lurus ke atas hayat berguna setiap komponen dari tarikh ianya tersedia untuk diguna. Kerja dalam pelaksanaan tidak disusut nilai.

Pajakan tanah dilunaskan pada asas garis lurus berdasarkan tempoh pajakan tanah selama 60 tahun. Manakala bagi komponen-komponen lain, kadar susut nilai yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan	2%
Perabot dan peralatan pejabat	20%
Kenderaan	25%
Komputer dan peralatan berkaitan komputer	33.33%
Pengubahsuaian	10%

Sekiranya terdapat petunjuk perubahan ketara secara berpola sejak laporan tahunan yang lalu dimana NCIA dijangka untuk mengambil manfaat ekonomi terhadap aset pada masa hadapan, NCIA akan mengkaji semula kaedah susut nilai yang digunakan kini dan, jika jangkaan semasa berbeza, NCIA akan meminda nilai baki, kaedah susut nilai atau hayat berguna untuk menggambarkan pola baharu.

Keuntungan atau kerugian selepas pelupusan item hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada pelupusan dengan nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

#### (b) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan ialah hartanah (tanah atau bangunan, atau sebahagian daripada bangunan, atau kedua-dua tanah dan bangunan, termasuk hartanah pelaburan bina sendiri) yang dimiliki untuk memperoleh sewa atau untuk kenaikan modal atau untuk kedua-duanya dan tidak digunakan untuk pengeluaran atau pembekalan barang dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran, atau jualan dalam perjalanan biasa perniagaan.

## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### (b) Hartanah Pelaburan (Samb.)

Kos hartanah pelaburan terdiri daripada harga beliannya campur semua kos langsung yang ditanggung untuk membawa hartanah ke lokasi dan keadaannya dengan tujuan untuk digunakan sebagai hartanah pelaburan. Kos hartanah pelaburan bina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk untung dalaman. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama, jika nilai saksama boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Keuntungan atau kerugian kerana perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ianya dikenalpasti.

Semua hartanah pelaburan lain dinyatakan pada kos, tolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul menurut Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan dalam MPERS.

Jika NCIA menetapkan nilai saksama hartanah pelaburan tidak boleh ditentukan atau didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk item hartanah pelaburan yang diukur menggunakan kaedah nilai saksama, hartanah pelaburan itu harus diakaunkan menurut Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan sehingga terdapat kaedah pengukuran nilai saksama yang boleh diguna pakai. Keuntungan atau kerugian kerana perubahan ini, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi pada waktu tempoh perubahan.

#### (c) Penjejasan Nilai Aset Bukan Kewangan

Penjejasan nilai terjadi apabila nilai dibawa aset melebihi nilai yang boleh diperolehi semula. Pada setiap tahun, NCIA menyemak sekiranya terdapat sebarang petunjuk daripada maklumat luaran atau dalaman bahawa aset atau unit penjana tunai mungkin terjejas. Jika ada sebarang petunjuk, NCIA akan menganggarkan nilai aset atau unit penjana tunai yang boleh diperolehi semula.

Jika suatu aset menjana aliran masuk tunai sendiri, aset itu akan diuji untuk penjejasan nilai sebagai berasingan. Jika aset tidak menjana aliran masuk tunai sendiri, aset itu diuji untuk penjejasan nilai bersama dengan aset lain dalam unit penjana tunai, pada tahap terendah dimana aliran masuk tunai dijana dan dikawal untuk tujuan pengurusan dalaman.

Nilai aset atau unit penjana tunai yang boleh diperolehi semula ialah nilai saksamanya yang paling tinggi tolak kos penjualan aset dan nilai semasanya. NCIA menentukan nilai saksama tolak kos penjualan aset atau unit penjana tunai dalam hierarki berdasarkan: (i) harga jualan dalam perjanjian; (ii) harga pasaran dipasaran terbuka; dan (iii) anggaran harga pasaran menggunakan maklumat terbaik yang diperolehi. Nilai semasa dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran masuk tunai bersih (dengan kadar diskaun bersesuaian) aset atau unit, menggunakan belanjawan dan ramalan lima tahun oleh pihak pengurusan yang boleh disokong dan ekstrapolasi aliran masuk tunai untuk tempoh melampaui ramalan atau belanjawan lima tahun itu.

Bagi aset yang diukur mengikut model Kos asas, sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagi unit penjana tunai, sebarang kerugian penjejasan nilai akan diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan nilai dibawa yang diperuntukkan kepada unit, jika ada, dan baki kerugian penjejasan nilai selepas itu diperuntukkan kepada aset lain dalam unit secara pro rata berdasarkan nilai dibawa relatif aset.

Sebarang pembalikan kerugian penjejasan nilai aset dibawa pada model asas kos diiktiraf dalam untung atau rugi, tertakluk kepada had di mana nilai dibawa yang disemak semula tidak melebihi nilai yang akan ditentukan tidak mempunyai kerugian penjejasan nilai diiktiraf sebelum ini.



## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### (d) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan awal dan pengukuran

NCIA mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, entiti dalam NCIA menjadi satu pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen itu.

Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama yang secara amnya ialah harga urus niaga, campur kos urus niaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan itu tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga menjadi perbelanjaan pada untung atau rugi apabila berlaku. Bagi pendahuluan dan persetujuan berkontrak lain yang merupakan urus niaga kewangan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa didiskaunkan pada kadar faedah semasa dipasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

(ii) Pengukuran selepas pengiktirafan aset kewangan

Untuk tujuan pengukuran selepas pengiktirafan, NCIA mengklasifikasikan aset kewangan kepada 2 kategori iaitu: (i) aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi; dan (ii) aset kewangan pada kos dilunaskan.

Selepas pengiktirafan awal, NCIA mengukur semua aset kewangan pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Semua aset kewangan lain tertakluk pada penilaian semula penjejasan nilai menurut Nota (vi) di bawah.

(iii) Pengukuran selepas pengiktirafan liabiliti kewangan

Selepas pengiktirafan awal, NCIA mengukur semua liabiliti kewangan pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(iv) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Bagi tujuan penyahiktirafan, NCIA menentukan sama ada aset kewangan atau liabiliti kewangan perlu dinyahiktiraf keseluruhannya atau bahagian demi bahagian atau daripada satu kumpulan item yang sama.

Aset kewangan, sama ada sebagai satu item atau sebahagiannya, dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tamat, atau apabila NCIA memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu, termasuk dalam keadaan apabila NCIA bertindak hanya sebagai agen memungut bagi pihak penerima pindahan, dan tidak mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan itu atau tidak terlibat secara berterusan dalam pengawalan aset kewangan yang dipindahkan itu.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, dilunaskan secara sah, iaitu sama ada apabila obligasi yang ditetapkan dalam kontrak diselesaikan atau dibatalkan atau tamat. Pengubahsuaian dalam syarat liabiliti kewangan yang sedia ada diambil kira sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu.

## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### (d) Instrumen Kewangan (Samb.)

- (v) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diklasifikasikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ianya terjadi. Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan dibawa pada kos dilunaskan, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila ianya dinyahiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen.

- (vi) Penjejasan nilai dan ketidakupayaan kutipan aset kewangan

NCIA menggunakan model kerugian tertanggung untuk mengiktiraf kerugian penjejasan nilai aset kewangan. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, NCIA meneliti sama ada terdapat sebarang tanda yang menunjukkan bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan terjejas nilai. Tanda-tanda kejadian pencetus kerugian termasuk: (i) kesusahan nyata penerbit atau penanggung obligasi; (ii) pelanggaran kontrak, seperti keingkaran atau pembayaran tertunggak faedah atau prinsipal; (iii) pemberian konsesi luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan pelanggan akan menjadi muflis atau menjalani lain-lain penstrukturan kewangan; (v) kehilangan pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) sebarang data dalam pasaran yang menunjukkan bahawa kemungkinan terdapat penurunan dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada sekumpulan aset kewangan.

Bagi pinjaman bukan semasa dan penghutang dibawa pada kos dilunaskan, anggaran aliran tunai tersemak didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal. Sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dan direkodkan dalam akaun elaun kerugian. Sebarang pembalikan kerugian penjejasan nilai berikutnya bagi aset kewangan dibalikkan dalam untung atau rugi dengan pelarasan sepadan pada akaun elaun itu, tertakluk pada had bahawa pembalikan itu tidak boleh menyebabkan nilai dibawa tersemak aset kewangan melebihi nilai yang jika tidak telah ditentukan sekiranya kerugian penjejasan nilai tidak diiktiraf dahulu.

Bagi dagangan jangka pendek dan penghutang lain, dimana kesan diskaun tidak penting, kerugian penjejasan nilai diuji bagi setiap penghutang yang penting apabila terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Penghutang penting yang kerugian penjejasan nilainya belum diiktiraf dikumpulkan bersama dengan semua penghutang lain mengikut kelas berdasarkan ciri risiko kredit dan disusun tempoh tertunggak. Elaun kolektif dianggarkan untuk kelas kumpulan tersebut berdasarkan pengalaman NCIA dengan nisbah kerugian dalam setiap kelas, dengan mempertimbangkan keadaan pasaran semasa.

#### (e) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan mudah tunai yang berisiko kecil dari segi perubahan nilai saksama dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh NCIA dalam pengurusan komitmen jangka pendek. Bagi tujuan penyata aliran tunai, ianya tidak termasuk deposit tetap yang dicagarkan kepada institusi kewangan.

#### (f) Kumpulan Wang

Kumpulan Wang adalah satu kumpulan wang yang ditubuhkan dan diuruskan mengikut Akta NCIA 2008 (Akta 687).



## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### (g) Peruntukan Bagi Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila NCIA mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lepas yang boleh dianggarkan dengan munasabah, dan ada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa depan dijangka pada kadar pracukai yang menggambarkan penilaian semasa nilai masa wang dalam pasaran dan risiko spesifik bagi liabiliti itu. Penguraian diskaun diiktiraf sebagai kos kewangan.

#### (h) Pengiktirafan Pendapatan

##### (i) Pemberian Geran-Geran Kerajaan Persekutuan

Geran Mengurus dan Pembangunan diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah diprakarakan kelulusannya dan akan diperolehi untuk tahun kewangan tersebut.

Geran Pembangunan diiktiraf dalam penyata pendapatan untuk dipadankan dengan belanja pembangunan seperti mana yang diluluskan. Geran yang tidak dapat dipadankan dengan belanja pembangunan akan ditunjukkan di dalam lembaran imbangan sebagai geran tertunda.

Geran berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset bukan semasa dan diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan asas sistematik ke atas anggaran jangka hayat aset.

##### (ii) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas akrual menggunakan kaedah faedah efektif dalam untung atau rugi.

##### (iii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi berdasarkan garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan diiktiraf sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan sewa, sepanjang tempoh pajakan.

##### (iv) Levi

Levi diiktiraf pada asas akrual.

#### (i) Kebajikan Pekerja

##### (i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan jaminan sosial dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat telah diberikan oleh kakitangan NCIA. Peruntukan yang dijangka untuk pembayaran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar dikenal pasti apabila kakitangan telah memberikan khidmatnya di mana ia akan meningkatkan peluang kakitangan tersebut untuk mendapat ganti rugi. Cuti jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit dikenal pasti apabila ianya berlaku.

Peruntukan dibuat untuk anggaran liabiliti cuti disebabkan oleh perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan.

## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING (SAMB.)

#### (i) Kebajikan Pekerja

##### (ii) Pelan caruman

Pelan caruman adalah pelan faedah pasca penggajian dimana NCIA membuat caruman tetap ke dalam dana bebas dan tidak mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif untuk membuat caruman selanjutnya jika mana-mana dana itu tidak memegang aset yang mencukupi untuk membayar semua faedah pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja pada tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila ianya berlaku. Seperti dikehendaki oleh undang-undang di Malaysia untuk membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

#### (j) Cukai Pendapatan

NCIA dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan surat pengecualian cukai yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua pendapatan pada tahap pendapatan berkanun (kecuali untuk dividen) dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2008 hingga tahun 2017. NCIA telah menerima lanjutan pengecualian cukai untuk 5 tahun (2018-2022) daripada Kementerian Kewangan.

#### (k) Pengukuran Nilai Saksama

Bagi aset dan liabiliti (sama ada item kewangan atau bukan kewangan) yang memerlukan pengukuran nilai saksama atau pendedahan, NCIA mewujudkan hierarki pengukuran nilai saksama yang memberi keutamaan tertinggi kepada sebutharga (tidak diselaraskan) dalam pasaran bagi aset, liabiliti atau instrumen ekuiti dan keutamaan terendah pada input yang tidak boleh dipantau.

Pengukuran nilai saksama item dianggarkan dengan menggunakan sebutharga dalam pasaran jika harga tersebut dapat dipantau. Pasaran terbuka ialah pasaran utama bagi aset atau liabiliti atau, jika tiada, maka pasaran paling serupa untuk aset atau liabiliti; dan yang mana NCIA boleh membuat urus niaga bagi aset atau liabiliti pada harga di pasaran itu pada tarikh pengukuran.

Jika tiada harga dipasaran terbuka, nilai saksama item dianggarkan dengan teknik penilaian menggunakan input daripada pasaran yang dapat dipantau bagi sebahagian besar tempoh penuh aset atau liabiliti.

Jika tiada dikedua-duanya, pengukuran nilai saksama item dianggarkan dengan teknik penilaian menggunakan input tidak boleh dipantau, termasuk andaian munasabah dan boleh disokong.

#### (l) Mata Wang Berfungsi Dan Pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ('RM') yang merupakan mata wang berfungsi NCIA. Semua nilai dibundarkan ke RM terdekat melainkan seperti yang telah dinyatakan.



**NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

**4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

(a) Butiran hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:-

**Aset Operasi**

- Aset yang dibeli menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Mengurus

2019	Perabot & Peralatan pejabat RM	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Pembaikan - Kerja dalam pelaksanaan	Komputer & Peralatan berkaitan komputer RM	Kenderaan RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>							
Pada 1 Januari	908,314	-	-	2,731,467	2,158,623	1,015,501	6,813,905
- Tambahan	83,970	-	-	471,770	61,966	-	617,706
- Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>992,284</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>3,203,237</b>	<b>2,220,589</b>	<b>1,015,501</b>	<b>7,431,611</b>
<b>Susut Nilai Berkumpul</b>							
Pada 1 Januari	823,773	-	-	-	1,970,179	936,004	3,729,956
<b>Perubahan semasa</b>							
- Tambahan	37,772	-	-	-	127,155	45,297	210,224
- Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>861,545</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2,097,334</b>	<b>981,301</b>	<b>3,940,180</b>
<b>Nilai Dibawa</b>							
Pada 31 Disember	130,739	-	-	3,203,237	123,255	34,200	3,491,431

**Aset Pembangunan**

- Aset yang dibeli menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan

2019	Perabot & Peralatan pejabat RM	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Pembaikan - Kerja dalam pelaksanaan	Komputer & Peralatan berkaitan komputer RM	Kenderaan RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>							
Pada 1 Januari	1,716,680	9,660,000	20,340,000	-	163,205	594,438	32,474,323
- Tambahan	-	-	-	-	-	-	-
- Pengelasan Semula	-	-	-	-	-	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>1,716,680</b>	<b>9,660,000</b>	<b>20,340,000</b>	<b>-</b>	<b>163,205</b>	<b>594,438</b>	<b>32,474,323</b>
<b>Susut Nilai Berkumpul</b>							
Pada 1 Januari	1,716,680	15,358	39,342	-	163,205	452,696	2,387,281
<b>Perubahan semasa</b>							
- Tambahan	-	184,293	472,110	-	-	89,520	745,923
- Pengelasan Semula	-	-	-	-	-	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>1,716,680</b>	<b>199,651</b>	<b>511,452</b>	<b>-</b>	<b>163,205</b>	<b>542,216</b>	<b>3,133,204</b>
<b>Nilai Dibawa</b>							
Pada 31 Disember	-	9,460,349	19,828,548	-	-	52,222	29,341,119
<b>Jumlah Nilai Dibawa</b>							
Pada 31 Disember	130,739	9,460,349	19,828,548	3,203,237	123,255	86,422	32,832,550

## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

(a) Butiran hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:- (Samb.)

#### Aset Operasi

- Aset yang dibeli menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Mengurus

2018	Perabot & Peralatan pejabat RM	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Pembaikan - Kerja dalam pelaksanaan	Komputer & Peralatan berkaitan komputer RM	Kenderaan RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>							
Pada 1 Januari	1,015,803	-	-	-	2,320,214	1,015,501	4,351,518
- Tambahan	13,038	-	-	2,731,467	114,049	-	2,858,554
- Hapuskira	(120,527)	-	-	-	(275,640)	-	(396,167)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>908,314</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2,731,467</b>	<b>2,158,623</b>	<b>1,015,501</b>	<b>6,813,905</b>
<b>Susut Nilai Berkumpul</b>							
Pada 1 Januari	897,399	-	-	-	2,091,835	890,582	3,879,816
<b>Perubahan semasa</b>							
- Tambahan	46,860	-	-	-	153,924	45,422	246,206
- Hapuskira	(120,486)	-	-	-	(275,580)	-	(396,066)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>823,773</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>1,970,179</b>	<b>936,004</b>	<b>3,729,956</b>
<b>Nilai Dibawa</b>							
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>84,541</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>2,731,467</b>	<b>188,444</b>	<b>79,497</b>	<b>3,083,949</b>

#### Aset Pembangunan

- Aset yang dibeli menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pembangunan

2018	Perabot & Peralatan pejabat RM	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Pembaikan - Kerja dalam pelaksanaan	Komputer & Peralatan berkaitan komputer RM	Kenderaan RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>							
Pada 1 Januari	1,716,680	-	-	-	163,205	594,438	2,474,323
- Tambahan	-	-	-	-	-	-	-
- Pengelasan Semula	-	9,660,000	20,340,000	-	-	-	30,000,000
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>1,716,680</b>	<b>9,660,000</b>	<b>20,340,000</b>	<b>-</b>	<b>163,205</b>	<b>594,438</b>	<b>32,474,323</b>
<b>Susut Nilai Berkumpul</b>							
Pada 1 Januari	1,716,680	-	-	-	163,205	363,173	2,243,058
<b>Perubahan semasa</b>							
- Tambahan	-	-	-	-	-	89,523	89,523
- Pengelasan Semula	-	15,358	39,342	-	-	-	54,700
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>1,716,680</b>	<b>15,358</b>	<b>39,342</b>	<b>-</b>	<b>163,205</b>	<b>452,696</b>	<b>2,387,281</b>
<b>Nilai Dibawa</b>							
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>-</b>	<b>9,644,642</b>	<b>20,300,658</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>141,742</b>	<b>30,087,042</b>
<b>Jumlah Nilai Dibawa</b>							
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>84,541</b>	<b>9,644,642</b>	<b>20,300,658</b>	<b>2,731,467</b>	<b>188,444</b>	<b>221,239</b>	<b>33,170,991</b>



**NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

**5. HARTANAH PELABURAN**

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	<b>22,735,000</b>	51,620,000
Tambahan hartanah pelaburan	-	-
Keuntungan atau kerugian kerana perubahan nilai	<b>85,000</b>	1,115,000
Pengelasan semula kepada hartanah, loji dan peralatan	-	(30,000,000)
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>22,820,000</b>	22,735,000

Nilai semasa hartanah pelaburan telah ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ("JPPH") Kementerian Kewangan Malaysia.

**6. PENGHUTANG**

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Jangka pendek (Pembayaran balik dari 2011-2019)	-	50,401,730
<b>Tolak:</b> Elaun hutang ragu		(50,401,730)
	-	-
Jangka panjang (Pembayaran balik dari 2020-2023)	-	8,594,447
<b>Tolak:</b> Elaun hutang ragu	-	(8,594,447)
	-	-
	-	-

Pinjaman ini mewakili pembayaran balik pinjaman daripada syarikat-syarikat peneraju untuk tempoh 3 - 12 tahun, tidak bercagar dan tanpa faedah. Tiada elaun hutang ragu diperuntukkan bagi tahun 2019 (2018: RM58,996,177) berdasarkan keputusan waiver yang telah diluluskan melalui mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.

Kesemua pinjaman daripada syarikat-syarikat peneraju telah dikategorikan sebagai geran dan telah dibuat hapuskira. Akaun penghutang telah diselaraskan mengikut amaun hapuskira.

## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 7. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2019 RM	2018 RM
Pelbagai Penghutang	<b>3,054,470</b>	545,962
Tolak: Elaun hutang ragu (Nota a)	<b>(33,107)</b>	(166,577)
	<b>3,021,363</b>	379,385
Deposit	<b>709,372</b>	409,934
Prabayar (Nota b)	<b>3,742,421</b>	1,581,916
	<b>7,473,156</b>	2,371,235

(a) Pergerakan elaun hutang ragu adalah seperti berikut:-

Baki pada 1 Januari	<b>166,577</b>	304,492
Tambahan elaun hutang ragu	<b>99,538</b>	15,746
Elaun hutang ragu tidak lagi diperlukan	<b>(233,008)</b>	(153,661)
Baki pada 31 Disember	<b>33,107</b>	166,577

(b) Ini termasuk tanah pajakan prabayar yang akan dilunaskan seperti berikut:-

Tidak lebih daripada dua belas bulan	<b>3,742,421</b>	430,606
Selepas dua belas bulan	-	1,151,310
	<b>3,742,421</b>	1,581,916

### 8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2019 RM	2018 RM
Wang Tunai dan Baki di Bank	<b>3,271,645</b>	2,075,044
Deposit Tetap di Institusi Kewangan:		
Kumpulan Wang Mengurus	<b>16,633,959</b>	8,994,219
Kumpulan Wang Pembangunan	<b>216,210,603</b>	87,111,309
Dana PEMANDU	-	3,999,982
Dana Khas - UPE	-	36,006,595
Dana Khas - TERAJU	<b>1,534,688</b>	2,923,385
	<b>234,379,250</b>	139,035,490
Jumlah Keseluruhan	<b>237,650,895</b>	141,110,534

Deposit tetap sebanyak RM100,000 (2018 : RM100,000) dicagarkan sebagai jaminan untuk fasiliti bank.

**NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

**9. KUMPULAN WANG MENGURUS**

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	<b>11,294,582</b>	9,744,092
Tambah:-		
Pemberian Kerajaan Persekutuan*	<b>42,390,000</b>	24,949,700
Pendapatan faedah	<b>4,873,342</b>	7,396,506
Pendapatan lain	<b>1,151,090</b>	1,465,295
	<b>59,709,014</b>	43,555,593
Tolak:-		
Perbelanjaan Operasi# (Nota 15)	<b>36,074,101</b>	32,261,011
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>23,634,913</b>	11,294,582

\* Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2019 merupakan pemindahan dana daripada Kumpulan Wang Pembangunan RMK-10 berjumlah RM16,390,000 dan Dana Khas - UPE RMK-10 berjumlah RM26,000,000 kepada Kumpulan Wang Mengurus . Kelulusan MOF bagi pemindahan dana adalah melalui surat bertarikh 12 April 2019 dan 25 Jun 2019.

# Termasuk di dalam Perbelanjaan operasi adalah susut nilai aset operasi untuk tahun semasa berjumlah RM210,224 (2018 : RM246,206).



## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 10. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	141,515,267	207,431,139
Tambah:		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	250,999,200	22,125,000
Pendapatan faedah aset kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	1,485,154
Pendapatan diperolehi semula*	3,340,048	-
Pemberian Yayasan Petronas	2,350,000	-
Pindahan Dana kepada Kumpulan Wang Mengurus**	(16,390,000)	-
Dana disatukan daripada:		
Dana Pemandu	3,999,982	-
Dana Khas - Unit Perancang Ekonomi (UPE)	10,006,595	-
	<b>395,821,092</b>	231,041,293
Tolak: Geran Dana Pembangunan dilunaskan		
Infrastruktur/Projek Fizikal	67,523,732	43,083,280
Program Modal Insan	26,867,598	3,325,159
Perniagaan Tani	9,045,555	11,413,910
Pusat Kecemerlangan dan Program R&D	19,069,533	25,218,524
Kajian	1,200,531	4,999,999
Elaun hutang ragu	-	667,850
Perbelanjaan faedah liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	817,304
	<b>123,706,949</b>	89,526,026
	<b>272,114,143</b>	141,515,267
<b>Diwakili oleh:-</b>		
Hartanah, loji dan peralatan	29,341,119	30,087,042
Hartanah pelaburan	22,820,000	22,735,000
Deposit tetap dengan institusi kewangan	216,210,603	87,111,309
Prabayar	3,742,421	1,581,916
	<b>272,114,143</b>	141,515,267

Termasuk di dalam geran dana pembangunan dilunaskan adalah susut nilai aset pembangunan untuk tahun semasa berjumlah RM745,922 (2018: RM144,223).

Geran dana pembangunan dilunaskan telah dinyatakan semula (*restated*) berdasarkan fokus sektor pembangunan pada masa kini

\* Penyaluran kepada peneraju telah dikembalikan melalui *offset* pembelian tanah yang dinyatakan sebagai Prabayar bagi tahun 2019.

\*\* Pindahan Dana kepada Kumpulan Wang Mengurus dilakukan bagi menampung perbelanjaan Operasi pada tahun 2019.

**NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

**11. DANA PEMANDU**

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	<b>3,999,982</b>	3,999,982
Tambah:		
Dana telah disatukan dan dinyatakan di dalam Kumpulan Wang Pembangunan*	<b>(3,999,982)</b>	-
	-	3,999,982
<b>Baki pada 31 Disember</b>	-	3,999,982
<b>Diwakili oleh:</b>		
Deposit tetap dengan institusi kewangan	-	3,999,982

(Dana PEMANDU - Dana fasilitasi untuk projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA))

\* Dana Pemandu telah disatu dan dinyatakan di dalam Kumpulan Wang Pembangunan.

**12. DANA KHAS - UNIT PERANCANG EKONOMI (UPE)**

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	<b>36,006,595</b>	43,873,014
Tambah : Pemberian Kerajaan Persekutuan	-	-
Pindahan Dana kepada Kumpulan Wang Mengurus*	<b>(26,000,000)</b>	-
Dana telah disatu dan dinyatakan di dalam Kumpulan Wang Pembangunan**	<b>(10,006,595)</b>	-
	-	43,873,014
Tolak: Geran Dana Khas - UPE dilunaskan		
Pendidikan dan Modal Insan	-	5,532,550
Pertanian	-	2,333,869
	-	7,866,419
<b>Baki pada 31 Disember</b>	-	36,006,595
<b>Diwakili oleh:</b>		
Deposit tetap dengan institusi kewangan	-	36,006,595

(Projek dan kajian di bawah "*Border Economic Transformation Programme (BETP)*" serta "*Shared Value Programme*")

\* Pindahan Dana kepada Kumpulan Wang Mengurus dilakukan bagi menampung perbelanjaan Operasi pada tahun 2019.

\*\* Dana Khas - UPE telah disatu dan dinyatakan di dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Dana yang telah dilunaskan berjumlah RM2,622,988 juga telah turut disatu dan dinyatakan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan.

## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 13. DANA KHAS - TERAJU

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki pada 1 Januari	<b>2,923,385</b>	10,594,881
Tolak: Geran Dana Khas - TERAJU dilunaskan	<b>1,388,697</b>	7,671,496
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>1,534,688</b>	2,923,385
<b>Diwakili oleh:</b>		
Deposit tetap dengan institusi kewangan	<b>1,534,688</b>	2,923,385

(Dana fasilitasi untuk projek Bumiputera melalui TERAJU@Koridor)

### 14. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pemiutang Lain	<b>2,671,972</b>	1,839,654
Perbelanjaan Terakru	<b>820,885</b>	1,808,295
	<b>3,492,857</b>	3,647,949



**NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

**15. PERBELANJAAN OPERASI**

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Kumpulan Wang Mengurus:		
- Gaji	<b>16,438,484</b>	13,578,303
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	<b>2,914,034</b>	2,968,329
- Kumpulan Wang Keselamatan Sosial	<b>127,218</b>	131,537
- Kos kakitangan lain	<b>1,909,059</b>	242,062
- Elaun kenderaan	<b>1,483,777</b>	1,553,302
- Elaun perjalanan	<b>57,919</b>	63,367
Sewaan pejabat	<b>245,246</b>	1,467,991
Perbelanjaan pejabat	<b>649,513</b>	1,022,654
Susut Nilai hartanah, loji dan peralatan	<b>210,224</b>	246,206
Promosi, Pemasaran Serta Penggalakan Pelaburan	<b>328,240</b>	(501,009)
Penginapan dan perjalanan	<b>3,373,067</b>	4,041,624
Fi guaman dan profesional	<b>2,297,686</b>	637,523
Elaun Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	<b>174,200</b>	122,122
Elaun Ahli Jawatankuasa Pengurusan	<b>4,500</b>	-
Elaun Ahli Jawatankuasa Tender	<b>3,850</b>	2,600
Elaun Ahli Jawatankuasa Audit	<b>3,800</b>	7,950
Kos percetakan dan alat tulis	<b>326,366</b>	338,417
Sewaan peralatan lain	<b>88,090</b>	142,288
Penyelenggaraan dan pembaikan	<b>1,436,924</b>	1,600,873
Kos perubatan	<b>1,521,770</b>	2,024,087
Kos keraian	<b>317,147</b>	404,260
Caj bank	<b>1,072</b>	4,690
Kos utiliti	<b>1,416,822</b>	1,339,288
Pos dan penghantaran	<b>4,557</b>	10,051
Kos telekomunikasi	<b>591,739</b>	681,085
Fi Audit	<b>20,386</b>	19,373
Latihan dan pembangunan modal insan	<b>28,873</b>	96,191
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	-	101
Elaun hutang ragu	<b>99,538</b>	15,746
	<b>36,074,101</b>	32,261,011

## NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

### 16. MAKLUMAT PEKERJA

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Kos kakitangan	<b>22,930,492</b>	18,536,900

Termasuk dalam kos kakitangan adalah sumbangan daripada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM2,914,034 (2018: RM2,968,329).

### 17. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

#### Manfaat bagi pegawai pengurusan utama

Pegawai pengurusan utama ialah kakitangan yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti NCIA, secara terus atau sebaliknya. Jumlah manfaat bagi pegawai pengurusan utama NCIA sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:-

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Jumlah manfaat bagi pegawai pengurusan utama	<b>5,130,532</b>	3,991,096

### 18. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan surat pengecualian cukai yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua punca pendapatan diperingkat pendapatan statutori (kecuali pendapatan dividen) dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun mulai tahun taksiran 2008 hingga 2017. NCIA telah menerima lanjutan pengecualian cukai untuk 5 tahun (2018-2022) daripada Kementerian Kewangan.

Penyesuaian perbelanjaan cukai yang dikenakan kepada lebihan sebelum cukai pada kadar cukai diperingkat pendapatan statutori kepada perbelanjaan cukai pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut:-

	<b>2019</b>	<b>2018</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Lebihan sebelum cukai	<b>12,340,331</b>	1,550,490
Cukai diperingkat pendapatan statutori @ 24%	<b>(2,961,679)</b>	(372,118)
Perbelanjaan yang tidak boleh ditolak untuk pengiraan cukai	<b>(38,680,739)</b>	(32,957,988)
Pendapatan yang dikecualikan cukai	<b>41,642,419</b>	33,330,106
	-	-

**NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

**19. KOMITMEN PERBELANJAAN OPERASI DAN PEMBANGUNAN**

	2019 RM	2018 RM
<b>Diluluskan dan dikontrakkan</b>		
Komitmen perbelanjaan pembangunan	<b>442,803,339</b>	127,907,036
<b>Diluluskan dan belum dikontrakkan</b>		
Komitmen perbelanjaan pembangunan	<b>87,645,589</b>	341,115,800

**20. KOMITMEN PERBELANJAAN MODAL**

	2019 RM	2018 RM
<b>Diluluskan dan dikontrakkan</b>		
Komitmen perbelanjaan modal	<b>624,048</b>	444,893

**21. LIABILITI LUAR JANGKA**

NCIA telah menandatangani MOU pada 29 Mac 2010 dan perjanjian pada 17 Januari 2011 bagi Program Akuakultur Selinsing Perak (PASP) dengan syarikat Hannan Corporation Sdn Bhd (Hannan). Pihak NCIA telah melakukan penilaian pencapaian projek dan pemeriksaan di lapangan pada 2017 dan memutuskan bahawa Hannan telah gagal memenuhi terma perjanjian. Pihak Hannan juga dikehendaki mengembalikan sejumlah RM25,181,012.80 dana yang telah dikeluarkan oleh NCIA untuk projek ini.

Proses perbincangan masih berjalan dan Hannan telah membuat tuntutan sebanyak RM8,560,000.00 bagi dana yang diperuntukkan untuk program tersebut.

Penasihat Perundangan NCIA berpandangan bahawa kebarangkalian tuntutan daripada Hannan untuk berjaya adalah rendah.

**22. PERISTIWA SUSULAN**

Pada 16 Mac 2020, Kerajaan Malaysia mengumumkan penerapan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") di seluruh negara untuk membendung penyebaran jangkitan COVID-19 di Malaysia berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.

Sebelum penyata kewangan ini dikeluarkan, Ahli Majlis telah mempertimbangkan kesan dari wabak COVID-19 di Malaysia, yang boleh mempengaruhi kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai NCIA berakhir pada tarikh pelaporan di atasnya.

Pihak Pengurusan NCIA menyimpulkan bahawa kesan peristiwa yang tidak dapat diselaraskan dari wabak COVID-19 tidak memberi pengaruh yang besar untuk nilai saksama aset kewangan dan aset bukan kewangan NCIA, termasuk klasifikasi item semasa dan bukan semasa yang menunjukkan pada tarikh pelaporan.

Memandangkan keadaan ekonomi semasa, ini sukar bagi pihak Pengurusan NCIA untuk menganggarkan prestasi kewangan dan aliran tunai NCIA untuk tempoh yang berakhir pada 12 bulan berikutnya dari tempoh laporan ini. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan menunjukkan kemampuan mereka untuk terus beroperasi dan sokongan aliran kewangan berterusan NCIA dapat memenuhi kewajipan pembayaran hutang dalam tempoh dua belas bulan berikutnya dari tarikh laporan ini.



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.







[www.ncer.com.my](http://www.ncer.com.my)

## **DIREKTORI**

### **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)**

#### **IBU PEJABAT**

No. 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18,  
Penang Science Park,  
14100 Simpang Ampat,  
Pulau Pinang, MALAYSIA  
Tel : + (604) 502 0708  
Fax : + (604) 502 0194

---

### **PEJABAT PERLIS**

Aras Bawah, Pejabat Pentadbiran CVIA-IBC,  
Jalan Ulu Pauh – Padang Besar,  
Chuping, Mukim Titi Tinggi  
02100 Padang Besar,  
Perlis, MALAYSIA  
Tel : + (604) 946 2793  
Fax : + (604) 946 2651

### **PEJABAT KEDAH**

No. 30A, Tingkat 2, Wisma PKNK,  
Jalan Sultan Badlishah,  
05000 Alor Setar,  
Kedah, MALAYSIA  
Tel : + (604) 732 9881  
Fax : + (604) 734 2881

### **PEJABAT PERAK**

Aras 10 (Office 9),  
Menara Perak Techno Trade Centre (PTTC),  
Bandar Meru Raya,  
Off Jalan Jelapang,  
30020 Ipoh,  
Perak, MALAYSIA  
Tel : + (605) 525 3617  
Fax : + (605) 525 3615

### **PEJABAT CYBERJAYA**

C-09-02, C-09-3A & C-09-06, iTech Tower,  
Jalan Impact, Cyber 6,  
63000 Cyberjaya,  
Selangor, MALAYSIA  
Tel : + (603) 8322 2222  
Fax : + (603) 8322 6417